

## ***Laporan Persidangan***

### **PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KEDUA**

#### **DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS**

---

***Hari*** : ***29 Julai 2008 (Selasa)***

***Tempat*** : ***(Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang)***

***Jam*** : ***9.30 Pagi.***

---

Speaker (YB. Tuan Abdul Halim bin Hussain)  
Ahli Kawasan Air Putih (YAB. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri  
Ahli Kawasan Penanti (YB. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) –  
Timbalan Ketua Menteri I  
Setiausaha Kerajaan Negeri (YB. Dato' Jamaludin bin Hasan)  
Penasihat Undang-undang Negeri (YB. Puan Faiza bt. Zulkifli)  
Pegawai Kewangan Negeri (YB. Dato' Supiah bt. Md. Yusof )  
Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) –  
Timbalan Ketua Menteri II

- “ Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow)
- “ Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
- “ Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng)
- “ Batu Lancang (YB. Tuan Law Heng Kiang)
- “ Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh)
- “ Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang)
- “ Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai)
- “ Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi)
- “ Machang Bubuk (YB. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan  
Speaker
- “ Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai)
- “ Sungai Bakap (YB. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
- “ Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
- “ Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd  
Rahman)
- “ Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Tuan Yeoh Soon Hin)  
“ Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu)  
“ Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)  
“ Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng)  
” Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee)  
“ Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen)  
“ Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin)  
“ Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)  
“ Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan)  
“ Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee)  
“ Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat)  
“ Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)  
“ Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)  
“ Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)  
“ Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)  
“ Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)  
“ Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)  
“ Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin)  
“ Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)  
“ Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)  
“ Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)  
“ Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)  
“ Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

## **TURUT HADIR**

Encik Rosmin bin Yaakob - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

**Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha:**

Doa.

**YB. Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula, penggulungan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamad):**

YB. Tuan Speaker, saya mohon di bawah Peraturan 38 untuk saya menarik balik usul yang telah saya kemukakan dalam urusan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perkara 7(g). Ini selaras dengan Peraturan 38.

**YB. Tuan Speaker:**

Mengikut susunan mesyuarat yang diedarkan Ahli Kawasan Sungai Dua mengemukakan usul yang telah diedarkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, jadi usul itu ditarik balik. Diterima. Seterusnya kita teruskan dengan penggulungan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Bismillahi Rahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Salam Sejahtera YB. Tuan Speaker. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada YB. Tuan Speaker, yang telah berjaya memimpin Dewan Yang mulia ini dengan bijaksana. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersikap profesional yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri YB. Dato' Jamalaludin Bin Hasan, Pegawai Kewangan Negeri, YB. Dato' Supiah, Penasihat Undang-Undang Negeri YB. Puan Faiza dan semua ketua-ketua jabatan dan seluruh warga kakitangan Kerajaan Negeri mahu pun Kerjajaan Pusat yang telah menjalankan tugas dengan baik sejak dari 8 Mac lagi. Sungguhpun terdapat sedikit sebanyak *teething problem* ... (dengan izin), tetapi ini semua dalam segi *inter-personal relationship* ...(dengan izin), yang perlu ditangani oleh semua pihak, Insya-Allah.

Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat Pembangkang pagi ini di dalam Dewan yang mulia ini. Pembangkang adalah .....(dengan izin), *A constructive opposition is and incential and intergal part of successful democratic system of A State or Nation.*

YB. Tuan Speaker, menjawab persoalan daripada YB. Seberang Jaya dan beberapa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain tentang perniagaan perdagangan di Pulau Pinang. Semenjak dahulu lagi sejarah membuktikan sektor perdagangan merupakan salah satu daripada aktiviti penting bagi ekonomi Negeri Pulau Pinang. Kita mahu mengembalikan zaman kegemilangan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan yang strategik dan termasyhur di dunia. Kita mahu kedudukan kita setanding dengan negara jiran kita Singapura. Seperti dahulu Pulau Pinang dan Malaysia telah ketinggalan berbanding dengan negara-negara Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Vietnam dan Thailand. Jawatankuasa MMK Perdagangan dan Perniagaan akan memainkan peranan dalam merancang strategi serta aktiviti-aktiviti untuk membangunkan dan memajukan sektor ini.

YB. Tuan Speaker, objektif utama ialah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat wilayah bagi aktiviti-aktiviti perdagangan dan pengedaran perkhidmatan yang efektif, efisien dan menguntungkan. Sebagai aktiviti yang akan *complement*,.... (dengan izin), kepada sektor pembuatan dan ICT. Objektif ini boleh dicapai dengan mengeksplorasi secara positif -\*kedudukan strategik Pulau Pinang dengan kerjasama negara-negara di kawasan ASEAN Utara dan IMT-GT, Indonesia, Malaysia, Thailand, Growth Triangle....(dengan izin), Pembangunan, kemudahan infrastruktur pelabuhan dan lapangan terbang yang efisien menjadi faktor penting untuk mendorong dan menarik lebih banyak aktiviti perdagangan. Penambahan bilangan Domestik dan Antarabangsa akan melicinkan lagi perjalanan perdagangan dua hala ini. Pihak Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mendapatkan penerbangan terus dari beberapa negara terutama dari Timur Tengah. Strategi utama yang akan dijalankan bagi mencapai matlamat ini adalah dengan mengadakan satu petanda aras *benchmark* ....(dengan izin), bagi Pulau Pinang. Kita akan menjadikan negara seperti Singapura, Hong Kong dan Dubai sebagai petanda aras.

Negara-negara ini dipilih adalah berdasarkan faktor-faktor bersamaan dan latar belakang dengan Pulau Pinang. Seperti Singapura mempunyai persamaan sejarah kedudukan pelabuhan yang strategik, budaya dan bahasa. Hong Kong sais kedudukan dan pelabuhan yang strategik Pulau dengan tanah besar. Dubai pusat perdagangan antarabangsa berbilang kaum, pusat pelancongan dan sebagainya. Beberapa langkah awal telah dirancang bagi melaksanakan strategi ini di antaranya ialah mengadakan program, seminar ....(dengan izin), *doing business in China, India and Dubai challenges and opportunities*, bagi memberi pendedahan awal kepada peniaga-peniaga Pulau Pinang mengenai ketiga-tiga Negara ini, mengadakan hubungan G to G, dengan Dubai dan Abu Dhabi bagi menjurus kepada terjalannya bandar berkembar *twin city* ....(dengan izin), diantara Pulau Pinang dengan Dubai. Mengeratkan hubungan antara Hong Kong dan Singapura dengan Pulau Pinang di antaranya bagi mempelajari bagaimana kedua-dua negara ini Hong Kong dan Singapura melalui krisis ekonomi dunia beberapa kali dengan baiknya.

YB. Tuan Speaker, bagi Negeri Pulau Pinang, pembangunan serantau terutamanya inisiatif rantau kecil dalam ASEAN iaitu Pertumbuhan Tiga Segi Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) akan diperkukuhkan melalui kerjasama ekonomi yang lebih erat. Penglibatan pihak swasta untuk mengenal pasti program dan forum kerjasama ekonomi perlu dipergiatkan. Walaupun pihak swasta telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui kerjasama dalam perdagangan dan perniagaan, namun hasilnya belum begitu memberangsangkan. Satu mekasma sedang dirangka untuk merangsangkan dan menggalakkan pertumbuhan IMT-GT.

Kerajaan Negeri juga sedang merancang untuk menjalinkan kerjasama erat dengan Wilayah Autonomi Aceh. Aceh adalah diantara satu kawasan perdagangan yang bernilai sejak dahulu. Aceh mempunyai sumber kekayaan tersendiri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sedang mengambil peluang untuk mendapatkan kepercayaan dan hubungan rapat perdagangan dengan Aceh.

Dalam hubungan ini, lebih banyak promosi perdagangan, *trade fair*, ....(dengan izin), dan misi perdagangan dan pelaburan, *trade and investment mission*, sedang dirancang dan diatur untuk memperkukuhkan kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta. Promosi Perdagangan Pesta Pulau Pinang yang diadakan

setiap tahun sedang dalam proses penjenamaan semula, *rebranding*, bagi memastikan peranannya sebagai satu platform perdagangan dalam negeri dan kerjasama ekonomi dengan melibatkan sektor awam dan swasta dari Negara-negara Asean seperti China dan India serta negara-negara lain diperkukuhkan lagi. Keperluan untuk mendirikan *Penang International Trade and Convention Centre* juga sedang dalam kajian dan perancangan Kerajaan Negeri.

YB. Tuan Speaker, Pulau Pinang juga telah menjalinkan hubungan antarabangsa dengan Xiamen, Yokohama dan Adelaide melalui Program Bandar Berkembar. Kerjasama semasa ini wujud terutamanya dalam bidang kebudayaan dan pelancongan perlu diperkembangkan untuk merangkumi kerjasama dalam bidang ekonomi seperti industri, perdagangan dan perniagaan serta kerjasama teknikal, latihan dan pendidikan. Inisiatif Bandar Berkembar juga perlu dijalin dengan lebih banyak terutama dengan Wilayah Dubai, Hong Kong, Chen Zen, Bangalore yang sedang pesat membangun. Misalnya kerjasama di dalam bidang ICT perlu diwujudkan dengan Bangalore yang merupakan pusat ICT yang terkenal di dunia. Hong Kong mempunyai kepakaran dalam segi kewangan antarabangsa, perdagangan dan hartanah. Singapura juga dari segi perdagangan, pengeluaran, servis kewangan dan Dubai sebagai bandar raya yang termaju di dunia.

YB. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan bantuan sektor IKS dan EKS melalui pelbagai agensi kerajaan dan Persekutuan seperti PDC, investPenang, SMDEC, Matrade, MARA dan PERDA. Kerajaan Negeri melalui agensinya PDC dan investPenang sedang melaksanakan pelbagai program latihan peningkatan pengetahuan dalam bidang perniagaan dan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti bangunan dan kompleks komersial untuk digunakan oleh EKS dengan kadar sewaan atau jualan dengan harga yang berpatutan. Dalam usaha Jawatankuasa MMK Perdagangan, Promosi Perdagangan membantu IKS dan EKS ini dengan menubuhkan satu jawatankuasa kerja bagi merancang penubuhan Pusat Sumber IKS bersama Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Pulau Pinang. Ia dicadangkan sebagai satu pusat *serenti, one stop centre, ....* (dengan izin), bagi pertemuan semua ahli industri, pusat pengumpulan maklumat pengkalan data, pusat pameran global,

platform bagi IKS, EKS untuk membawa dan menyelesaikan masalah mereka. Ia akan membolehkan dan memudahkan para pelabur dan para pengimport yang datang ke Pulau Pinang untuk melawat ke pusat ini dan berurusan seperti mendapatkan data dan mengadakan pertemuan dengan IKS dan EKS tempatan.

YB. Tuan Speaker, menjawab soalan Pinang Tunggal, bagi melihat dan mengenali serta membantu menyelesaikan masalah peniaga-peniaga tempatan, saya telah mengkhaskan setiap hari Khamis untuk berjumpa dengan persatuan-persatuan perdagangan dan perniagaan, persatuan-persatuan IKS, badan-badan profesional dan lain-lain yang berkenaan. Setakat ini, banyak persatuan telahpun membuat pertemuan dan banyak lagi pertemuan akan diadakan. Pertemuan-pertemuan ini akan diadakan secara berkala iaitu setiap 3 bulan sekali atau jika diperlukan. Saya senaraikan bersama ini persatuan-persatuan yang telah mengadakan pertemuan dan perjumpaan iaitu :-

- (i) Pertubuhan Arkitek
- (ii) Malaysian Association of Hotel
- (iii) Penang Chinese Chamber
- (iv) Dewan Perniagaan Melayu
- (v) Malaysian Indian Chamber
- (vi) Federation of Malaysian Manufacturing of Association
- (vii) Persatuan Perdagangan dan Pengusaha-pengusaha Melayu Malaysia dan sebgaiannya.

Persoalan yang ditimbulkan oleh YB. Pinang Tunggal berhubung sebuah NGO iaitu *Penang Consumer Protection Association* yang telah menghantar 30 emel tanpa dijawab. Saya hendak tanya YB. Pinang Tunggal sama ada beliau faham Bahasa Inggeris atau tidak kerana kenyataan itu jelas yang mengatakan jabatan dan Kementerian Persekutuan yang dimaksudkan. Ini cukup terang, ....(dengan izin), *Ministry departments stay mum over dialogue on consumer's issues*, terus-terang dikatakan di sini iaitu,

...(dengan izin), *that is has not received any reply to its 30 emails sent to several ministries and several federal government departments seeking dialogue on consumer effects.* Untuk pengetahuan YB. Pinang Tunggal, Persatuan Penang Consumer Protection Association ini adalah sebahagian daripada ahli jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna dan juga *Consumer Watch*.

YB. Tuan Speaker, bagi menjawab persoalan YB. Permatang Berangan, kita mempunyai Ketua Menteri yang mempunyai visi dan berpandangan jauh. YAB. Ketua Menteri telah memulakan inisiatif Pusat Halal Antarabangsa atau International Halal Hub selepas mengunjungi pameran World Halal Forum 2008 di Kuala Lumpur pada 12 Mei 2008 di KLCC Convention Centre dan telah mengadakan pertemuan dengan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, YB. Zaid Hamidi. Pada awal bulan Jun kita telah memulakan usaha ini dan insya-Allah sebuah pejabat akan dibuka untuk menerajui industri ini dengan kerjasama beberapa pihak.

YB. Tuan Speaker, di era globalisasi ini, kesedaran terhadap hukum halal dan haram di dalam penggunaan barangan oleh pengguna (*consumer goods and services*) telah meningkat secara drastik yang telah memberi kesan positif kepada industri produk-produk halal di seluruh dunia. Produk-produk halal di seluruh dunia secara umumnya terbahagi kepada 4 kategori iaitu daging (*meat and meat based*), makanan *diproses* (*processed food*), kosmetik dan produk penjagaan diri (*cosmetics and personal care*) dan produk farmaseutikal (*pharmaceuticals*). Sebuah jurnal antarabangsa iaitu The Halal Journal melaporkan bahawa kesedaran terhadap hukum halal produk-produk yang tersebut di atas di kalangan penduduk Asia, Timur Tengah dan Eropah meningkat secara berterusan sehingga kesedaran terhadap daging (*meat and meat based*) di Asia telah mencapai 95% diikuti dengan Eropah 93% dan Timur Tengah sebanyak 91%.

Permintaan terhadap produk halal yang terus meningkat ini telah menggalakkan syarikat gergasi seperti Nestle turut memberi fokus serta melibatkan diri di dalam pembuatan, pembungkusan serta penjualan produk-produk pengguna (*consumer products*) yang diiktiraf halal khususnya bahan makanan. Disebabkan permintaan terhadap produk halal semakin tinggi, negara bukan



umat Islam seperti Perancis dan Netherlands juga turut menyediakan kawasan-kawasan atau rak-rak khas di pasaraya-pasaraya besar yang menjual barangan halal sahaja. Sebagai contoh, sekarang ini sudah terdapat kawasan atau rak-rak khas untuk produk-produk halal di pasaraya-pasaraya Carrefour di Perancis dan pasaraya Albert Heijin di Netherlands.

Ini membuktikan bahawa produk halal sebenarnya telah melangkah batas keagamaan dan ianya diterima oleh penduduk dunia hari ini tanpa mengira agama, kaum atau warna kulit di atas faktor produk-produk yang disediakan mengikut hukum-hukum halal yang ditetapkan oleh syarak, adalah sebenarnya terjamin kesuciannya dan adalah yang terbaik untuk kesihatan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta penjelasan. YB. Tuan Speaker, saya rasa yang dijelaskan oleh YB. Batu Maung, semua pihak sudah maklum kerana ini adalah perkembangan secara global. Cuma yang saya minta ialah penjelasan yang agak *specific and narrow* kepada perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadi kalau boleh dapat YB. Batu Maung menjelaskan secara lebih fokus dan lebih tepat perancangan sebenar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari segi cadangan pewujudan halal hub dan sebagainya seperti di mana, tempat dan bila dirancang dan sebagainya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):**

Terima kasih YB. Permatang Berangan. Saya ingin teruskan oleh sebab sebelum saya sampai ke situ, latar belakangnya kita mesti faham sedikit sebanyak. Laporan kajian terperinci ke atas perdagangan produk dan perkhidmatan halal di lebih dari 12 buah Negara termasuk Afrika Selatan, Jepun, Thailand, Indonesia, Brunei, Singapura, UAE, Hong Kong, Jerman, Netherlands, Belgium dan Perancis turut dilaporkan oleh The Halal Journal. Menurut laporannya pada Jun 2008, bagi tahun 2007 sahaja, konsumsi dunia (*world consumption*) bagi daging halal adalah sejumlah 151.2 juta tan metrik iaitu bersamaan dengan nilai USD334.4 bilion, manakala konsumsi di negara-negara Islam

sahaja sejumlah 24.7 juta tan metrik iaitu bersamaan dengan nilai USD57.2 bilion. Potensi terhadap permintaan produk serta perkhidmatan halal di peringkat global ini akan terus meningkat dari tahun ke tahun dengan jumlah dagangan yang akan mencapai nilai *trillion dollar US*.

YB. Tuan Speaker, oleh itu Pulau Pinang sebagai pusat pembuatan dan perdagangan bertaraf antarabangsa akan dengan segera merebut peluang ini dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai hub produk halal bertaraf antarabangsa. Pulau Pinang sebagai sebuah *brown field* dan bukan *green field* adalah amat baik sekali untuk dibangunkan sebagai halal hub antarabangsa yang bercirikan 10 teras utama iaitu:

- (i) Pembuatan
- (ii) Pembungkusan
- (iii) Pemasaran
- (iv) Logistik
- (v) Kewangan Islam
- (vi) Gudang
- (vii) Pengiktirafan halal
- (viii) Latihan Kemahiran
- (ix) Research and Development
- (x) Sumber Manusia

YB. Tuan Speaker, ciri-ciri asas yang sedia ada di Pulau Pinang sekarang ini amat kondusif untuk mencapai 10 teras utama untuk dibangunkan sebagai halal hub bertaraf antarabangsa yang akan menjadi salah satu pembekal utama keempat-empat kategori produk halal ke Negara-negara Asia, Timur Tengah, Eropah dan juga Amerika.

Pulau Pinang sudah wujud sebagai pusat pembuatan (manufacturing) dan pembungkusan (packaging) produk elektronik sejak puluhan tahun yang lalu. Oleh itu, infrastruktur sokongan untuk mewujudkan pusat-pusat pembuatan bagi produk-produk halal sudah tersedia wujud dan hanya perlu dinaiktaraf sahaja untuk menjadikannya sebagai bertaraf antarabangsa supaya mampu memenuhi permintaan global. Selain daripada itu, perkhidmatan sokongan seperti sistem komunikasi dan ICT yang moden yang terdapat di Pulau Pinang merupakan ciri yang terpenting untuk menjadikan pemasaran (marketing) lebih moden dan mencapai sasaran yang tepat.

Selain daripada itu, wujudnya sistem komunikasi dan ICT yang moden ini, Pulau Pinang juga mempunyai ramai tenaga pakar (*specialist*) di dalam memberi khidmat sokongan seperti *software development and graphic design* kepada aktiviti-aktiviti pemasaran. Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang mempunyai 2 terminal kargo udara yang mampu mengendalikan pesawat kargo udara sehingga bersaiz Boeing 747 merupakan faktor paling strategik di dalam memberi perkhidmatan logistik ke arah mencapai cita-cita menjadikan Pulau Pinang sebagai halal hub bertaraf antarabangsa.

Selain daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pelabuhan Pulau Pinang yang terletak di dalam segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle atau IMT-GT boleh memainkan peranan sebagai *feeder port* melalui jaringan lebuh raya dan perkhidmatan sokongan lori kargo yang moden yang terdapat pada hari ini maka produk-produk halal dari negeri-negeri jiran seperti Kedah, Perlis, Perak juga dapat dikumpulkan di gudang-gudang *web house* yang menepati syarat-syarat halal mengikut hukum syarak yang boleh dibina sekitar pelabuhan Pulau Pinang dan Butterworth. Produk-produk ini kemudian boleh dimuatkan dalam bungkusan *packaging* yang menepati piawaian halal antarabangsa dan terus dieksport ke pasaran antarabangsa sama ada melalui perkhidmatan kargo udara mahu pun kapal laut.

Sistem kewangan dan perbankan Islam *Islamic Finance and Banking* serta Insurans yang terdapat di Malaysia hari ini adalah bertaraf dunia dan sekiranya terdapat keperluan atau permintaan tinggi terhadap perkhidmatan ini maka secara automatik bank-bank

dan syarikat-syarikat insurans ini akan membuka cawangan di zon-

zon halal yang akan diwujudkan. Tenaga kerja human *resources* yang terdapat di Pulau Pinang pada hari ini mempunyai tahap pendidikan yang mampu menyokong industri yang akan diwujudkan. Penang Skill Development Centre (PSDC) boleh memainkan peranan yang penting bagi menjalankan latihan kemahiran untuk membentuk modul-modul bagi menjalankan latihan bagi mewujudkan tenaga kerja yang berkompeten di dalam industri yang sedang berkembang ini.

Selain daripada sembilan teras yang tersebut di atas. Teras yang kesepuluh merupakan nadi kepada kejayaan industri halal iaitu Research and Development (R&D). Kita perlu menyediakan R&D yang bertaraf dunia bagi memastikan produk halal yang dihasilkan dan dieksport dari Pulau Pinang ini mempunyai piawaian antarabangsa. Ia tidak menjadi masalah kepada Pulau Pinang yang selama ini mempunyai ramai tenaga pakar atau saintis yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi mahu pun di syarikat swasta yang terdapat di Pulau Pinang. Sekiranya terdapat permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan R&D untuk membangunkan produk-produk halal ini maka pakar-pakar ini sudah pasti akan merebut dan berusaha gigih untuk tidak melepaskan peluang keemasan dan memberi pulangan yang lumayan.

Pulau Pinang harus mengambil kesempatan dan merebut peluang ini kerana lokasi Pulau Pinang dan sepuluh teras utama untuk dijadikan satu kejayaan sudah sedia ada Pulau Pinang. Jikalau peluang ini tidak direbut, Thailand akan menjadikan industri ini sebagai satu sumber pendapatan utama kepada negaranya. Sehingga ini Thailand sudah pun membangun pusat R&D bagi produk-produk halal antaranya ialah Halal *Research Centre* di University of Chulalongkorn yang terletak di Songkla Selatan iaitu berjarak empat jam perjalanan melalui jalan raya dari Pulau Pinang. Selain daripada itu, pusat-pusat R&D ini Thailand melalui *Islamic community of Thailand* telah pun mengeluarkan pengiktirafan halal kepada ratusan produk keluaran Thailand dan produk-produk ini telah eksport ke Timur Tengah. Ini dalam nilai eksport menjangkau *billion dolar US*. Bagi tahun 2006, 2007 eksport Thailand sudah mencecah 1 billion. Perkhidmatan industri logistik di Thailand untuk produk halal juga berkembang dengan

pesat akibat daripada permintaan produk-produk halal Thailand di seluruh dunia dan terus meningkat.

YB. Tuan Speaker, kesan ekonomi terhadap Pulau Pinang yang akan dihasilkan atas kewujudan Halal Hab Antarabangsa Pulau Pinang ini amatlah besar. Peluang pekerjaan akan diwujudkan hasil daripada pewujudan industri baru ini adalah amat besar. Industri-industri sokongan lain yang dapat berkembang adalah banyak sekali. Antaranya perbankan, insuran, pembekal bahan-bahan binaan, pembekal plastik, pengangkutan awam, pengangkutan udara, pengiklanan, industri perhotelan, industri makanan, industri automotif dan lain-lain. Industri ini boleh menjadi satu industri baru bagi memaju pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang dan menjadi antara sumbangan utama kepada KDNK Negeri Pulau Pinang di masa akan datang.

YB. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk merebut peluang perdagangan halal yang besar ini. Beberapa langkah telah dirancang untuk mencapai matlamat. Di antaranya ialah mengumpul dan mendaftar semua pengeluar produk halal, perkhidmatan logistik industri halal yang sedia ada. Mempromosi Pulau Pinang sebagai halal hab antarabangsa dan menjemput pelabur-pelabur antarabangsa untuk melabur di sini. Dalam bidang pengeluaran, perkhidmatan logistik dan lain-lain. Menyediakan pemasaran produk halal di dalam negeri dan di luar negeri. Di antara langkah awal yang dicadangkan untuk pihak swasta ialah sektor peruncitan. Kedai runcit halal, halal supermarket. Jika dilihat daripada senarai penguasa produk halal yang dikeluarkan oleh matrik yang bertajuk *Malaysian Exporter of Halal Product* terdapat ratusan jenis produk yang telah mendapat status halal. Jika dikumpulkan semua produk ini adalah tidak mustahil untuk pihak swasta membuka kedai-kedai runcit, mini market dan *supermarket*. Langkah awal ini saya pasti akan mendapat sambutan hangat dan menjadi satu peluang perniagaan yang baik di Pulau Pinang. YB. Tuan Speaker, banyak persoalan telah dibangkitkan berhubung dengan kenaikan harga barang. Kadar minyak mentah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Sebelum itu, saya minta penjelasan sedikit. Saya rasa Ahli Kawasan Batu Maung tidak memberikan satu penjelasan yang memuaskan kerana penjelasan tadi kebanyakannya adalah maklumat asas yang semua orang tahu. Sekarang ini saya hendak

tanya betul-betul. Apakah komitmen Kerajaan Negeri yang lebih

jelas? Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan satu halal *bisnes centre* atau pun satu urusan yang dipusatkan, *centralize*? Bermaksud di sini, kalau ada pengusaha-pengusaha yang ingin mengeluarkan produk halal dan sebagainya. Mengadakan *business matching* dan sebagainya. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme sedemikian rupa? Jadi, kalau tadi kita mendengar tentang *facilities* ....(dengan izin), kemudahan-kemudahan yang kita ada daripada kemudahan kita ada itu sebab itu Kerajaan Pusat merancang menjadikan zon ini sebagai Zon NCER tetapi merancang Zon NCER tanpa penglibatan secara khusus oleh Kerajaan Negeri tidak ada. Jadi, kita nanti hanya akan melihat saja perkembangan tersebut. Jadi, saya hendak tahu. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang lebih khusus iaitu mewujudkan pusat halal hab yang ada pentadbirannya, ada pengurusannya? Macam kita buat investPenang. Adakah halal hab ini akan diletakkan di bawah investPenang atau pun industri halal hab ini akan diterajui oleh Kerajaan Negeri melalui satu mekanisme asing yang lebih fokus dan tertumpu? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

YB. Permatang Berangan, saya ingat dalam penggulungan saya yang awal, saya telah memberitahu yang kita dalam perancangan untuk membuka satu pejabat. Pejabat ini akan menerajui proses pembentukan industri halal hab international ini di Pulau Pinang tetapi mekanisme secara terperinci sedang dirancang tetapi yang mustahak sepertimana YB. Permatang Berangan hendakkan tadi. Memang saya telah sebutkan dalam penggulungan saya yang awal iaitu satu pejabat dengan usahasama beberapa pihak akan dimulakan, akan dibuka tidak lama lagi. Saya jangka di dalam masa sebulan dua ini, kita akan melancarkan pejabat ini dan mekanismanya sekali akan diumumkan. Insya -Allah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan. Minta laluan. YB. Speaker terima kasih. YB. Batu Maung, saya dengar dengan teliti tadi berkenaan apa yang telah dekat setengah jam Yang Berhormat bercakap *outline* tentang pelbagai perkara. Dalam soalan saya bertulis dan juga lisan memang ada bertanya tentang MT-GT, tentang hubung kita velletro dengan Aceh kita ada, NCER dan sebagainya dan saya tidak dapat jawapan yang memuaskan. Jadi, saya tidak tahu mana hendak tuju ini? Mungkin kepada YB. Batu Maung, ya? MT-GT hubungan kita MT-GT Malaysia Thailand setakat ini nampaknya hubungan ini tidak begitu meluas nampaknya cuma dalam bidang pelancongan saja yang nampaknya agak ketara sikit. Itu pun sekarang ini, belum ada saya tidak tahu sama ada telah ada atau belum hubungan udara dengan Aceh. Aceh ialah satu wilayah yang amat berpotensi, mereka sudah ke belakang, berperang 30 tahun lebih, memang potensi yang banyak. Saya telah pergi melawat dua tiga kali sebenarnya atas jemputan gabenor masa saya di Kuala Lumpur dahulu. Memang ada banyak potensi yang orang Pulau Pinang boleh ambil bahagian. Ini patut Kerajaan Negeri melihat, pergilah buat rombongan pergi, kalau hendak bawa sebelah sini pun, kita pergi sama.

Mereka perlukan semuanya, keperluan mereka sememangnya seolah-olah sebuah negari yang tidak pernah membangun kerana memang tidak ada apa dan banyak keperluan mereka yang kita boleh bantu dan mewujudkan peluang-peluang bisnes. Jadi sebut saja apa juga bidang semuanya diperlukan di sana. Banyaklah jika pergi ke peringkat parti dan sebagainya memang mereka sangat-sangat perlukan bantuan dan kepakaran daripada Malaysia. Saya hari ini di Pulau Pinang, saya sebut di Pulau Pinang, perlu kita, bukan bantu saja tapi rebut peluang-peluang untuk rakyat Pulau Pinang.

Ini kerajaan patut tengok, banyak sungguh yang kita rugi. Pasal itu saya hendak sebut tentang *barter trade* atau pun *counter trade* bukan tidak ada duit hendak beli, kita buat counter trade dengan mereka tetapi kena lihat dari segi peraturan-peraturan yang ada. Kalau dulu dengan Burma tapi Burma tidak *recognize barter trade* tapi kini hari ini dengan Aceh patut kita bantu, kita yang

paling dekat. Pulau Pinang paling dekat dengan Aceh, tongkang 10 jam sampai, boleh kita tolong. Mereka perlu basikal pun mereka hendak. Jadi elok kita adakan hubungan *explore* peluang-peluang yang ada dengan Aceh sebelum orang lain pergi, elok kita pergi sedangkan Singapura pun sudah mula masuk ke Aceh. Singapura jauh, kita di sini dekat patut kita dan saya harap pelabuhan barter trade yang ada di mana? Di Perai sana patut digerakkan atau dibangunkan. Kini *barter trade* kita, nampak yang saya tahu barter trade kita adalah dalam keadaan yang amat-amat menyedihkan, tidak berupaya hendak berkembang, patut dipromosikan.

Banyak sungguh saya lihat, saya pergi memang banyak. Jadi satu lagi tentang halal hab, halal Yang Berhormat sebut tadi, kita hendak tahu sebenarnya kita masih lagi *confuse* sebenarnya halal hub yang ada di Pulau Pinang ini *what is it?* Apa yang Kerajaan Negeri hendak buat? Adakah kita hendak make satu kawasan 100, ekar 100 ekar dan pagar, kita zonkan sebagai kawasan halal hab dan semua aktiviti halal di situ atau pun bagaimana? Adakah kita hendak benarkan kilang masing-masing buat dia punya aktiviti halal kemudian dieksport. *What is it?* Apa dia? Halal ini bukan benda main-main, ini benda serius. Kalau kita hendak pastikan betul-betul halal kita kena *check* semua sekali daripada *supply* makanan halal, hendak kena *check* sumbernya. Kalau daging itu daripada India. Adakah sumber itu, daging itu disembelih atau tidak dan sebagainya? Ayam contohnya ayam itu ambil di mana, beli di mana? Kalau hendak buat halal. Jadi, kapsul hendak buat kapsul halal kena tahu sumbernya. Bukan semudah itu hendak buat satu halal hab ini. Saya hendak tahu. Apakah Kerajaan Negeri merancang? Bagaimana? Ke arah mana? Adakah hendak buat satu zon khas untuk aktiviti halal semuanya dalam itu atau pun kita hendak biarkan begini? Bagaimana pengawasannya, bagaimana? Jadi, kalau kita lihat kedai-kedai makanan pun, halal dia letak ikut suka dia saja, logo halal itu. Kita tidak tahu sama ada dapat daripada JAKIM atau pun daripada Kerajaan Negeri tentang logo halal ini. Tidak tahu, tidak boleh hendak *check*. Bukan ada nombor. Adakah nombor *specification* di situ? Pasal kita tidak tahu. Jadi, kadang-kadang pelancong daripada luar negeri datang makan, kita sendiri tidak berani makan tetapi mereka makan kerana mereka tidak tahu.



Jadi, perkara-perkara ini kena lihat serius. Setakat ini memang kita, Yang Berhormat sebut tentang Thailand memang betul, dulu orang *recognize* hanya *certificate* halal daripada Malaysia. Hari ini oleh kerana kita terbelakang dari segi promotion kita, Thailand sudah ke depan. Dulu Amerika tidak *recognize* sijil halal daripada Thailand sekarang sudah *recognize*, Arab Saudi begitu juga. Jadi, apa kita buat sekarang? Patut kita convert. Sebenarnya logo halal boleh menjadi satu industri, satu servis industri, satu servis yang boleh mendatangkan hasil lumayan kepada rakyat kita tetapi itupun kita tidak buat. Jadi hari ini orang lain sudah ke depan, betullah macam Yang Berhormat sebut tadi, hari ini sudah berbilion nilai produk yang telah dieksport ke Thailand, kita belakang juga. Saya fikir kita boleh buat *smart partnership* sebenarnya. Kita boleh import barangan raw material daripada jiran-jiran kita dan kita boleh buat pengilangan, pengeluaran dan eksport. Kita buat hubungan dengan Thailand, hubungan dengan Aceh, hubungan dengan berbagai pihak untuk kita dapatkan *raw material* dan kita buat *production* di sini, boleh juga, berbagai-bagai *option* kita boleh buat. Jadi kita hendak tahu ke arah mana Kerajaan Negeri hendak bawa kita ini? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima Kasih Yang Berhormat Telok Bahang, Saya ambil yang last dahulu iaitu Industri Halal. Industri Halal ini memang satu industri yang paling besar sekarang. Kalau kita terlewat Filipina akan mengatasi kita. Filipina sekarang ....(dengan izin), *is trailing behind* Thailand. Kalau kita lambat lagi Filipina akan ambil alih, dan Halal Hub ini apa yang Kerajaan Negeri ingin mekanismanya dalam perancangan sekarang tetapi apa yang ingin kita wujudkan ialah satu keadaan holistik di mana kita yang mengatakan kawasan pengeluaran barangan halal ini, ini akan diwujudkan setelah kita mendapat *investment* atau *investor* daripada luar negara seperti daripada Negeri China dan lain-lain negara untuk mewujudkan *manufacturing activity* nya. Itu adalah satu yang akan kita usahakan tetapi apa yang mustahak di sini ialah kita melihat halal industri sebagai benda yang holistik, benda yang semua iaitu kita merancang untuk mengenalpasti dan mendaftar the stakeholder atau pun players ....(dengan izin), industri halal ini di Pulau Pinang. So, industri halal yang ada sekarang ialah dalam segi logistik, dalam segi pembuatan, dalam segi servis.

Setakat ini kita akan mula mendaftar mereka ini sebagai *the players*. Sebab itulah pejabat yang kita ingin adakan ini adalah untuk kita jaga kualitinya dan kita jaga *certification* nya dan insya-Allah saya akan berusaha dengan pihak JAKIM dan pihak Halal Hub Corporation untuk menjurus ke arah ini supaya industri-industri dan servis-servis yang ada di Pulau Pinang ini dapat kita daftarkan dan dapat kita kawal untuk permulaan dan yang kedua ialah untuk kita memasarkan Pulau Pinang sebagai Halal Hub Center dengan servis-servis ini supaya pihak-pihak peniaga antarabangsa dapat masuk ke Pulau Pinang untuk *set up manufacturing concern* dan juga servis dan sebagainya. Di sinilah sampai masa di mana kita akan sediakan tempat kawasan untuk diletakkan industri-industri *player-player* yang baru masuk ke Negeri Pulau Pinang ini.

Yang kedua ialah tentang pengawasan industri ini perlulah kerana sepertimana *heritage* juga selepas dua tahun akan ada dia punya *auditing* nya tetapi benda ini ialah dunia akhirat. So kita kena jaga daripada mula lagi iaitu apabila kita menerajui halal hub industri ini kita mesti memastikan yang dia punya industri dia ialah terkawal dengan segi syarak dengan kuat sebab itu R & D ini mustahak. Buat permulaan ini kita akan menggunakan Universiti Chulalongkorn yang sudah ternama sungguhpun *short term* masa yang pendek tetapi mereka telah ternama dalam R&D halal produk ini. Sebab itu saya *mentioned* dalam penggulungan, saya sebut dalam penggulungan saya, kita akan menggunakan Universiti Chulalongkorn ini sebagai buat permulaan kita. Insya-Allah kita akan *cuba tie up* dengan Universiti Chulalongkorn ini sebagai satu kita punya *base reference* kita dalam segi R&D dan persoalan tentang (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Minta laluan *just on this point*, hubungan dengan Universiti Chulalongkorn tentang R & D ini. Kita yang dekat ini ada USM. Dia ada kemampuan semuanya. Dia ada makmal doping centre ini yang boleh digunakan *is one of the best, one of the six in the world* yang terbaik di dunia, jadi kita tidak payah pergi ke Chulalongkorn lah. Kita boleh *explore* kita punya fasilitis dahulu. Dia ada *very sophisticated machine*, saya telah melawat *very good* yang boleh

kita gunakan. Mereka bersedia sebenarnya contoh *very accurate you* letak garam sedikit dalam *big size swimming pool*, dia boleh kesan, sampai begitu. Jadi *very-very sophisticated lab* yang ada di USM, boleh kita *explore*. Saya harap Yang Berhormat *explore* ini tidak payahlah pergi jauh-jauh.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Memang dalam kertas penggulungan saya juga saya telah mentioned yang kita terpaksa *develope*, tetapi macam apa Yang Berhormat Permatang Berangan pun perlu benda yang cepat jadi kita buat benda yang cepat, kita sudah sedia ada di Thailand tetapi insya-Allah dengan kemajuan industri halal ini maka USM mestilah *by obvious* mesti jadi kita punya halal *centre* dan sepertimana cadangan Yang Berhormat Telok Bahang kita akan setelah *set up* yang kita rancang ini, setelah selesai maka *set up* ini Insya-Allah akan mengadakan perhubungan dan juga *may be* MOU dan sebagainya dengan Universiti Sains untuk mewujudkan satu R&D *Centre* untuk Halal Industry sahaja kerana apabila *International players* ini mereka hendak tengok benda-benda macam ini so, kita tidak boleh kata sahaja USM, kita kena kata R&D Centre Halal Produk di USM, dan sebagainya, Insya-Allah, terima kasih banyak.

Dalam segi Aceh ini, dalam kertas penggulungan saya juga saya telah *emphasise* Aceh ini. Aceh ini ialah satu *provinsy gold* mine setakat ini kerana baru sahaja *independence* dan sebagainya dan kita sedang cuba mewujudkan sekarang buat permulaan ini G to G dan insya-Allah kita akan terus dengan rombongan perniagaan dan sebagainya. Tentang IMT-GT memanglah seperti yang sebut juga tadi, setakat ini memang tidak beberapa memberansangkan dan saya tahu yang dulu dia punya sekretariatnya di Pulau Pinang tetapi oleh sebab boleh jadi Kerajaan dulu kah macam mana tidak tahulah tidak begitu mengambil berat tentang perhubungan ini maka sekretariatnya telah berpindah ke Alor Setar tetapi insya-Allah kita akan cuba untuk mewujudkan, mengembalikan keadaan seperti dulu di mana IMT-GT ini berpusat di Pulau Pinang dan kita akan menggunakan IMT-GT ini untuk kita salurkan terutama sekali dalam industri halal ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, banyak persoalan telah dibangkitkan berhubung dengan kenaikan harga barang. Kadar harga minyak mentah dunia ketika ini adalah \$136 US setong. Kadar harga minyak ini bakal meninggalkan atau sedang meninggalkan beberapa kesan yang sangat mendalam di pelbagai sektor. Kesan paling ketara dapat dilihat dalam sektor pengangkutan dan pengeluaran yang merupakan sektor yang banyak mempengaruhi perkembangan serta keadaan dalam sektor-sektor lain. Ini memandangkan sektor terbabit memainkan peranan yang sangat penting dalam perjalanan serta perkembangan ekonomi global kerana ia merupakan penggerak utama di sebalik proses perdagangan antarabangsa.

Kadar harga minyak dunia yang tinggi akan memaksa para penggerak dalam sektor pengangkutan dan pengeluaran terpaksa menanggung kos perniagaan yang tinggi, sekaligus memaksa penggerak-penggerak terbabit menaikkan kos perkhidmatan dan kos pengeluaran yang dikenakan untuk menampung kos yang diakibatkan oleh kenaikan harga minyak. Ini memaksa para pengusaha serta pengilang membayar kos pengangkutan yang lebih mahal sekaligus mendorong kenaikan harga produk-produk ataupun barangan yang dikeluarkan dan memaksa para pembeli mahupun pengguna terpaksa membayar harga yang lebih untuk mendapatkan produk yang ditawarkan. Sekaligus keadaan ini mengurangkan kuasa membeli di kalangan pengguna di peringkat domestik yang mengakibatkan berlakunya inflasi yang boleh mengancam kestabilan ekonomi di sesebuah negara. Bahkan majalah *Newsweek* keluaran 9 Jun 2008 meramalkan bahawa fenomena kenaikan harga minyak ini akan membataskan aktiviti perdagangan di peringkat domestik serta peringkat serantau .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta penjelasan. YB. saya ada dengar banyak-banyak itu kenaikan harga. Rakyat semua jadi mangsa, adakah sesiapa di kenaikan harga ini dapat keuntungan? Tolong jelaskan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih, saya akan jawab semasa penggulungan saya nanti. Dalam erti kata lain, fenomena kenaikan harga minyak ini adalah ancaman kepada proses perdagangan bebas yang dianggap sebagai tunjang utama kepada ekonomi dunia sebelum ini.

YB. Tuan Speaker, keadaan ini nyata amat sukar serta terlalu pahit ditelan, memandangkan dunia sedang menghadapi krisis bekalan makanan yang turut melanda sejak kebelakangan ini berpunca dari pengurangan yield pengeluaran bahan makanan keadaan ini adalah disebabkan perubahan *climate change* seperti *Global Warming* dan pembangunan pesat dunia yang telah mengurangkan tanah-tanah pertanian. Justeru itu, bukanlah suatu perkara menghairankan jika fenomena kenaikan harga minyak dan krisis bekalan makanan ini turut mendorong kebimbangan di kalangan rakyat negeri ini.

Kerajaan Negeri, menerima kenyataan bahawa fenomena harga minyak dunia ini adalah di luar kawalan kita, namun apa yang kita kesalkan adalah cara pengurusan kewangan dan khazanah negara. Menurut laporan bernama pada 15 Julai yang lalu, Petronas mengumumkan, prestasi tahun kewangan yang luar biasa oleh Petronas telah membolehkan syarikat minyak negara itu menyumbangkan RM62.8 bilion kepada perbendaharaan Kerajaan Persekutuan pada tahun ini.

Bagi tahun kewangannya yang berakhir 31 Mac 2008, keuntungan pracukai Kumpulan Petronas meningkat kepada RM95.5 bilion, naik 25.2 peratus daripada RM76.3 bilion sebelum ini, manakala keuntungan bersih meningkat kepada RM61 bilion atau 31.5 peratus daripada RM46.4 bilion. Perolehan melonjak kepada RM223.1 bilion, meningkat 21.2 peratus daripada RM184.1 bilion tahun 2007.

Bayaran Kumpulan Petronas kepada Kerajaan Persekutuan bagi tahun ini juga merupakan 44 peratus daripada perolehan Kerajaan Persekutuan. Jumlah ini bukanlah kecil, jika Kerajaan Persekutuan berupaya menguruskan perolehan ini dengan baik dan berkesan, maka Kerajaan Persekutuan tidak perlu tergesa-

gesa untuk menaikkan harga minyak tersebut di pasaran, dengan mengurangkan subsidi yang dahulunya digunakan untuk mengawal harganya untuk kegunaan masyarakat awam. Selain daripada (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta penjelasan, tadi Ahli daripada Batu Maung ada menyebutkan bahawa kenaikan harga barang adalah dipengaruhi oleh climate change dan juga pola yang berubah-ubah dalam ekonomi dunia. Jadi saya cuma hendak dapat satu kepastian kerana sebelum ini Pakatan Rakyat ada mengeluarkan sepanduk-sepanduk di jalanan yang menulis BN – Barang Naik, maknanya Barisan Nasional – Barang Naik jadi hari ini nampaknya Ahli daripada Batu Maung telah mengakui bahawa kenaikan harga barang adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti *climate change* dan pola-pola yang berubah ini. Jadi setujukah Ahli daripada Batu Maung bahawa sebenarnya kenaikan harga barang bukan disebabkan oleh Barisan Nasional? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih Yang Berhormat ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik Abul Kassim):**

Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Dalam hal harga barang ini, mula-mula saya dengar Batu Maung memang dia dulu UMNO kan? Dia bercakap macam Barisan Nasional, macam Kerajaan Barisan Nasional, lepas itu

barulah dia hentam sikit Petronas. Kita sebenarnya bernasib baik, Petronas *is one of the best managed company in the world ....* (dengan izin), Tuan Yang DiPertua. Syarikat ini kecil tetapi keuntungannya antara yang paling tinggi, *very well managed* oleh Malaysian dan anak Pulau Pinang ini. Hassan Merican anak Pulau Pinang ya, betul? Kedah? Dekat-dekatlah itu. Yang Berhormat saya ingat mungkin tidak pernah berniaga kut? Saya pun tidak pernah berniaga, tetapi saya belajar sikitlah. Kita kalau, syarikat kita untung, untung tidak boleh ambil semua, kita kena simpan sikit. Untuk apa? Untuk kita buat investment supaya kita dapat untung lebih lagi. Dalam hal ini sebenarnya saya sudah sebut dah tetapi saya tidak patutlah *defence* Petronas di sini, dalam Dewan ini tetapi tidak apalah, oleh sebab Yang Berhormat bangkitkan perkara ini. Petronas dia untungnya bukan daripada Malaysia sahaja, Malaysia ini sikit sahaja, Malaysia keluarkan minyak cuma lebih kurang 700,000 tong sehari, sikit sangat berbanding dengan Arab Saudi, million tong satu hari, kita sikit sahaja. Di Malaysia pula pengeluaran kereta bukan Petronas sahaja, ada Shell, ada Axon dan sebagainya. Jadi Petronas mahu tidak mahu dia kena *expend* keluar dan sekarang dia sudah lebih 30 negara Petronas daripada untung, untung daripada luar lebih lagi dalam negara, so kita berterima kasih kepada mereka.

Jadi biarlah mereka, dia tidak boleh beri semua sekali kepada kerajaan, kerajaan sekali mendapat RM62 billion hasil daripada Petronas itu, cukup tinggi, amat tinggi 40% keuntungan daripada hasil negara, cukup tinggi jadi kita agih-agihlah. Tentang subsidi memang pernah dahulu sekali saya di Parlimen Kementerian Kewangan. Bila kerajaan kurangkan subsidi minyak 30 sen, ingat tak dahulu tahun 2006 masa itu harga minyak \$62 setong kerajaan turunkan subsidi 30 sen tetapi harga minyak naik 30 sen. Masa itu kita jangka kerajaan jangka kita boleh jimatkan RM4.4 billion dengan kekurangan 30 sen, RM4.4 billion tetapi harga minyak makin naik dan memang tidak ada *saving* langsung. Sekarang ini makin meningkat. Memang bukan hanya tiada *saving* kita kena *subsidies* lagi jadi *that's no end to it ....*(dengan izin).

Tuan Yang di-Pertua, ia semakin meningkat harga minyak sekarang ini naik turun, naik turun baru ini \$147 dollar dan Yang Berhormat kata turun \$136 dollar, naik turun, jadi *that's no end to it*, tetapi saya hendak tekankan di sini bahawa Kerajaan Barisanlah buat yang terbaik untuk rakyat cuba sedaya upaya, hari ini di Thailand minyak RM4.40 sen, England \$1 Pound lebih, di Amerika tiap-tiap hari berubah jadi kita di sini, Kerajaan Barisan Nasional cuba sedaya upaya untuk meletakkan harga minyak itu, jadi kerajaan buat sebaik mungkin untuk rakyat, untuk semua sekali, jadi apa yang kerajaan buat sebenarnya menguntungkan rakyat daripada menahan meningkat inflasi dengan begitu maju. Cuba bayangkan kalau tidak ada subsidi, banyak berbagai barang yang kerajaan beri subsidi inflasi kita akan meningkat macam banyak negara lain, bukan sehingga wujud *double* tetapi kerajaan kita Barisan Nasional ini prihatin bagi subsidi begitu banyak, beri macam-macam barangan akhirnya kita dapat mengurangkan inflasi kita.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan):**

Penjelasan, YB. Tuan Speaker, saya hendak tahu berkenaan dengan (CNG) Compress Natural Gas, Petronas adakah satu kilang hendak tubuh hendak melabur di Pulau Pinang kerana tidak ada *facility* Natural Gas. Oleh itu, dia ke negeri jiran. Kalau Petronas untung banyak dia kena beri fasiliti kepada Negeri Pulau Pinang didapati kilang itu, dia ada gas paip tetapi gas tidak ada oleh itu dia sudah melabur di negeri jiran. Adakah itu benar?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Tentang *natural* gas ini pihak Kerajaan Negeri sedang berusaha berunding dengan Petronas untuk mendapatrkan *facility* ini masuk ke Pulau Pinang, tentang yang dipersoalkan oleh Y.B. telok Bahang saya dengan Telok Bahang serupa macam apa Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bercakap itu tadi. So, Y.B. Telok Bahang itu tadi memang betul pihak syarikat Petronas adalah *one of the top well manage* ....(dengan izin) syarikat di dunia, tetapi apa yang mustahak adalah priority keutamaan, keutamaan mestilah kepada rakyat. Kita tidak mahu Petronas menggunakan semua hasil masuknya untuk dicurahkan kepada negara, tapi boleh buat *re-investment* tapi kalau kita dapat lihat dahulu apabila keadaannya tidak begitu meruncing bolehlah



Petronas menggunakan lebih banyak percentage dia untuk digunakan untuk *re-investment* tetapi apabila negara menghadapi masalah seperti ini sekarang, kenaikan harga akan menaikkan harga barang-barang yang lain dan sebagainya. So, Petronas terpaksa *adjust according to time* ....(dengan izin) iaitu pada masa ini kita kurangkan *re-investment* nya dan melebihi untuk bantuan kepada rakyat yang hak tuan punya minyak ialah rakyat negara ini bukannya Petronas hasil masuk negara adalah hak rakyat negara Malaysia, jadi apa yang kita cadangkan ini sepertimana yang saya katakan tadi untuk menjawab Permatang Berangan apa yang saya ingin katakan di sini iaitu dua faktor yang sedang wujud sekarang ialah kenaikan harga minyak global yang akan *effect* kenaikan harga barangan dan kedua ialah tentang global warming dan sebagainya ianya akan kurang effect pengeluaran bahan makanan tetapi kalau kerajaan dapat mengurus kewangannya, dapat mengurus sistemnya dengan baik.

Satu, ialah apabila Petronas untung \$1 dollar ini saya baca dalam surat khabar, \$1 dollar US kenaikan harga minyak keuntungan Petronas akan melebihi RM250 juta, so ini menunjukkan untung lagi harga minyak untung lagi Petronas, untung lagi negara, tetapi rakyat makin miskin, makin susah kerana kenaikan harga. Inilah apa yang saya maksudkan ialah pengurusan, ekonomi pengurusan Petronas mestilah berdasarkan keupayaan, berdasarkan kepentingan rakyat. Bila saya cakap pasal masalah *global warming yield production* makanan itu menurun dan sebagainya ini juga *effect* kita tetapi jika merubah pengurusan kita sepertinya beras, kita tengok baru ini beras, Bernas jadi satu monopoli dalam import dan pengedaran beras. Oleh sebab monopoli inilah kita telah melalui satu keadaan genting pengeluaran beras, biar saya habis dahulu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya ingin cakap sikit, saya ingat ini sudah jadi Parlimen kot, bukan Dewan Undangan Negeri, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Bila pertanyaan ini dikeluarkan saya ingin menjuruskan kepada apa yang saya menggulung. So, apabila pertanyaan itu keluar, saya ingin menjawab sepertimana bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bertanya tentang soalan Petronas kepada saya, saya kena jawab tentang Petronas, betul tak? Kalau tanya tentang harga naik, adakah kerajaan Pakatan Rakyat setuju dengan harga naik ini. Saya mesti beritahu apa yang kita kata di sini ialah pengurusan sistem, sistem pemasarannya, sistem macam minyak masak. Baru ini kita Malaysia adalah sebuah negara pengeluar yang paling terbesar di dunia tetapi kita menghadapi *shortage* minyak masak apabila kita dapat melihat menunjukkan *authority* yang *control* pengeluaran minyak ini tidak begitu *effective*, so saya kata sistem yang mustahak.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta laluan, penjelasan. YB. Tuan Speaker. Adakah Ahli Batu Maung bersetuju ataupun. Yalah bersetuju abahawa Kerajaan Barisan nasional tidak buat apa-apa sehinggakan rakyat begitu terjejas dengan kenaikan harga barang ini ataupun ahli daripada Batu Maung bersetuju bahawa memang Kerajaan Barisan Nasional telah melakukan sedaya upaya dalam menghadapi situasi ekonomi yang tidak menentu dalam negara kita di Malaysia sama ada kenaikan harga minyak masak, sama ada masalah beras, subsidi. Apakah Kerajaan Barisan Nasional langsung tidak membuat apa-apa ataupun Kerajaan Barisan Nasional telah melakukan sesuatu sedaya mungkin, minta pandangan?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Mana boleh saya menafikan yang Kerajaan Barisan Nasional tidak buat apa-apa. Jadi Parlimen tidur, tetapi apa yang saya maksudkan ialah pengurusan ekonomi, pengurusan sistem negara kita mestilah diperbaiki dengan melihat keutamaan yang diberi kepada rakyat, so saya ingin teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Saya minta penjelasan. Yang Berhormat apakah tindakan Kerajaan Negeri setakat ini untuk menstabilkan harga barang perlu dan bagaimana Kerajaan Pusat telah memainkan satu *roll* untuk membantu Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Okay, apa yang saya sedang gulungkan adalah menjurus kepada persoalan Batu Uban.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta penjelasan, terima kasih. YB. Tuan Speaker, sepertimana tadi Yang Berhormat daripada Telok Bahang, saya masih ingat lagi mula-mula dia buat pasal dia katakan. Jikalau MPSP ada duit pakailah, gunalah mengapa simpan sahaja, tetapi tadi saya dengar tadi Yang Berhormat kata dia buat *business* tahukah dia kepentingan, maksudnya Petronas ada banyak keuntungan, tetapi kena simpan untuk generasi yang akan datang tetapi mengapa dia tidak pakai ini, *mindset* atau pandangan yang sama kepada kewangan MPSP di sini Petronas dia debit untuk Petronas.

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat biasakan gua Yang Berhormat bukan dia ya?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):**

Ya, ya sorry, Yang Berhormat Telok Bahang saya minta maaf, mengapa *double standard* kepada MPSP dia kata kena pakaikan? Kepada Petronas kena simpan untuk generasi akan datang. Sila nyatakan?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Yang Berhormat Batu Maung saya kenal lama dah. Style dia sama sahaja masa dulu dan sekarang. Yang Berhormat kita tidak nafikanlah bahawa Kerajaan Pusat. Kerajaan Barisan Nasional lah yang membuat banyak untuk rakyat. Cuba hendak *chosen* sekarang amat susah ini kerajaan cuba hendak *chosen* kan rakyat daripada kesan-kesan harga barang naik. Inflasi kalau kita bandingkan, kita kena mengakulah, bila kita bandingkan banyak negara lain memang kita bernasib baik, kerana kita mempunyai kerajaan yang cukup prihatin. Yang bagaimana itu bagan Lalang, tidak nampak, tidak nampak kena pakai cermin mata, saya katakan tadi sebahagian besar kita ambil Petronas bayar kepada kita RM62 billion *last year*. *This year* mungkin minta bertambah lagi yang kita minta untuk rakyat, yang lebih itu dia guna untuk *investment* untuk hendak membuat pelaburan baru. Kos pada hari ini meningkat sebenarnya, kalau ikut hendak mengorek satu lubang hendak membuat *exploration* dahulu RM1 million, sekarang RM3 million. Jadi kos mungkin kerja itu sama kos amat tinggi. Kos meningkat tiga kali ganda jadi dia terpaksa buat begitu. Dia kata terpaksa buat begitu kerana hendak mencari lagi hasil. Bila Petronas mendapat untung rakyat kita yang mendapat banyak, mendapat untung jadi tidak timbul masalah tidak reti berniaga ini, ataupun *double standard* belian MPSP saya suruh belanja duit. Petronas tidak suruh belanja, tidak sama dia menggunakan untuk faedah untuk mencari keuntungan lagi, jadi itulah saya harap perkara ini kita fahami betul-betul. Barisan Nasional buat tang terbaik untuk rakyat dan memanglah portfolio Yang Berhormat ini memang susahlah, hendak jaga barang tidak boleh control kita boleh *check* sahaja. Saya tahu Yang Berhormat cuba buat yang terbaik, setakat itulah boleh buat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih YB. Telok Bahang, sebab isu petronas ini saya ingin cuba akhirkkan sedikit sahaja, kejap lagi jadi seperti parlimen. Petronas ini kalau kita dapat lihat *private* kadang-kadang tidak menempati *masa for example*, bila kita menghadapi masalah seperti ini, simfoni okstra ada sahaja menggunakan berbilion-bilion ringgit dan semua ini adalah orang-orang luar daripada orang

asing, seperti dia punya perbelanjaan dan sebagainya, so ini lah apa yang saya maksudkan pengurusan di sini.

Ok, selain daripada kelemahan dan pengurusan kewangan dan salah urus khazanah negara kerajaan, Kerajaan Persekutuan juga mempunyai polisi pembangunan ekonomi yang tidak memberangsangkan. Polisi memonopoli pengeluaran dan penawaran barangan keperluan seperti beras dan gula dan kawalan ke atas pengeluaran minyak sawit, juga dilihat sebagai salah satu punca utama krisis makanan di negara kita.

Jika kenyataan di atas dijadikan realiti, maka ini akan mampu menyekat fenomena kenaikan harga minyak mentah dan barangan keperluan dan akan melenyapkan terus masalah yang mencengkam kehidupan setiap lapisan masyarakat segenap pelusuk negara.

Kekangan dalam mengawal harga di pasaran, tidaklah membuat Kerajaan Negeri putus asa. Jika kita berupaya mengawal harga dan penawaran, kita akan berusaha untuk mempengaruhi permintaan pengguna. Kita tahu akhirnya penggunaan adalah penting dalam memastikan pilihan bebas pengguna dan berupaya menentukan struktur ekonomi sesebuah masyarakat. Dalam mewujudkan masyarakat pengguna yang mempunyai perlindungan sendiri iaitu bijak, bermaklumat, proaktif dan bertanggungjawab, mampu mempengaruhi aktiviti golongan pembekal pengilang serta sensitive terhadap segala tingkah lakunya yang mempengaruhi keadaan ekonomi dan sosial negeri. Kita tahu bahawa Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengawal harga minyak atau harga barangan keperluan di pasaran ini. Jesteru itu Jawatankuasa MMK Hal-Ehwal Pengguna telah menyusun dan akan melaksanakan program aktiviti kepenggunaan kepada masyarakat tempatan bagi menggalakkan masyarakat pengguna dan pembekal pengilang yang sentiasa prihatin dan berpengetahuan mengenai hak dan tanggungjawab masing-masing serta berganding bahu bagi mencapai kemakmuran Negeri Pulau Pinang keseluruhnya.

Usaha ini akan meliputi aktiviti program seperti membekalkan maklumat dan ilmu kepenggunaan melalui seminar, taklimat mahupun bengkel serta pameran-pameran dan kempen-kempen. Kesemua ini akan menggabungkan segala kegiatan kepenggunaan oleh Agensi Kerajaan, Persatuan Pengguna, badan-badan bukan Kerajaan yang lain dan sektor swasta supaya perkembangan kepenggunaan yang lestari, sustainable dapat di pupuk di negeri ini. Beberapa langkah akan dan telah diambil untuk menyedarkan dan mendidik rakyat Pulau Pinang mengenai kepenggunaan dan kekuatan kuasa pengguna. Di antaranya adalah, Kerajaan telah melancarkan Program Pemantau Pengguna *Consumer Watch*, Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang hak pengguna sebagai teras utama dalam menghasilkan pengguna yang bijak serta mewujudkan model pengguna yang bijak di semua peringkat masyarakat.

Melalui program ini kumpulan Pemantau Pengguna telah ditubuhkan bagi setiap kawasan ADUN setiap kumpulan akan terdiri daripada sekurang-kurangnya 6 hingga 15 orang penduduk setempat kumpulan ini akan menjadi mata dan telinga penduduk tempatan, bagi memantau sebarang kenaikan harga barangan dan sebarang kegiatan menyorok barangan keperluan. Kumpulan ini akan melaporkan kepada Kemneterian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jika terdapat sebarang kenaikan yang tidak mematuhi undang-undang.

Kumpulan ini juga akan diberikan pendidikan pengguna dan didedahkan dengan peranan yang boleh dimainkan oleh pengguna bagi menyekat dan menangani isu kenaikan harga barangan. Usaha ini akan membuatkan rakyat sedar bahawa mereka mempunyai kuasa sebagai pengguna, mereka ada hak dan boleh menunjukkan kuasa jika mereka mahu. Mereka boleh bertindak dalam kumpulan yang besar untuk mempengaruhi pasaran selain mendisplinkan peniaga-peniaga. Dengan program ini diharapkan agar rakyat Pulau Pinang menjadi pengguna yang bijak dan menggunakan kuasa pengguna untuk menyekat kenaikan harga barangan yang berterusan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):**

Minta laluan, terima kasih YB. Tuan Speker, dan terima kasih YB. Batu Maung. Saya suka juga mencelah apa yang disebut oleh Ahli YB. Batu Maung. Untuk pengetahuan YB. Batu Maung, saya suka memberi ruang kepada Yang Berhormat dan kita telahpun mendengar, melihat, pendapat, pandangan dan buah fikiran yang diluahkan dalam pengulungan oleh YB. Batu Maung dah lebih daripada satu jam. Hakikat yang sebenarnya semuanya kosong belaka, kosong ibarat seolah-olah merebus batu dalam periuk, air bergeladak-geladak yang sedang menunggu batu. Contohnya banyak perkataan-perkataan yang disebut oleh YB. daripada Batu Maung, saya kira daripada awal tadi 17 perkataan. Perkataan Bahasa Malaysia yang disebut salah, contohnya kepentingan disebut kepingtingan, tempatan disebut timpatan dan ada lagi 15 perkataan yang lain, yang telahpun disebut oleh YB. Batu Maung.

Saya juga mempertikaikan apa yang disebut oleh YB. Batu Maung, contoh seperti mengucapkan syabas kepada YB. Tuan Speaker. Ya, kita akui pada minggu yang pertama YB. Tuan Speaker menjalankan tugas dan tanggungjawab yang berkesan, tetapi apabila cuti 3 hari, datang minggu yang kedua. Sampai ke peringkat pihak pembangkang terpaksa keluar Dewan. Tidak pernah berlaku pun selama saya menjadi wakil rakyat yang dapat berada bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini. Dewan saya sebutkan balik Dewan, dahulunya ahli pembangkang, tidak pernah berlaku dalam sejarah keluar Dewan kerana kesempurnaan.

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat ceramah ke atau penjelasan ini Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):**

Lebih kurang dengan kawan-kawan yang di sebelah sana pun. Dalam masa yang sama juga yang keduanya, seperti mana yang saya buktikan dengan hujah saya, semasa saya turut sama berbahas ucapan terima kasih kepada TYT. Tun, iaitu

membuktikan dengan keratan akhbar yang menunjukkan bahawasanya 30 e-mail tidak dijawab. Saya buktikan keratan surat khabar yang lain Yang Berhormat daripada Batu Maung bawa keratan akhbar yang lain, kenapa bengong ke saya di Dewan yang mulia ini? Hendak membuktikan benda yang lain. Saya bawa yang lain, Yang Berhormat Batu Maung bawa yang lain. Tidak perlu saya tunjukkan sampai kali kedua. Tidak perlu, cukuplah dengan sekali.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

YB. Tuan Speaker, saya rasa, ini tidak ada penjelasan, ini satu ucapan ataupun ceramah.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):**

Y.B. Tuan Speaker, ini soalan saya ni.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Kalau hendak ceramah, kita boleh ceramah di luar.

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat Batu Uban....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (YB. Tuan Sim Tze Tzin):**

Peraturan, peraturan, peraturan, Jadi YB. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

YB. Pingang Tunggal..

**Ahli Kawasan Pantai Jerjak (YB. Tuan Sim Tze Tzin):**

Peraturan, peraturan 46, 13 peribadi dan lain-lain (a) menuduh seorang ahli yang mempunyai niat yang tidak baik, kerana beliau YB. Pinang Tunggal mengguna pakai bengong dan



juga 17 perkataan yang tidak dinyatakan dengan betul, tetapi sendiri menyatakan sesuatu yang tidak betul juga.

**YB. Tuan Speaker:**

Biarkan saya buat ungkapan di sini, apa yang disebutkan

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Apa yang disebutkan oleh YB. Pinang Tunggal tadi, ialah tentang sebutan, itu lorat, itu pun kalau dibangkitkan macam menyindir dan YB. Pinang Tunggal sendiri kadang tersasul sebutan perkataan. Jadi apa yang dibangkitkan pada peraturan itu jelas, dan jadi pun semacam ceramah bukan minta penjelasan. Jadi saya minta YB. Batu Maung teruskan, dan singkatkan kepada lima minit sahaja, sudah satu jam setengah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya minta laluan. YB. Tuan Speaker, kita semua sedia maklum bahawa memantau ini bukanlah satu benda baru, telah ditubuhkan begitu lama, sekarang kita hendak tahu keberkesanan pemantauan ini sejauh mana keberkesananannya dan kedua, sejak baru ditubuhkan semula pemantau ini, berapa kes kah yang telah dikemukakan oleh rakyat kepada pasukan pemantauan ini di setiap kawasan yang telah dibentuk.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Y.B. Sungai Dua menanyakan statik dan sebagainya yang saya akan berikan oleh sebab kumpulan pemantau ini oleh sebab pertama kali diwujudkan di Pulau Pinang dan dalam proses *training*, proses pelantikan kumpulannya, dan belum lagi lengkap pelantikannya, dan saya

ingin sedikit sahaja dan saya tidak mahu berdebat dengan YB. Pinang Tunggal. Daripada mula lagi YB. Pinang Tunggal beliau punya persoalan dan percakapannya lebih daripada pembangkang. Sungguh pun dia pembangkang, tetapi dia lebih daripada pembangkang, semua yang dibuat semuanya tidak kena. Sehingga apa yang beliau kata kosong ucapan saya.

YB. Permatang Berangan berbincang, menanyakan soalan, YB. Telok Bahang bekas Setiausaha Parlimen boleh berbincang, cakap tentang petronas, tetapi beliau kata kosong, ini menunjukkan yang beliau kata kosong. Okay, Yang Berhormat, kumpulan ini juga dan berusaha akan membuat rakyat sedar. Selain daripada itu kumpulan ini akan memberikan maklum balas kepada Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), Hal Ehwal pengguna Pulau Pinang mengenai kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya yang mempunyai harga terendah. Kedai-kedai yang mempunyai harga terendah akan diberi pengiktirafan dan dianugerahkan sebagai *best establishment* kedai dan dengan terendah. Maklumat ini akan diedarkan di seluruh negeri melalui ADUN di kawasan masing-masing.

Usaha ini pastinya akan membantu pengusaha-pengusaha yang benar-benar jujur dan mengamalkan konsep perniagaan yang murni. Pengusaha-pengusaha yang tamak dan mengaut keuntungan yang berlebihan akan dipulaukan melalui program ini. Kempen kesedaran pengurangan pembaziran makanan. Kempen ini menyentuh mengenai pendedahan dan mengenal pasti punca-punca pembaziran makanan dan kaedah-kaedah untuk mengurangkan pembaziran. Kempen ini akan melibatkan badan-badan NGO seperti CAP, dan juga Persatuan Perhotelan. Forum menangani kenaikan harga barangan utama, forum ini akan mengumpulkan persatuan-persatuan pengguna, ahli-ahli akademik, persatuan-persatuan perdagangan dan peruncit, agensi-agensi kerajaan dan NGO bagi membincangkan mengenai isu-isu kenaikan harga barangan utama dan cara-cara untuk mengatasi kenaikan harga ini.

Program pengikalan dan mempromosi, program ini akan meliputi pengiklanan dan promosi terhadap kempen-kempen kepenggunaan yang akan dilaksanakan, sama ada secara billboard, ataupun media cetak dan media elektronik. Program pendidikan kepenggunaan di peringkat sekolah, pelancaran hari pengguna ialah diantara program-program yang akan dilancarkan.

Kita sangat mengalu-alukan pandangan dan idea daripada pihak pembangkang. Cadang YB. Seberang Jaya, satu cadangan yang konstruktif untuk mengadakan pasar sayuran harga gila-gila, memang baik. Itu sebenarnya kita menjemput semua Ahli Dewan Undangan Negeri, pembangkang untuk menjadi Ahli Jawatankuasa kita, supaya mereka memberikan pandangan dalam mesyuarat. Lambat kalau hendak menunggu sehingga Dewan bersidang bagi memberi idea untuk membantu rakyat. Kita tidak perlu memberi alasan yang remeh temeh untuk menolak jemputan Kerajaan Negeri, bahkan hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Kita sepatutnya menyumbang idea dan tenaga untuk membangun rakyat dan negeri ini bersama-sama. Buanglah segala dan perbezaan dan keegoan. Nampaknya ADUN Barisan Nasional, telah dan lebih mempertahankan keegoan daripada mengorban untuk rakyat.

YB. Tuan Speaker, menjawab soalan yang timbul daripada YB. Pulau Betong, tawaran menyertai Jawatankuasa Perdagangan MMK Hal Ehwal Pengguna. Dalam pentadbiran yang melandaskan CAT Kerajaan Negeri menekankan mengenai dasar keterbukaan dan melibatkan semua pihak dalam bersama-sama membangun negeri kita. Dasar ini kita buktikan pelaksanaan dengan menjemput ADUN-ADUN Barisan Nasional, untuk menyertai 3 jawatankuasa di bawah portfolio saya. Jawatankuasa MMK Perdagangan dan Perniagaan Pulau Pinang, Jawatankuasa MMK Pengguna, Jawatankuasa Consumer Watch, peringkat negeri. Mengikut rekod sektetarit PDC, kita telahpun menghantar notis panggilan mesyuarat bagi ketiga-tiga jawatankuasa tersebut seperti Mesyuarat Jawatankuasa MMK Perdagangan dan Perniagaan Pulau Pinang bil.1/2008. Mesyuarat ini telah ditetapkan pada 3 April, kita telah menjemput 2 ADUN, BN, iaitu YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah dan YB. Kedua-dua orang ADUN ini telah menjawab melalui faks yang bertarikh 1 April menolak jemputan ini. Mesyuarat Jawatankuasa Pengguna Bil. 1/2008 telah ditetapkan pada 8 Mei 2008. Kita telah menjemput empat ADUN BN iaitu YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim, YB. Tuan Haji Muhamad Farid, YB. Tuan Syed Amerruddin, dan YB. Dato' Hajah Jahara. Kali ini hanya dua orang Yang Berhormat memberi maklum balas iaitu YB. Dato' Hajah Jahara yang menjawab secara bertulis manakala YB. Dato' Haji Azhar menjawab melalui panggilan telefon. Kedua-dua mereka telah menolak jemputan ini. Malahan YB. Dato' Azhar turut membuat kenyataan di media-media cetak dan elektronik yang beliau menolak jemputan ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Consumer Watch Peringkat Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2008. Mesyuarat ini telah ditetapkan pada 26 Mei 2008. Kali ini kita telah menjemput kesemua sebelas ADUN BN. Namun begitu kita tidak menerima sebarang maklumbalas daripada mereka. Malahan kesemua mereka tidak menghadiri mesyuarat ini. Kita hanya mengetahui mereka menolak jemputan ini apabila kita terbaca di beberapa media cetak dan media elektronik. Contohnya melalui Global Media bertarikh 31 Mei 2008 lima ADUN BN iaitu ADUN Penaga, Sungai Acheh, Seberang Jaya, Pulau Betong dan Permatang Berangan. Mereka telah mengakui menerima surat jemputan dari Kerajaan Negeri untuk menjadi Ahli Jawatankuasa Pemantau Pengguna Pulau Pinang tetapi kesemua mereka mengakui bersepakat untuk menolak jemputan ini kerana menganggapnya sebagai perangkap politik. Kita ingin membetulkan kenyataan YB. Muhammad Farid bahawa beliau tidak menerima jemputan kita. Sedangkan dalam kenyataan akhbar di mediabeliau mengakui menerima surat jemputan mesyuarat bagi Jawatankuasa Pemantau Pengguna.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Pohon penjelasan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Malahan beliau mahu memberi tumpuan kepada kawasan yang diwakilinya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Pohon penjelasan. Apa yang saya cakapkan didalam Dewan ini ialah saya tidak menerima perlantikan. Saya tidak mahu hidung tak mancung pipi tersorong-sorong. Kalau pi pun tak kena tak pi pun kena. Kalau nak lantik bagi surat perlantikan seperti yang diamalkan oleh EXCO yang terdahulu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Tak apa. Lagi sekali saya akan buat watikah perlantikan yang saya akan buat satu majlis untuk member watikah perlantikan. Kita juga ingin membetulkan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, YB. Dato' Haji Azhar dalam media cetak dan eelektronik bahawa Kerajaan Negeri menawarkan jawatan dalam Kerajaan Negeri kepada mereka. Kita sebenarnya bukan menawarkan apa-apa jawatan dalam Kerajaan Negeri tetapi .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):**

Pohon penjelasan. Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Batu Maung. Saya nak tanya rakan-rakan saya daripada pembangkang. Kenapakah mereka tidak mahu menyertai dalam *Consumer Watch* yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri melalui MMK Hal Ehwal Pengguna Negeri dan juga menolak pelawaan untuk menyertai didalam Jawatankuasa MMK Bahagian Hal Ehwal Pengguna apabila mereka dipelawa masuk dengan secara rasminya. Apakah ini untuk kepentingan politik kita bekerja untuk kepentingan rakyat. Sepatutnya kita kena bekerja untuk kepentingan masyarakat. Untuk kepentingan politik atau kepentingan rakyat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Pohon penjelasan. Terima kasih. Untuk pengetahuan Dewan, *Consumer Watch* telah lama ditubuhkan bukan baru. Dah banyak tahun sebelum ini pun dah buat. Diberi nama pemantau kawalan harga dan telah dilantik.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):**

YB. Tuan Speaker, persoalan saya kenapa mereka..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Ya, saya nak pergi ke arah itu.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):**

Kalau dah ada dulu lagi bagus.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Ini baru nak buka kalam. Jadi pokoknya Kerajaan Pakatan Rakyat mengatakan kita buat tak betul, tak berkesan dan mereka menawarkan satu kaedah yang lebih berkesan, lebih efektif. Jadi kita nak tengok. Tak payah panggil kita, buat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya nak tambah sedikit saja, seperti mana YB. Permatang Pasir katakan tadi. Kita tunggu sekejap. Kita sedang muzakarah sekarang.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat kita nak tamat lagi tiga minit lagi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim):**

YB. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang bersidang di Dewan Yang mulia ini. Ucapan tahniah saya kepada YB. ADUN Kerajaan yang telah berjaya memainkan peranan sebagai YB. ADUN Kerajaan sungguhpun terdapat sedikit *adjustment* menyesuaikan diri. Ucapan tahniah saya kepada YB. ADUN Pembangkang yang telah berjaya dengan menukar peranan demi kerajaan pembangkang dengan cemerlangnya sehingga bila kita mendengar pembahasan usul ucapan terima kasih kepada TYT, seolah-olah

kerajaan sedia ada ini sudah menjadi kerajaan sepuluh ke lima belas tahun. Baru empat bulan sahaja. Sungguhpun begitu ada pembangkan yang memberi pandangan yang *constructive* seperti YB. Seberang Jaya dan Bayan Lepas.

YB. Tuan Speaker, dalam ucapan YB. Sungai Dua tentang *web streamix*. Berhubung secara langsung *web streamix*, pihak Pusat Komputer Kerajaan Negeri telah menjalankan proses sebut harga dan tiga syarikat telah menyertai dan syarikat yang berjaya ialah sebuah syarikat yang terendah dari segi harga dan berpengalaman. Syarikat ini juga ialah sebuah syarikat berpengalaman yang telah mengendalikan siaran langsung Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor, Perak dan Kelantan dan beberapa persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selepas mendapat pengalaman ini, pihak Kerajaan Negeri akan melaksanakan tender terbuka bagi liputan persidangan yang akan datang.

YB. Tuan Speaker, menjawab soalah YB. Sungai Dua mengenai agenda pembangunan umat Melayu di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memang memberi perhatian yang khusus kepada semua rakyat marhaen Pulau Pinang yang memerlukan perhatian dan sokongan. Kerajaan Negeri sedang berusaha dan merancang mengatasi masalah perumahan, perniagaan dan yang lain di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Setakat ini Kerajaan Negeri sedang dalam proses menjalinkan hubungan dengan beberapa NGO, persatuan-persatuan dan ahli akademik bagi membincang dan meneliti dasar-dasar yang sedia ada bagi membentuk satu dasar yang lebih efektif dan menuju terus kepada kumpulan sasaran tanpa kebocoran *leakages* ....(dengan izin), dengan mengambil kira kelemahan yang terdapat dalam dasar-dasar sedia ada oleh kerajaan yang lalu. Kerajaan Negeri dalam proses merangka beberapa dasar-dasar baru bagi menangani masalah-masalah ini ke arah melestarikan pembangunan sosio ekonomi Pulau Pinang. Saya pohon untuk menyokong usul terima kasih kepada ucapan T.Y.T. Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan akan bersidang semula 11.35 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.10 pagi.***

***Dewan bersidang semula pada jam 11.40 pagi.***

**YB. Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula. Ahli-ahli yang akan buat penggulungan saya nak meminta supaya dihadkan penggulungan kalau boleh dihadkan dalam 30 minit. Seterusnya dipersilakan Kawasan Padang Kota.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya rasa mustahil boleh habis dalam masa 30 minit sebab portfolio ini menerima banyak soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi kita akan cuba. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi jawapan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan usul terima kasih atas Ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri. Ramai Ahli Yang Berhormat telah menyumbang buah fikiran atas isu yang berkaitan dengan Portfolio Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu lintas dan Alam Sekitar dengan tujuan menangani masalah Kerajaan Tempatan, lalu lintas dan pengangkutan awam serta memelihara alam sekitar demi menyokong pembangunan sosio-ekonomi di Negeri Pulau Pinang.

Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Negeri yang baru untuk terus memastikan Pulau Pinang dan Seberang Perai untuk terus menjadi tempat pembangunan yang mampan dan mencapai taraf kualiti hidup yang bermutu. Sebenarnya dalam zaman globalisasi, Negeri Pulau Pinang tidak terlepas daripada dinilai tahap pencapaiannya oleh badan-badan dunia dan juga oleh



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan media massa. Kalau kita ingin melihat pengurusan Kerajaan Tempatan bertambah baik, kita perlu mematuhi petunjuk-petunjuk prestasi yang digunapakai oleh badan-badan dunia dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selain daripada menggubal garis panduan dan dasar-dasar yang boleh menyokong usaha kita untuk mencapai status yang disasarkan. Misalnya KPKT iaitu kementerian yang telah memulakan inisiatif untuk memberi *star rating* kepada Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan beberapa petunjuk seperti pengurusan organisasi, kewangan dan aset dan Pengurusan Sumber manusia, perkhidmatan-perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk.

Kita juga perlu sedar bahawa George Town juga dipilih sebagai *Nineth Most Liveable City* di Asia oleh ECA International Location Ranking Survey dan baru-baru ini George Town juga disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Ini semua menimbulkan cabaran kepada Kerajaan Negeri dan PBT supaya meningkatkan prestasi kita untuk memastikan kedudukan yang dicapai sekarang bukan saja dapat dipertahankan malahan ditambahbaikkan. Kerajaan Negeri mempunyai tekad untuk memastikan bandaraya kita terus menjadi hub kewangan dan pentadbiran dan menjana ekonomi yang cergas dengan pertumbuhan yang mampan. PBT harus dapat memainkan peranan dalam perancangan pembangunan, penyediaan infrastruktur yang berintegrasi dan penyediaan alam sekitar yang bersih dan selamat. Kerajaan Negeri harap PBT dapat memberi tumpuan atas tiga isu yang teras itu *congestion* kesesakan lalu lintas, *cleanliness* kebersihan dan *crime* keselamatan di mana prestasi yang baik sememangnya akan melihat sebuah negeri yang menjadi menarik kepada penduduk pelancong mahu pun pelabur.

YB. Tuan Speaker, pengurusan lalu lintas dan pengangkutan awam adalah satu bidang yang diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Negeri yang baru. Kita perlu menangani masalah ini dengan kadar segera kerana sebarang kelewatan mencari penyelesaian khususnya di bahagian Pulau, akan membawa kos yang amat tinggi dan menjejaskan usaha pembangunan sosio ekonomi Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang dengan jumlahnya pupulasi 0.7 juta orang adalah satu pusat

perbandaran yang bersaiz sederhana dengan ekonomi yang membangun dengan kadar yang agak pesat. Tambahan pula, ia juga menyaksikan perubahan *sub organization* dan aktiviti ekonomi yang meluas. Pulau Pinang kini menghadapi beberapa masalah pengangkutan, iaitu kenaikan bilangan kenderaan persendirian yang meningkat dan jaringan jalan raya yang tidak dapat menampung peningkatan ini telah menyumbang kepada masalah kesesakan lalu lintas. Perkhidmatan pengangkutan awam yang kurang berkesan, kekurangan infrastruktur pengangkutan awam, dan penguatkuasa yang lemah.

YB. Tuan Speaker, kita perlu mengambil tindakan dalam empat bidang jika kita ingin menangani masalah pengangkutan iaitu penggubalan Pelan Induk Infrastruktur Pengangkutan, penambah baik khidmat pengangkutan awam, pasaranan pengangkutan awam dan penguatkuasaan peraturan trafik. YB. Tuan Speaker, cabaran utama perancangan dan pembangunan sektor pengangkutan bandar adalah bagaimana mengimbangi keperluan untuk menambah kapasiti jalan dengan memperkenalkan pengangkutan awam. Satu fakta yang kita perlu mengambil maklum ialah masalah pengangkutan tidak dapat diatasi tanpa penglibatan secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Persekutuan seperti LPKP, JPJ, PDRM dan Syarikat Prasarana Negara Berhad. Kerajaan Negeri amat memerlukan kerjasama dan penglibatan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah sedia ada dan menghadapi cabaran masa depan. Di bawah sistem Persekutuan, Kerajaan Persekutuan adalah pada hakikatnya bertanggung jawab untuk mengatasi masalah pengangkutan. Sebarang usaha untuk mengelakkan tanggungjawab akan membawa kos yang amat tinggi kepada pembangunan ekonomi negeri ini.

YB. Tuan Speaker, portfolio Alam Sekitar bertanggung jawab untuk memastikan visi keunikan, kepelbagaian dan kualiti alam sekitar dikekalkan bagi menjamin kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan keselesaan hidup rakyat Pulau Pinang masa kini dan akan datang. Strategi yang harus digunakan adalah.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee):**

Penjelasan, YB. Tuan Speaker, boleh YB. Padang Kota, YB. Tuan Speaker, soalan saya apakah tindakan atau langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap menara telekomunikasi...(dengan izin), *telecommunication tower* yang telah dibenarkan di merata-rata tempat di Pulau Pinang memandangkan terdapat juga banyak bantahan daripada penduduk tempatan dan saya percaya ini juga adalah berkaitan dengan alam sekitar yang sedia ada, terima kasih, YB. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

YB. Tuan Speaker, soalan YB. Kebun Bunga adalah di lakukan di luar jangkaan tetapi, masalah menara telekomunikasi yang kita hadapi dalam beberapa tahun ini ada hubung kait dengan pengecualian keperluan untuk mengadakan *planning approval* kelulusan untuk merancang sebelum menara-menara ini dibina oleh syarikat-syarikat telekomunikasi, tetapi sejak tahun 2005 keperluan ini sudah dikecualikan oleh Kerajaan Negeri pada masa itu dan tiba-tiba rakyat jelata atau penduduk sekitar tanpa sedar nampak menara di dirikan tanpa diberi peluang untuk mengemukakan bantahan atau pandangan jadi ini menimbulkan masalah di beberapa tempat dan kerajaan baru ini amat prihatin keadaan ini di samping mengambil tahu bahawa perkembangan sektor telekomunikasi dengan canggihnya teknologi, majunya teknologi memerlukan lebih banyak infrastruktur untuk berhubung seperti istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat Telok Ayer Tawar *connectivity* jadi kita pun kena mengimbangkan kedua-dua ini dan kerajaan baru sedang mengambil tindakan untuk memulihkan keadaan untuk mengadakan *planning permit* sebelum sesuatu menara dapat di dirikan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan, terima kasih, saya sempat dengar sedikit tadi berkenaan dengan pengangkutan awam, memang saya bersetuju saya kira kawan saya lama ini mengakui bahawa perlu ada kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat

memang perkara ini amat berat untuk Kerajaan Negeri sahaja untuk melaksanakan sistem pengangkutan awam yang sempurna amat susah amat payah, kos yang tinggi dan kalau kita hendak *privatize* semua mungkin tidak *viable* semua saya sebut bahawa tiada mana-mana di dunia ini boleh pengangkutan awam yang *viable* kecuali di Hong Kong yang di buat secara *private*, jadi dalam hal ini kita kena lihat dan peranan Kerajaan Pusat memang ada telah buat Rapit Penang dan mungkin di tambah lagi jumlah bus saya kira akan pergi ke daerah-daerah di Seberang Perai lebih banyak lagi di Pulau ini nampak, dan di Balik Pulau nampak ok, tetapi saya lihat ini kemudahan kecil yang kita selalu *over side over part* kerajaan sekarang boleh buat bina *bus stand*. Bus stand sekarang ada tiang sahaja saya harap Kerajaan Negeri boleh usahakan tiap-tiap *bus stand* yang ada tempat berteduh atau pun lebih baik kalau wujud *bus stand* ini satu pondok *bus stand plus* kemudahan mungkin ada jual *new paper kiosk*, orang ramai boleh berteduh dengan lebih selesa, tiap-tiap *bus stand* kerajaan boleh dapat hasil sebenarnya atau sewa *bus kiosk* itu dan sebagainya. Mungkin masa depan kalau perkhidmatan bas digunakan *e-ticket* dan sebagainya boleh *kiosk* ini juga boleh jual tiket-tiket ini.

Kedua teksi masih lagi tidak selesai, masih lagi ramai yang tidak guna meter menjadi rungutan pelbagai pihak pelancong dan sebagainya dan saya lihat bila pelancong Arab datang dia datang dengan bag yang besar, keluarga dia ramai, hendak suruh dia ambil dua teksi dia tidak mahu dia takut bag hilang, bergaduh dengan orang teksi, satu perkara, yang itu yang kedua dan saya harap pihak kerajaan berusaha mendapatkan teksi yang lebih besar macam van, kalau Arab datang satu keluarga besar, pakai van, naik dengan beg dia sekali dengan orang sekali.

Ketiga Pulau Pinang ini adalah pusat kita menggalakkan industri kesihatan, ramai orang luar datang untuk berubat di sini dan bila mereka datang ke Pulau Pinang ini masalah berebut antara hospital ini dengan teksi, ini kena selesai. Bila dia datang dengan keluarga dia tak kan kita hendak bawa pesakit itu dengan van hospital keluarga lain masuk dalam teksi, ini kena selesai perebutan antara pihak pengusaha hospital ini dengan pihak pengusaha teksi ini kena selesai kerana dua, tiga perkara ini yang saya kira harus diselesaikan segera kalau tidak ini menjejaskan pertama sekali pengangkutan untuk hospital pesakit ini dia akan

menjejaskan imej kita dan orang tidak mahu datang kita hari ini dengan *comfit* dengan Thailand dengan Singapore kita mahal sedikit tetapi dengan Thailand dia punya kos perubatan lebih kurang sama dengan Malaysia, dengan Pulau Pinang kalau dia *encounter difficulty* mungkin Yang di-Pertua kalau sampai di airport lain kali dia tidak mahu datang selesai, itu pandangan saya, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow)**

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Kawasan Telok Bahang yang menyambung hujah saya dengan beberapa soalan yang sering didengar perhubung dengan masalah pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang. Berhubung dengan cadangan untuk menyediakan perhentian bas Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan beberapa cadangan sebenarnya dari pihak tertentu yang akan menyediakan *bus stand* ini dengan rupa wajah yang baru, moden mengambil kira keperluan OKU menggunakan teknologi elektronik dan sebagainya dan di samping itu menjana hasil melalui pengiklanan atas pondok bus ini dan kita tidak masih belum memuktamadkan keputusan lagi dan sedang mengkaji beberapa cadangan yang akan dapat memberi hasil di samping memberi perkhidmatan atau pun satu wajah yang baru kepada *street skill* sebagai satu *street furniture* di Negeri Pulau Pinang ini sebab pada masa kini di Pulau Pinang berbagai jenis *bus stand* yang tidak seragam jadi bawah cadangan ini kita akan melihat penyeragaman *bus stand* di Negeri Pulau Pinang. Berhubung dengan teksi yang tidak bermeter ini satu *long standing problem* saya rasa 30 tahun tidak diselesaikan saya ada dua mesyuarat dengan Gabungan Persatuan Teksi baru-baru ini yang mendengar tuntutan dan masalah mereka dan harap kita dapat membantu gabungan berhubung dengan Kerajaan Persekutuan, agensi-agensis yang terlibat untuk sama-sama memandangi isu yang dihadapi oleh gabungan dan persatuan teksi sebab perkhidmatan teksi di Negeri Pulau Pinang mempunyai *sarcastic* yang agak unit dan mungkin *solution* yang digunapakai di Wilayah Persekutuan, atau pun Lembah Kelang mungkin tidak sesuai guna pakai di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan ini berkenaan dengan teksi, nanti dia lari tajuk penyeragaman penyelenggaraan teksi bermiter kadang-kadang hendak paksa mungkin susah dengan macam-macam helah diberikan *why not we give him carrot ....*(dengan izin), kita bagi insentif maknanya setahun sekali ataupun dua tahun sekali teksi-teksi yang pakai *meter rich ten thousand* teksi boleh datang *ambil something from the state* maknanya dia orang digalakkan pakai meter kena hendak minta *reading keep in increading so* maknanya kita bagi *correct* kepada pengusaha-pengusaha.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Yang Berhormat Kawasan Seberang Jaya diantara masalah yang dihadapi oleh pengusaha teksi sekarang adalah hayat teksi di hadkan kepada tujuh tahun dan ini merupakan satu beban kepada pengusaha teksi susah payah membayar ansuran selama tujuh tahun tiba-tiba kena diperintah untuk tukar teksi pula berbanding dengan kereta sewa mereka dibenarkan untuk beroperasi hingga 15 ke 20 tahun. Ini satu perkara yang membebankan mereka satu galakan yang mungkin mereka sedang ingin mempercepatkan penggunaan CNG dan lepas pun ada meluluskan cadangan-cadangan tertentu kita pun ada mesyuarat dengan Petronas Dagangan dia dia janji untuk tambah lebih banyak dan depa janji dapat menjual CNG kepada teksi-teksi di Negeri Pulau Pinang dan mereka pun tuntutan kalau tidak dapat pakai meter adakah kemungkinan kerajaan akan gunakan teksi di Negeri Pulau Pinang pada keseluruhannya ditukar untuk menjadi kereta sewa yang akan menggunakan zon-zon untuk *charge* dan berkenaan dengan industri kesihatan *medical tourism* yang kian tempat-tempat di Negeri Pulau Pinang masalah yang ditimbulkan oleh YB. Telok Bahang setakat ini kita berharap hospital pihak hospital dapat memahami bahawa melainkan LPKT dapat mengeluarkan permit yang mereka perlu mematuhi garis panduan ataupun undang-undang yang sedia ada sebab apa yang dilakukan mungkin menjejaskan antara nafkah bagi pengusahaan limosin di lapangan terbang jadi kita berharap LPKT dapat mencari satu *solution* bagi mengatasi masalah yang wujud di Lapangan Terbang Bayan Lepas ini.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

YB. Tuan Speaker, saya sambung berhubung dengan alam sekitar, kita harap dapat adakan pembangunan mampan yang sentiasa ditegaskan oleh Yang Berhormat Tanjung Bunga, bagaimana kita ada integrasi alam sekitar dengan perancang pembangunan dan juga kawalan dan pencegahan pencemaran, promosi pendidikan dan kesedaran alam sekitar. Isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang sekarang adalah mengenai aktiviti penambakan laut, pembangunan di kawasan berketinggian 250 kaki, pelupusan selut, aduan pencemaran dan aduan kacau ganggu yang sering berulang kerana kawasan perumahan ditempatkan terlalu hampir dengan perindustrian dan kawasan kuari. Yang Berhormat Pengkalan Kota menimbulkan masalah berhubung dengan rumah usang terbiar di George Town, untuk makluman Dewan ini, terdapat sebanyak 508 buah bangunan usang di kawasan *Inner City George Town* dan setakat ini sebanyak 242 buah rumah kosong ini telah dikenal pasti dan antaranya sebanyak 217 buah rumah telah pun mengambil tindakan untuk mematuhi kehendak notis. Yang Berhormat Telok Bahang pun mengadu ada banyak rumah-rumah yang usang, cat pun tak ada, dia syorkan kita melakukan satu (1) *operation* untuk mengatasi perkara ini.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang ( YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) :**

Penjelasan. Terima kasih. Saya nak sambung sikitlah, tentang kawasan warisan ini..memang saya cukup minat dengan *heritage* seperti saya bagitau. Memang, memang cat patut dibagi subsidi kerajaan, bagi subsidi la, cat. Bagi cat elok balik. Kemudian, rumah usang ini *we have to do something*, kena buat sesuatulah. Tapi yang saya nak tekankan bahawa kena wujudkan fasilitis. Kita, *as usual*, biasalah..kalau orang tempatan dia tahu. Masalah *toilet facilities*, kemudahan *toilet*, kemudahan *parking*. Kemudahan *toilet* penting saya kira, kita orang tempatan kita tahu mana nak cari *toilet* kalau ada kecemasan, pelancong dia tak tahu. Dia pergi ke Jalan Campbell Street contohnya, jalan tu panjang, *emergency* tak ada *toilet*. Mana nak cari? Masuk kedai nasi kandar lah. So, kalau boleh.

Saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri *acquire* mungkin satu (1) premis, satu (1) jalan, satu (1) kedai, tukarkan kepada *toilet facilities*. Jadi makna ada kemudahan. Tak apalah nak bayar 50 sen sekali masuk pun tak apa lah. Cara itu kita wujudkan kemudahan untuk *tourist* dan orang tempatan lah.

Yang kedua, saya perhatikan jalan-jalan kita memang sempit. Tak macam di Kuala Lumpur. Jalan kita sempit. Dan parking kiri kanan jalan. Memang jadi lagi sempitlah. Memanglah '*peel*' kita, perangai orang Malaysia ni, dia nak parking, dia nak pergi *shopping*, dia nak *parking* depan-depan tu. Dia tak mahu berjalan. Jalan panaslah, berpeluh. Tak macam di negeri sejuk. Bila jalan, dia tak berpeluh, dia suka berjalan. Jadi kita di sini tak suka berjalan. Jadi, saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya tengok perkara ini. Kemudahan *parking*, kalau kita mahu jalan kita *clear* elok, kita patut adakan kemudahan parking macam di Tokyo contohnya..dia ambil kedai-kedai tempat kecil ini, dia buat *parking*. Buat *Multi Mechanical parking* pun tak apalah. *Acquire* kedai satu (1) mungkin sebelah dengan *toilet* tu, buat kemudahan *parking*. Jadi, bila dah ada kemudahan begini, tiap-tiap jalan contohnya, ada *parking*, kemudahan *parking*, kemudahan *toilet*. Jadi mudah kepada pelancong-pelancong yang datang. *It must be ready* lah. Tak boleh *style* dulu. Orang nak datang, kita kena ada kemudahan untuk semua ini. Di mana *parking* penting, tak nak *parking* tepi jalan macam sekarang ini, *jammed* habis jalan. Yang kedua, *toilet facilities* kena ada dalam kawasan *heritage*. Itu pandangan sayalah.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang. Saya rasa kita ambil maklum cadangan-cadangan yang dikemukakan di dalam Dewan ini mahupun di luar Dewan oleh pertubuhan-pertubuhan khususnya oleh ekoran senarainya George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Saya ingin tegaskan dan sudah sampaikan pesanan saya kepada MPPP bahawa MPPP pada hari ini bukan lagi menjadi satu (1) Majlis Perbandaran sebarangan sahaja, tetapi sudah menjadi satu (1) Majlis Perbandaran untuk satu (1) Tapak Warisan Dunia dan kita perlu tukar *mind set* dan kita harap dapat peruntukan yang lebih banyak untuk melakukan segala apa yang boleh untuk mempertahankan perkara ini menjadi Tapak Warisan Dunia dan ini



memang menjadi satu (1) cabaran besar kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan saya pun difahamkan jentera di dalam MPPP pun sedang bergerak untuk menyahut cabaran inilah. Berhubung dengan bangunan usang, saya rasa MPPP pun sudah ambil tindakan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan untuk meminta pemilik untuk menghapus kacau ganggu yang berkaitan. Dan bagi rumah usang dan kosong dimiliki oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang di sekitar kawasan KOMTAR ini, saya berharaplah Kerajaan Negeri pun sudah mengutuskan surat-surat yang *specific* kepada pihak PDC meminta kerjasama mengambil tindakan baik pulih dan menghapuskan kacau ganggu dengan secepat mungkin sebab kawasan KOMTAR adalah satu (1) kawasan penting di Bandaraya George Town dan sebagai agensi kerajaan mestilah melakukan sesuatu untuk memimpin melalui teladan. Kalau memberi silap, salah faham kepada pemilik-pemilik persendirian, kalau agensi kerajaan tidak buat mengapa kita buat. Itulah perkara yang kita harap PDC ambil maklum.

Sehubungan dengan pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan, kita akan mempertingkatkan usaha ini. Yang Berhormat Pengakalan Kota juga membangkitkan tentang Pasar Lebuh Cecil, dan saya sukacita maklumkan kepada Dewan ini, Kerajaan Negeri telah menerima cadangan daripada Persatuan Peniaga Kecil Lebuh Cecil pada tahun 2003 untuk meninggikan bumbung di bahagian makanan dan buah-buahan sahaja yang melibatkan 135 tapak gerai. Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan permohonan berkenaan dan memutuskan bahawa tahun 2004 untuk meluluskan cadangan tersebut. Projek meninggikan bumbung tersebut bermula pada Mei 2005 dan siap pada Januari 2006 dan melibatkan kos RM699 ribu ringgit. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri juga membelanjakan RM29 ribu untuk kerja-kerja memasang owning tambahan di bahagian makanan dan buah-buahan.

Pada masa yang sama, persatuan itu telah mengemukakan cadangan supaya bumbung di bahagian *wet market* yang melibatkan 188 tapak gerai juga ditinggikan. Anggaran kos terlibat adalah sebanyak RM1.95 juta ringgit dan peruntukan khas pernah dipohon daripada Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2006-2007 untuk kerja-kerja pembinaan semula bumbung, struktur gerai, perparitan serta bekalan air dan elektrik tetapi tidak diluluskan.

Pada awal 2008, permohonan telah diterima oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk dipertimbangkan di bawah Kajian Separuh Penggal (*Mid Term Review*) Rancangan Malaysia ke-9. Keputusan permohonan hanya diketahui pada akhir tahun ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee):**

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Padang Kota. Oleh kerana keputusan permohonan ini hanya dapat diketahui pada akhir tahun ini, adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan supaya permohonan ini masuk ke dalam Bajet MPPP 2009 .... (dengan izin), Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya akan mohon MPPP mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat Pengkalan Kota supaya Pasar Lebuh Cecil itu, bahagian wet market dapat juga ditambah baik kemudahannya. YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat ADUN Padang Lalang membangkitkan mengenai masalah banjir di Seberang Perai terutamanya di kawasan Sungai Rambai. Selaras dengan kajian oleh USM, terdapat tujuh (7) fasa perancang yang perlu dilakukan bagi menangani secara keseluruhan masalah banjir di kawasan Sungai Rambai. Sehingga kini, pelaksanaan dua (2) fasa tersebut didapati boleh mengatasi masalah banjir terutama sekiranya penduduk di sekitar kawasan tersebut dapat memberi jaminan bahawa sampah tidak dibuang ke dalam parit yang akan seterusnya menyekat aliran air di sekitar kawasan Sungai Rambai.

Ini jelas kerana siapnya rumah pam di Sungai Rambai baru-baru ini, ianya telah membolehkan rumah pam tersebut dilengkapi dengan enam (6) unit pam, dan pam ini akan mengalirkan air di sekitar kawasan perumahan itu fasa 2, 3 dan 4 ke Sungai Juru dan seterusnya ke laut. Sehubungan dengan ini, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga perlu melaksanakan kerja pelebaran muara serta memperdalamkan Sungai Juru bagi menjamin aliran yang lebih sempurna. Mengenai soalan tentang pembayaran bagi kerja-kerja pembersihan awam atau KPA dan perkhidmatan pelupusan sampah PPS yang kurang berkesan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak MPSP sedang melakukan perubahan terhadap kaedah pemantauan, dan

pengurusan yang berkaitan dengan kerja-kerja ini. Ini termasuk untuk mengenakan denda dan potongan-potongan bagi kerja-kerja yang tidak dilakukan dengan sempurna dan tindakan menamatkan mana-mana perkhidmatan yang tidak mematuhi kehendak MPSP. Kerja-kerja mempertingkatkan pemantauan dalam menangani isu-isu pembersihan akan diteruskan. MPSP pada masa kini tidak boleh, tidak dibolehkan oleh Kementerian KPKT untuk mengeluarkan kontrak baru sehingga urusan kerja-kerja KPA dan PPS diambil alih oleh kementerian oleh penswastaan. Sebab sudah lulusnya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan pembersihan awam yang membenarkan pusat mengambil alih tugas dari Pihak Berkuasa Tempatan. MPSP juga tidak dibolehkan mengambil kakitangan baru bagi kerja-kerja ini dan terpaksa menggunakan semua pekerja sedia ada di dalam menguruskan kerja-kerja pembersihan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, kita tengok ada kawasan-kawasan yang MPSP tak bagi kontrak langsung kawasan berkenaan. Dan MPSP secara berkala telah menghantar dia punya pekerja-pekerja tetapi kita melihat bahawa kekerapan untuk kakitangan MPSP ke kawasan tu nampak kadang dua (2) minggu sekali kerana banyak, terlalu luas kawasan lain yang perlu dijaga oleh MPSP. Adakah dengan langkah tidak mengeluarkan kontrak baru ini akan menyebabkan kita tengok Seberang Perai terutamanya makin kotor di kawasan-kawasan yang tidak diberikan kontrak ini.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow) :**

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua, ini berhubung kait dengan apa yang saya katakan tadi dengan lulusnya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Pusat untuk melalui perbadanan mengambil alih segala tugas berhubung dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Saya rasa, PBT di Negeri Pulau Pinang, MPPP dan MPSP mengamalkan satu (1) sikap yang sopan, ingin mendapat arahan sebab sebelum diambil alih, PBT-PBT di seluruh negara di nasihatkan supaya jangan melanjutkan kontrak, menawarkan kontrak yang baru sebab bila-bila masa

perbadanan akan masuk. Tetapi masalahnya, akta ini diluluskan sudah dua (2) tahun dan perbadanan sudah ditubuhkan. Mereka kata akan masuk ambil alih pada bulan Jun, tak jadi. Bulan September pun tak jadi. Bulan Disember, tak tau jadi atau tidak. Jadi, sampai pekerja-pekerja pembersihan kontrak pun tak mahu dilanjutkan kontrak mereka. Saya rasa saya akan meminta PBT untuk berani sebab selain daripada diambil alih, PBT masih berkuasa untuk membuat tender baru, kontrak baru dan sebagainya. Jadi, dalam tempoh peralihan ini kita perlu menggunakan apa kuasa yang masih tinggal di PBT dan lagi pun kalau diambil alih pun, kontrak-kontrak ini perlu di bawah akta ini diambil alih oleh perbadanan. Kalau MPSP atau MPPP dalam tempoh peralihan ini menawarkan satu (1) kontrak RM1 juta ke, setengah juta ke tak apa. Bila diambil alih, kontrak ini pun ditunaikan oleh perbadanan. Dia kena ambil alih segala aset dan bebanan PBT-PBT.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):**

Penjelasan...YB. saya cuma ingin nak beritahu Sungai Rambai itu pam besar, masih ada dua (2) mesin dipinjam kepada Perai. Saya ingin nak beritahu jangan terlupa pasang balik itu pam besar itu. Itu saja, terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) :**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang. Saya berharap masalah di Perai nampaknya pun, sedang tunggu pam-pam dari Holland, Germany sampai bulan Oktober, apabila sampainya pam-pam baru untuk Prai, pam-pam yang dibincangkan dari Sungai Rambai akan dipulangkan dengan selamat. YB. kawasan ADUN ada menimbulkan masalah keretakan rumah di Jalan Kuantan. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan ini notis mengkehendaki kerja tanah diberhentikan dikeluarkan pada 4hb Julai tahun ini iaitu lebih kurang 5 minggu selepas lawatan YAB. Ketua Menteri ke tapak itu. Keputusan untuk mengeluarkan notis berhenti kerja tanah dibuat selepas pelantikan perunding Ikhrum Struktur Assessment Sdn. Bhd. pada 20hb Jun dan keputusan ini telah dicapai dalam satu mesyuarat teknikal bersama Ikhrum pada 4hb Julai tahun ini.

MPPP telah mewujudkan kerja-kerja pembaikan bagi bangunan-bangunan yang terlibat yang sedang ataupun telah dimulakan boleh diteruskan. YB. juga membangkitkan masalah mengenai keretakan rumah dan masalah banjir yang berlaku di Taman Kota Permai, Bukit Mertajam akibat kerja-kerja pembinaan rangkaian paip, pembetulan atau Juru Sewerage Treatment Plan (JSTP) untuk makluman Dewan ini JSTP bagi kawasan Kota Permai bermula pada 9hb September tahun lepas dan aduan mengenai keretakan rumah mereka diterima pada Oktober 2007. Beberapa tindakan awal melibatkan Jabatan Pembentungan Pejabat Daerah MPSP bersama ADUN pada masa itu telah diambil. Tindakan awal yang diambil ialah sebagai langkah jangka pendek plan pencegahan dan penyelesaian untuk tempoh jangka panjang memerlukan kajian pakar yang dilakukan. Bagi tujuan ini MPSP telah mengarah JPP Pulau Pinang melantik juru perunding iaitu kumpulan Ikhrum bagi menjalankan kajian juru teknik. Hasil kajian berkenaan telah dikemukakan kepada MPSP 14hb Julai yang lalu. Kajian berkenaan telah mengkategorikan kecatatan rumah akibat pelaksanaan projek kepada beberapa kategori iaitu kecacatan teruk 7 buah, kecacatan sederhana 14, kecacatan kecil 19, kecacatan amat kecil 5. Hasil kajian ini dijadualkan akan dibentangkan dan akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Bertindak Penduduk Taman Kota Permai yang terlibat dengan masalah tersebut selepas persidangan Undangan Negeri ini.

Ini adalah kerana YB. ADUN Padang Lalang juga berhasrat untuk menghadiri perbincangan dan taklimat berkenaan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut. Pihak MPSP juga pada ketika ini sedang berunding dengan JPP untuk membolehkan laporan kajian kumpulan Ikhrum disampaikan kepada pihak Jawatankuasa Bertindak kebenaran JPP diperlukan kerana pelantikan juru perunding itu untuk membuat kajian adalah oleh jabatan tersebut. Laporan tersebut adalah dimiliki oleh jabatan berkenaan yang diklasifikasikan sebagai *private and confidential*. Mengenai masalah banjir, tindakan telah diambil seperti membina parit-parit dalam kawasan JSTP untuk mengalirkan air dari kawasan perumahan tersebut dengan lebih cepat. Pihak kontraktor juga dikehendaki menyelenggara parit-parit berkenaan. Ikhrum juga pada ketika ini masih meneruskan kajian terhadap permasalahan yang dibangkitkan.

YB. Bukit Tengah dan juga YB. Bagan Dalam ada menyebut tentang hasrat kerajaan mengadakan kembali pilihan raya diperingkat Kerajaan Tempatan seperti diamalkan suatu ketika dahulu untuk memenuhi aspirasi rakyat yang mahukan kerajaan yang benar-benar mewakili mereka. Satu kerajaan yang baik mengikut tafsiran Abraham Lincoln ...(dengan izin), adalah *of the people for the people by the people*. Dan kita inginkan bahawa suara dan amalan demokrasi di pertengahan. Sekali imbas, Seksyen 1(4) Akta Kerajaan Tempatan seperti diujahkan oleh saya semasa soal jawab, akta ini nampaknya menggambarkan pihak berkuasa negeri boleh buat apa-apa kecualian secara pemberitahu dalam warta sahaja.

Walau bagaimanapun YB., seksyen tersebut melibatkan beberapa perundangan yang lain yang perlu dikaji semula. Sebuah jawatankuasa mengenai pilihan raya tempatan telah ditubuhkan bagi mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak tentang isu pilihan raya kerajaan tempatan. Penasihat Undang-undang PBT dijemput untuk perbincangan dan setakat ini belum ada sebarang persetujuan dan memandangkan perkara ini boleh dikatakan agak rumit ianya perlu dirujuk dahulu kepada Penasihat Undang-undang negeri. Sistem pilihan raya kerajaan tempatan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri akan mengambil masa untuk direalisasikan. Kerajaan Negeri menerima baik dan akan mengkaji cadangan YB. agar pelantikan Ahli Majlis akan diadakan dengan lebih telus melalui temuduga terbuka. Kerajaan Negeri juga akan mengkaji syarat minimum bagi Ahli Majlis yang dilantik oleh PBT negeri ini. YB. Sungai Acheh....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan sedikit, terima kasih YB. Padang Kota, dulu ada kajian dibuat supaya PBT-PBT ini dipecah menjadi banyak kawasan, adakah kerajaan sekarang berhasrat untuk meneruskan cadangan yang telah dibuat sebelum ini? Dan apakah langkah-langkah yang telah diambil pada masa kini.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Sungai Dua, jawatankuasa yang saya maksudkan tadi adalah cadangan semasa forum perundingan Kerajaan Tempatan baru-baru ini. Dan *framework* jawatankuasa ini

selain daripada mengkaji pilihan raya bagi Kerajaan Tempatan termasuk dua lagi tugas iaitu permohonan Bandar George Town sebagai bandar raya, penstrukturan semula PBT di Negeri Pulau Pinang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)**

Yang Berhormat minta penjelasan. Apakah rasionalnya kita pihak MPSP mengadakan Ahli Majlisnya dengan mengambil ahli daripada Pulau dan bukannya Seberang Perai sendiri anggota MPSP sendiri? Ada daripada Pulau bukan daripada Seberang Perai sendiri. Kenapa?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Pulau Betong dari maklumat yang kita terima masa menapis permohonan saya rasa perkara ini tidak berlaku melainkan Yang Berhormat boleh memberi maklumat spesifik lah

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)**

Ini terdapat dalam jawapan bertulis kepada soalan saya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Kita akan semak ya, terima kasih, YB. Sungai Aceh telah mencadangkan melantik belia untuk menjadi Ahli Majlis dalam PBT kita, saya rasa tiada masalah selagi belia atau mana-mana pihak memenuhi syarat yang ditetapkan mengikut seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan, mereka boleh dilantik, Kerajaan Negeri mesti juga memastikan mereka yang dilantik berdasarkan kebolehan untuk menyumbang dengan cemerlang dengan Kerajaan Tempatan, mengenai tindakan lebih cergas mengutip tunggakan yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Aceh, perlu dijelaskan bahawa pihak MPSP hanya mengeluarkan saman kepada penjaja dan

kompaun bagi pemilik letak kereta sekiranya pihak penjaja dan pemilik kereta telah melakukan kesalahan. MPSP tidak akan mengeluarkan saman dan kompaun tersebut dengan sewenang-wenangnya.

YB. juga membangkit tentang pengurusan Stadium Batu Kawan dengan cadangan supaya pengurusan stadium tersebut diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri ataupun PDC. Sehubungan dengan persoalan ini pihak MPSP bagi belanjawan 2009 tidak menyediakan peruntukan bagi tujuan selenggara Stadium Batu Kawan dan perkara ini telah pun dimaklumkan dan dibincangkan kepada dengan Kerajaan Negeri di mana MPSP mencadangkan supaya selenggaraan Stadium tersebut boleh dibiayai oleh Kerajaan Negeri. YB. Bagan Dalam membangkitkan soal rasuah dengan menyatakan masalah ini berlaku dalam kalangan Pegawai di MPSP, so kalau saya menyatakan di sini sekiranya orang ramai mempunyai maklumat dan bukti bagi perbuatan tersebut, sepatutnya melaporkan kepada BPR, *it sounds like* Barisan Nasional. Jawapan yang sama untuk supaya tindakan dapat diambil atas kesalahan di bawah undang-undang tersebut. Saya berpandangan sekiranya terdapat Pegawai MPSP diambil tindakan oleh BPR, ia akan dapat juga memberi peringatan dan pengajaran kepada pegawai dan kakitangan lain untuk menjauhi daripada perbuatan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod MPSP sepanjang 5 tahun kebelakangan tidak ada seorang pun pegawai dan kakitangan MPSP ditangkap atau didakwa atas perbuatan rasuah. Selaku EXCO tempatan saya amat berharap sekiranya terdapat kakitangan MPSP mengambil rasuah maka mereka wajar dilaporkan dan diambil tindakan yang bersesuaian dengan undang-undang tersebut. Berhubung dengan pembinaan ibu Pejabat MPSP yang bernilai RM78 juta dan bangunan MPSP di Jalan Betik bernilai RM9.5 juta. Itu adalah keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri, pembinaan bangunan MPSP di Jalan Betik dibuat lebih awal daripada bangunan di bandar PERDA. Ruang yang terdapat di Bandar Perda adalah seluas 290 ribu kaki persegi berbanding dengan ruang di Jalan Betik dengan keluasan 40,900 kaki persegi. Beza antara 2 bangunan ruangnya adalah 249,100 kaki persegi.



Bangunan MPSP di Jalan Betik masih digunakan oleh pihak penguatkuasa bahagian Veterinar dan juga mahkamah municipal untuk *offence* lalu lintas. Bangunan Jalan Betik tidak dijadikan Pusat Perkhidmatan orang ramai kerana lokasinya agak jauh dengan Bandar PERDA. MPSP juga pada ketika ini sedang berunding untuk menyewa ruang pejabat di bangunan tersebut kepada pihak-pihak yang berminat termasuk Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal yang bercadang menempatkan pejabat cawangannya bagi Negeri Pulau Pinang. MPSP berpandangan bahawa kedua-dua bangunan tersebut pada dasarnya merupakan aset MPSP yang akhirnya dapat menguntungkan MPSP pada jangka masa panjang. Ini jelas bahawa berdasarkan kepada nilai MPSP bangunan di Bandar PERDA ini dibina dengan kos RM78 juta dan kini bernilai dalam lingkungan RM100 juta.

Mengenai soalan tentang kebersihan, saya telah meminta pihak MPSP mempertingkatkan tahap kebersihan di kawasan Seberang Perai. Perkara ini juga telah dibincangkan dalam mesyuarat MMK Kerajaan Tempatan yang saya pengerusikan. Malah kedua-dua PBT minta lebih banyak turun padang dalam memantau kerja-kerja pembersihan supaya kembalikan sinaran '*Pearl Of The Orient*'. Kebersihan secara keseluruhannya bukan sahaja meningkat kualiti hidup rakyat bakal menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing ke Negeri Pulau Pinang. Saya difahamkan tindakan ini telah mula dilaksanakan termasuk lawatan bersama ADUN kawasan. Di sebelah Pulau tindakan untuk mengembalikan sinaran '*Pearl Of The Orient*' adalah seperti berikut. Sebanyak 7 kontraktor dilantik, ini dilantik sebelum akta diluluskan. Tetapi kalau diambil alih, kontrak ini juga perlu diambil alih. 7 kontraktor telah dilantik untuk melaksanakan pungutan sampah dan kontraktor dikehendaki mengutip semua sampah sarap yang dikeluarkan oleh pengguna termasuk sampah dapur dan sampah pukal. Kontrak perkhidmatan pembersihan parit dan jalan diperkenalkan pada bulan April 2007 yang melibatkan 34 kawasan dengan mengintegrasikan pembersihan parit dan jalan dengan pemotongan rumput terutamanya di kawasan luar George Town. Kerajaan Negeri telah mempertingkatkan kawasan parit dan jalan di Bandar George Town dan juga pembersihan sampah yang terapung di laut, kebersihan pantai dan sebagainya. OPS sinar bersepadu, gotong royong, kitar semula, dan menaik taraf tandas-tandas awam yang telah uzur.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Memang kita menyambut baik usaha oleh Kerajaan Negeri khususnya PBT dan kedua-dua pihak untuk membersihkan Pulau Pinang. Tapi lebih dari itu, selain daripada kerja-kerja membersihkan kita juga perlu melaksanakan satu program besar-besaran untuk mengubah minda dan gaya hidup orang Pulau Pinang yang suka buat kotor. Jadi, kita tak mau di label sebagai negeri darul sampai, tapi tak mahu juga rakyat Pulau Pinang di label sebagai pengotor. Jadi satu perubahan minda dan budaya kehidupan harus dilaksanakan. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat menggubal satu program besar-besaran supaya dilaksanakan dari peringkat Tadika sehingga ke peringkat rumah orang-orang tua supaya mengutamakan kebersihan, menilai kebersihan dan membenci kekotoran. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Penjelasan. Berkenaan isu yang dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar. Saya memang mengambil kira apa yang dinyatakan tentang perubahan mind set. Tapi saya ingat untuk melabelkan semua rakyat Negeri Pulau Pinang sebagai pengotor, itu tidak betul. *First of all* ....(dengan izin), dan seterusnya saya berpendapat bahawa sememangnya perlu diambil tindakan yang lebih tegas untuk mengubah *mind set* rakyat Pulau Pinang yang tidak mengamalkan satu cara hidup yang bersih. Saya bercadang, berpendapat, merangkumi tindakan perundangan juga. Iaitu, apa-apa undang-undang yang ada untuk mengurangkan kekotoran dari terus berlaku. Yang sedia ada, seharusnya di *enforce*, dikuatkuasa, step ataupun langkah-langkah yang tegas, kita mesti tegas dalam perkara ini, *strict*. Kalau kita lihat negara Singapura, kalau kita pergi sana kita takut nak buang sampah, nanti masuk penjara pulak. Itu *mind set* yang telah di... (dengan izin), di situ dan di buat melalui undang-undang. Jadi, saya harap dari segi ini, undang-undang yang sedia ada dapat dikuatkuasakan, jika tiada mungkin boleh diwujudkan supaya dapat menjadi satu *guideline* ....(dengan izin), pada rakyat Negeri Pulau Pinang. Jadi, kita boleh *lead* juga dari segi ini, bukan saja di Negeri Pulau Pinang tapi kita boleh

*lead* ....(dengan izin), di seluruh Malaysia. Supaya *mind set* kita boleh ditukar dengan cara perundangan dari segi ini.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin tambah sedikit saja dari segi ini. Selain daripada buat undang-undang, sesiapa saja yang masuk lokap kerana buang sampah, suruh dia pergi sapu sampah di jalan dan gantung 'saya adalah buang sampah'. Suruh dia buat sapu sampah di jalanraya. Ini adalah satu kemaluan untuk ajar dia jangan buang sampah sewenang-wenangnya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Tuan Speaker. Nampaknya wakil rakyat ADUN di sini mahu majlis menguatkuasa dengan tegas. Tapi kalau pengundi mai *complaint* saman jangan dipotong atau apalah. Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam proses pengurusan sisa pepejal dari isi rumah kepada tapak pelupusan sampah, pendidikan dan penguatkuasaan adalah komponen yang tidak boleh diperkecil-kecilkan. Dari rumah kita mulakan kempen kitar semula mengasing-asingkan sampah-sampah untuk dijadikan sumber yang baru. Pungutan sampah dari isi rumah ke tapak pelupusan dan cadangan Kerajaan Negeri untuk membina *Material Recovery Facility* di mana sampah-sampah yang dipungut di municipal dapat dikitar semula secara besar-besaran. Kita kitar semula bahan-bahan ini dan kita menjadikan *organic waste* sebagai baja. Kita masih memerlukan tapak pelupusan untuk 20% inner waste yang tidak dapat dikitar semula. Di samping menukar gas *matine* yang dikeluarkan dari tapak pelupusan untuk dijadikan gas. Ini satu rangkaian yang ingin kita lakukan supaya dalam rangkaian ini sekiranya berkesan dilaksanakan, kita harap Negeri Pulau Pinang dapat menggugurkan stigma sebagai darul sampah selama ini.

Yang Berhormat Penaga dan Ketua Pembangkang ada menyebut tentang RM50 juta pinjaman yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan syarikat bas Negeri Pulau Pinang. Satu perjanjian telah dimeterai di antara Kerajaan Negeri dengan pusat melalui Kementerian Kewangan pada 27 September 2006. Pinjaman tersebut adalah bertujuan untuk merealisasikan perancangan Kerajaan Negeri bagi penyusunan semula perkhidmatan bas awam di Negeri Pulau Pinang yang tidak sistematik. Pinjaman tersebut boleh digunakan oleh Kerajaan

negeri, minta maaf, belum digunakan oleh Kerajaan Negeri berikutan kemasukan Syarikat Rapid Penang pada 31 Julai tahun lepas untuk menawarkan perkhidmatan bas awam. Sehingga kini untuk makluman dewan ini, tidak penamatan perjanjian secara rasmi RM50 juta itu. Kerajaan Negeri sudahpun tulis surat kepada Kerajaan Pusat untuk cuba mendapat semula peruntukan kewangan ini melalui pinjaman supaya dapat melaksanakan beberapa rancangan penambahbaikan ke atas perkhidmatan bas awam di negeri ini. Mengenai cadangan untuk menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu sebagai tanda nama jalan, terdapat cadangan yang dikemukakan oleh seorang ahli majlis untuk menggunakan bahasa tambahan sebagai tanda nama jalan. Penduduk Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, bangsa, agama dan dikunjungi ramai oleh pelancong asing. Globalisasi dan perkembangan sektor pelancongan pelbagai bahasa bertambah penting. George Town baru-baru ini diberi sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO yang akan melihat lebih ramai pelancong mengunjungi Pulau Pinang untuk menyaksikan kepelbagaian warisan budaya negeri ini.

Untuk makluman Dewan ini, penggunaan pelbagai bahasa dalam pengumuman termasuk Bahasa Cina dan Arab di lapangan terbang negara kita ini telah diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan yang juga telah meluluskan peruntukan untuk mendirikan papan tanda dalam pelbagai bahasa di sekitar bandar George Town. Penggunaan pelbagai bahasa dalam papan tanda jalan akan melambangkan kekayaan warisan di Negeri Pulau Pinang... (gangguan) sikit lagi. Kerajaan Negeri telah menerima rayuan supaya nama jalan diadakan dalam pelbagai bahasa dan menegaskan bahawa kedudukan Bahasa Malaysia adalah diutamakan dan tidak dipertikaikan. Bahasa-bahasa tambahan seperti Inggeris, Cina, Tamil, Arab diadakan mengikut kesesuaian sejarah, budaya dan warisan setempat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

YB. Tuan Speaker, saja-saja. Nak suruh menghayati sikit ... (menyanyi), 'Gunakanlah bahasa kebangsaan kita, marilah kita amalkan bersama'. Yang tu saja, saya nak suruh ingat lagu tu.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin):**

YB. Tuan Speaker, YB. Padang Kota. Adakah kerajaan boleh mempertimbangkan bas di antara Pulau Pinang dan juga Seberang Perai melalui Jambatan Pulau Pinang? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Akan sambung perkara ini. Yang Berhormat Pulau Tikus, Penaga dan Pantai Jerejak pun ada membangkitkan berhubung dengan masalah lalu lintas dan pengangkutan awam perlu diperbaiki. Pengangkutan awam yang cekap dan harga yang berpatutan akan menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya. Dengan itu, penggunaan kenderaan persendirian di jalan raya dapat dikurangkan. Kerajaan Negeri telah memberi keutamaan dalam memperbaiki sistem pengangkutan awam dengan tumpuan di beri kepada memperbaiki perkhidmatan bas. Kerajaan Negeri sedang dalam proses menubuhkan syarikat bas Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, perkhidmatan percuma shuttle bus untuk Bandaraya George Town akan diwujudkan semula. Kerajaan Negeri juga telah merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk segera menghantar 100 buah tambahan Rapid Penang untuk menambahbaik pengangkutan awam negeri. Langkah-langkah lain bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas termasuk membina jalan-jalan baru, menaiktaraf jalan sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagihkan, menyuraikan aliran lalu lintas serta meningkatkan keselamatan jalanraya. Kerajaan Negeri telah memohon bantuan dan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan dalam soal ini terutamanya dalam pembinaan lintasan kedua Pulau Pinang dan Lebuh raya Lingkaran Luar Pulau Pinang serta lain-lain projek yang telah dikenalpasti di bawah Rancangan Malaysia ke-9.

Di samping itu, kerja-kerja pembinaan dan naik taraf jalan yang tidak menelan belanja yang banyak serta yang disyaratkan ke atas pemaju akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri dan juga merancang pembangunan dan corak guna tanah adalah satu strategi yang penting untuk menangani masalah ini sebab pembangunan yang terkawal dan tersusun dengan infrastruktur yang berpadanan di samping mewujudkan bandar-bandar satelit

untuk mengalih dan mengurangkan tekanan di kawasan pembangunan yang padat dan sedia ada. Bandar-bandar telah diwujudkan dan sedang berkembang seperti Bayan Baru, Bandar Baru, Air Hitam, Tanjong Tokong, Bandar Perda, Batu Kawan dan Bertam, juga mengambil langkah-langkah untuk mengurus lalu lintas dengan berkesan dengan laksana, *localize traffic management plan* bagi setempat, mengadakan larangan kawalan lampu isyarat, menyelaraskan lampu isyarat antara persimpangan, serta mengadakan sistem panduan arah yang jelas. Kawalan *intelligent transport system* dan sistem kawalan televisyen luar litar atau CCTV telah disediakan dan akan diperluaskan secara berperingkat. Membina, meluas dan menambahbaik laluan pejalan kaki serta kemudahan berkaitan termasuk kemudahan orang kurang upaya dan berusia untuk menggalakkan orang ramai berjalan kaki untuk perjalanan jarak dekat.

Di samping itu, tindakan-tindakan selaras dengan kewujudan bandar selamat telah di ambil dan dipertingkatkan seperti mengasingkan laluan pejalan kaki dan kenderaan, mempertingkatkan pencahayaan serta mengadakan CCTV. Yang Berhormat Pulau Tikus juga menimbulkan penerima pakai prinsip CAT yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Ia bukan sekadar slogan atau janji kosong. Arahan telah dikeluarkan supaya semua agensi dan jabatan dibawah pentadbiran Kerajaan Negeri mengamalkan prinsip ini. Pemilihan kakitangan baru di semua agensi dan jabatan Kerajaan Negeri berdasarkan merit dan bukan agama, bangsa atau kefahaman politik. Dengan itu, kakitangan yang layak dan terbaik saja akan dipilih untuk berkhidmat dengan Kerajaan Negeri. Kursus dari masa ke semasa di beri kepada kakitangan untuk menambah ilmu dan kecekapan. Kerajaan Negeri melalui satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Ahli Batu Maung, telah membolehkan lebih banyak maklumat daripada jabatan kerajaan disalurkan kepada orang ramai seterusnya menunaikan janji supaya kerajaan lebih telus dan terbuka.

Bagi hasrat Yang Berhormat Pulau Tikus untuk diwujudkan bandar hijau, usaha Kerajaan Negeri untuk menghijaukan Pulau Pinang dan menjadikan negeri ini sebagai *garden state* adalah melalui agensi kerajaan khususnya MPPP dan MPSP dengan

khidmat nasihat daripada Jabatan Landskap Negara bagi program penanaman pokok di kawasan PBT.

Pelan Induk Landskap Kerajaan Tempatan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri mengandungi mekanisma dan bantuan perancangan serta pembangunan fizikal dan landskap untuk dilaksanakan secara bersepadu. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan kualiti persekitaran dan kehidupan yang bersih, sihat dan indah selaras dengan konsep *total living environment*. Pelan Induk Landskap ini juga mengandungi pelbagai perakuan dan program landskap yang menyeluruh.

Yang Berhormat Pantai Jerejak menimbulkan masalah rumah pangsa di kawasan Pantai Jerejak yang dikatakan sangat teruk dan tidak terurus. Semua rumah pangsa yang dimiliki oleh MPPP mempunyai peruntukan tahunan untuk kerja-kerja pembaikan dan pencegahan serta menyediakan jadual mengecat semula. Bagi rumah pangsa yang dimiliki oleh pihak swasta sama ada pemaju atau badan pengurusan bersama atau Perbadanan Pengurusan yang ditubuhkan oleh rumah pangsa berkenaan akan menyediakan dua akaun yang berasingan iaitu akaun penyelenggaraan bangunan dan kumpulan wang penjelas atau *sinking fund*. Mereka boleh menggunakan kedua-dua akaun ini untuk membiayai penggantian lampu di rumah awam, mengecat semula rumah pangsa dan sebagainya kerja-kerja *di common areas*. Pada dasarnya penyediaan rumah kos rendah adalah ditanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mensyaratkan 30% perumahan kos rendah perlu disediakan di dalam setiap pemajuan yang melebihi 100 unit bagi kawasan luar pembangunan dan 150 unit banglo kawasan pembangunan. Mengenai konsep *park and ride*, tapak dikenal pasti di Gat Lebu Nordin, di Tanjung Tokong, di Air Itam, Sungai Nibong dan *station park and ride* berdekatan Jambatan Pulau Pinang sedang dikenal pasti.

Yang Berhormat Permatang Pasir, Kerajaan Negeri juga ingin tahu bagaimana rezab MPSP yang pada satu ketika berjumlah RM228 juta boleh merosot sehingga RM25 juta. Sebagai langkah mencegah, Kerajaan Negeri telah memutus untuk melantik audit bebas menjalankan kerja audit terhadap bukan sahaja MPSP tetapi agensi-agensi lain seperti MPPP, PDC dan PBA. Melalui audit bebas, Kerajaan Negeri berharap mendapat tahu kelemahan-kelemahan dalam agensi supaya tindakan

pengecahan dan pemulihan dapat dilaksanakan untuk mewujudkan pentadbiran yang *competance, accountable and transperance*.

Untuk maklumat Yang Berhormat dan Dewan ini, projek-projek utama yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dilaksanakan oleh MPSP serta kos terlibat adalah seperti berikut dalam masa ini iaitu:-

- (i) Peruntukan untuk KADUN projek infrastruktur dan kempen anti-nyamuk - RM50.37 juta.
- (ii) Pokok-pokok annual - RM42.8 juta.
- (iii) Pengambilan balik tanah - RM33.2 juta.
- (iv) Kompleks Sukan Bertam - RM15.4 juta.
- (v) Dewan Bandaran – RM5.82 juta.
- (vi) Pejabat MPSP cawangan SPT – RM10.3 juta.
- (vii) Kompleks Sukan SPT – RM17.92 juta.

Ini mungkin maksud Yang Berhormat Telok Bahang, jangan simpan duit kalau projek-projek ini dapat dilaksanakan untuk manfaat penduduk. Projek-projek yang telah dilaksanakan seperti di atas juga sedikit sebanyak menjejaskan keadaan kewangan MPSP sekarang. Mengenai persoalan gerai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pasir, gerai-gerai ini yang masih kosong merupakan gerai yang terletak di Daerah SPU dan SPT yang disyaratkan oleh MPSP kepada pemaju dalam syarat kelulusan pelan perancang dan ianya tidak melibatkan peruntukan MPSP secara langsung. Punca-punca kegagalan gerai tersebut berfungsi adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti lokasi tidak strategik, reka bentuk tidak menarik, kawasan kepadatan yang rendah, gerai diletak di kawasan industri yang kecil dan tidak melibatkan pekerja yang ramai yang boleh mengunjung gerai-gerai itu.

MPSP sedar akan masalah ini dan telah mengambil langkah-langkah positif untuk mengelak masalah ini berulang di dalam menentukan lokasi gerai ini bagi pelan tata susunan (*lay out*) baru yang diluluskan dan menetap lokasi yang lebih strategik



untuk gerai bagi menjamin ianya dapat berfungsi. Yang Berhormat Tanjung Bunga..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Penjelasan. Masalah gerai yang tidak dipenuhi ataupun tidak menepati permintaan orang-orang ramai adalah masalah yang sudah lama. Jadi saya berharap pihak PBT kita dapat mengambil langkah yang lebih positif selain daripada mensyaratkan kepada pemaju untuk meletakkan gerai-gerai yang sepatutnya mereka bina di tempat-tempat yang lebih strategik. Kalau boleh biarlah dikaji semula sama ada PBT boleh mengutip sumbangan untuk pembinaan gerai ini di mana kawasan-kawasan yang pemajuan yang ada itu memang tidak sesuai untuk bina gerai tetapi memang disyaratkan. Jadi kutip *contribution in lieu* .... (dengan izin), supaya pihak PBT boleh merancang untuk membina gerai-gerai membuat pengambilan di kawasan-kawasan yang lebih sesuai supaya ianya dapat menepati keperluan peniaga-peniaga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai):**

Minta penjelasan. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar yang dahulu punya perancangan ada banyak yang gerai itu tidak sesuai. Satu kes di Pulau Tikus dekat Tingkat Eskine ada satu pasar yang besar tetapi sampai sekarang tidak ada gerai yang hendak masuk lagi kerana mereka kata itu tempat tidak sesuai. So, di sini saya hendak minta Kerajaan Tempatan adakah pasar atau gerai-gerai itu boleh ubah kegunaannya kepada kegunaan yang lain kerana tempat itu yang tidak sesuai untuk pasar atau gerai. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih sebab memberi perhatian kepada masalah yang kita sedang bincangkan. Kerajaan Negeri amat sedar adanya kelemahan dari segi ini dan sudah mengarahkan PBT untuk kaji semula dalam pelan merancang sekiranya disyaratkan untuk menyerahkan kawasan-kawasan lapang ataupun kemudahan asas biarlah tanah itu diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Tidak semestinya tapak itu akan digunakan untuk tujuan gerai-gerai dan lain-lain tetapi selepas siapnya projek berkenaan kita akan lihat pada keseluruhannya apakah yang diperlukan untuk menggunakan

kemudahan asas di satu kawasan pembangunan yang baru. Jadi kita sememangnya masih akan mensyaratkan pemaju serahkan tetapi kita akan menentukan kemudian apa yang perlu dibina dalam satu kawasan pembangunan. Antara cadangan sementara untuk menangani masalah ini, cadangan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pulau Tikus memang boleh dipertimbangkan. Kalau ada pengusaha yang ingin mengambil alih gerai pada keseluruhannya dan atas inisiatif ini menjadikan sebagai satu *hawkers centre* dan sebagainya. Ini boleh dipertimbangkan secara satu pakej, secara penswastaan, ini lebih baik kalau gerai-gerai ini tinggal kosong sahaja.

ADUN Tanjung Bunga menyebut tentang bandar mampan dan mengikut definasi memang banyak definasi apa maksud kemampuan. Salah satu adalah daripada *United Nations Centre for Humans Centrement* mendefinisikan bandar mampan sebagai bandar yang mampu mengekalkan pencapaian dan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal untuk selama-lamanya. Di Malaysia, bandar mampan bukan sahaja dilihat daripada perspektif bandar mampan pada peringkat antarabangsa tetapi disesuaikan dengan prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan sejagat secara menyeluruh yang telah diterima pakai oleh Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa.

Di antara lain prinsip-prinsip ini menyarankan agar perancangan pembangunan termasuk bandar haruslah juga mempunyai ciri-ciri adil dan saksama, aman dan selamat, menghormati ilmu dan sentiasa mengingati Pencipta serta bersih dan cantik. Untuk mencapai tahap bandar mampan khususnya dan negara maju menjelang 2020 amnya, tahap kemampuan serta penempatan hendaklah senantiasa diukur supaya kualiti hidup penduduk setempat dapat dipertingkatkan pada setiap masa.

Mengenai tebus guna 40 kaki di depan Tanjung Country Club yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Bunga, sukacita dimaklumkan terdapat satu permohonan kebenaran merancang bagi cadangan pusat marina di tempat itu oleh Tetuan Fiorich Sdn. Bhd. pada tahun 1996. Kebenaran merancang telah diberi pada tahun 2001 dan kebenaran merancang itu luput dan

pada perlanjutan kelima tahun lepas. Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 1994 telah membuat keputusan meluluskan tanah seluas 1.5

ekar kepada syarikat ini untuk tujuan-tujuan membina satu marina dan tempoh pajakan adalah 60 tahun. Pentadbir Tanah telah menandatangani sebagai tuan tanah bagi lot 48 dan juga plot B dan plot C di atas pelan permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh MPPP.

Bagi soalan Rancangan Struktur Negeri yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini dianggap sudah ketinggalan zaman atau *out dated*. Dalam seksyen 11(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa, kajian semula atau pengubahan rancangan struktur boleh dijalankan selepas suatu rancangan struktur telah dikuatkuasakan dalam tempoh yang ditentukan sepertimana yang diarahkan Jawatankuasa Perancangan Negeri. Proses kajian semula adalah tertakluk kepada seksyen 7, 9 dan 10 akta itu dan proses kajian semula *proper city* dan kelulusan atau penolakan pengubahan rancangan struktur oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri, rancangan tempatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan akan diselaraskan mengikut pengubahan rancangan struktur yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Untuk maklumat Dewan ini, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang dan Deraf Rancangan Tempatan Pulau Pinang bagi pulau, Tanjung Tokong tidak dizonkan sebagai kampung warisan tradisi.

Yang Berhormat ADUN Bertam mengemukakan masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal dan OKU yang memohon gerai kepunyaan Kerajaan Negeri dan sememangnya golongan ini diberi perhatian oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Yang Berhormat Seri Delima menimbulkan juga kemudahan untuk Orang Kurang Upaya di beberapa kawasan sudahpun ada kemudahan untuk OKU seperti Upper Penang Road, Penang Gold Bazaar, Projek Pejalan Kaki di Lebu Pantai. Laluan pejalan kaki ini dibina dengan kemudahan pejalan kaki. MPPP juga telah mereka bentuk pondok perhentian bas yang mesra Orang Kurang Upaya untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

ADUN Seri Delima juga mengadu masalah aliran lalu lintas telah meningkat di kawasan Seri Delima dan terdapat permintaan untuk sistem jalan sehala di sana. Kerajaan Negeri telah

meluluskan sistem jalan sehalu untuk Lorong Delima 3, 5 dan 7 seperti mana yang dipohon. Sistem jalan sehalu akan diperkenal dan diperluaskan bukan hanya di kawasan Seri Delima tetapi di seluruh di Pulau Pinang bahagian pulau mengikut keperluan.

Kerajaan Negeri tidak menyediakan tapak-tapak untuk Pasar Ramadhan seperti dipohon oleh Yang Berhormat. Ianya bergantung kepada permohonan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu sahaja seperti JKKK, persatuan penduduk atau persatuan penjaja. Bagi Pasar Ramadhan baru, MPPP perlu merujuk kepada pihak polis dan Jabatan Kerja Raya untuk mendapat ulasan sama ada tempat yang dipohon itu sesuai atau tidak dari segi keselamatan dan kesesakan lalu lintas.

Yang Berhormat Sungai Pinang menimbulkan masalah di Rumah pangsa Taman Sri Pinang. Projek ini mempunyai 361 unit, Yang Berhormat EXCO dahulu pun amat prihatin tentang perkara ini bagi menangani aduan-aduan kerosakan ruang bersama kecacatan bangunan, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat MPPP. Semua aduan kerosakan dan kecacatan akan diteliti dan diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja-kerja Defect's Projek Turnkey Taman Sri Pinang tersebut. Semua kebocoran siling telah diteliti dalam jawatankuasa ini dan kerja-kerja pembaikan sedang dibuat mengikut jadual. Semua unit kediaman mempunyai dapur dan tempat memasak kecuali kedai-kedai. Pada masa sekarang satu stesen CNG diadakan di Seberang Perai, kerajaan telah meluluskan pemajakan satu tapak tanah MPPP kepada Petronas untuk tujuan stesen di sebelah pulau.

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat Padang Kota, saya tahu Yang Berhormat menerima paling banyak soalan-soalan untuk dijawab. Jadi sesi akan memberi peluang untuk sambung penggulungan selepas kita berhenti rehat. Jadi Dewan kita tangguhkan dan sambung semula pada pukul 2.30 nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 petang.***

***Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang***

**YB. Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula. Seterusnya saya menjemput YB. Padang Kota untuk meneruskan penggulungan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab selama 15 minit sebelum habis, tanpa gangguan. Untuk menjawab Adun Kebun Bunga, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) dilaksanakan mengikut garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Isi rumah termasuk daripada kawasan Padang Tembak dengan pendapatan sebanyak RM660.00 sebulan atau pendapatn perkapita sebanyak RM160.00 layak dipertimbangkan.

MPPP dari semasa ke semasa menerima permohonan bantuan dan semakan dibuat. Sebahagian daripada penerima bantuan yang diluluskan oleh KPKT merupakan isirumah dari kawasan Padang Tembak. Kerajaan Negeri mempunyai cadangan pembinaan tempat letak kereta di Padang Tembak dan tapak projek telah dikosongkan bagi tujuan tersebut. Perunding telah pun dilantik untuk penyediaan plan perincian dan dokumen tender. Walau bagaimanapun, projek tersebut terpaksa ditangguh memandangkan kedudukan kewangan MPPP yang tidak mengizinkan buat masa ini. Apabila kedudukan kewangan bertambah baik, cadangan bangunan tempat letak kereta bertingkat tersebut boleh direalisasikan. Pada ketika ini, tapak tersebut dijadikan tempat letak kereta sementara dengan dikenakan caj yang minimum iaitu sebanyak 50 sen setiap kali masuk untuk tujuan meletak kereta.

YB. Pulau Betong menimbulkan gerai-gerai haram di Jalan Pasar Lama Balik Pulau. Tindakan telah diambil setiap minggu. Penguatkuasaan dan rampasan serta pemantauan dibuat secara berterusan untuk mengelakkan daripada wujudnya penjaja-penjaja baru tanpa lesen. Buat masa ini, ada 36 buah pasar malam di mana 21 diluluskan dan 13 belum diluluskan, sementara 2 lagi ditolak. MPPP membuat pemantauan ke atas semua pasar-pasar malam. Untuk melesenkan pasar-pasar malam, ianya perlu ada penganjur yang terdiri daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau Persatuan Penduduk. Masalahnya sekarang kebanyakan pasar malam tidak penganjur, tempat yang diadakan pasar malam adalah tidak sesuai kerana

mengganggu lalu lintas atau rumah kediaman. Di samping itu, tidak teratur, tidak bersih dan pembuangan sampah-sarap tidak terkawal.

**Ahli Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan, YB. Padang Kota.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow) :**

Kalau ada gangguan tak siap.

**Ahli Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Jika sekiranya tidak ada penganjur, mengapa tidak MPPP sendiri jadi penganjur supaya memastikan perkara itu berjalan dengan atur, bersih dan sebagainya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih atas cadangan YB. untuk maklumat YB. yang bangkitkan ahli majlis MPSP alamat pada sekarang adalah No. 520 Jalan Taman Janggus, CheroK Tokun atas Bukit Mertajam.

Mengenai cadangan Paya Terubong, syor bahawa PBT memberi nasihat kepada pemaju mengenai Heritage Plan yang perlu dipatuhi. Kerajaan Negeri telah lama mengamalkan kaedah pengawalan terhadap bangunan-bangunan warisan di Pulau Pinang terutamanya sekali di dalam kawasan Dalaman George Town. Sebelum kawasan George Town dicalonkan sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO, semua pelan-pelan pemajuan yang dikemukakan untuk pertimbangan perlu mengikut Deraf Garis Panduan Bangunan Warisan yang telah disediakan oleh PBT. Juga terdapat beberapa projek warisan yang telah dilaksanakan dan projek-projek ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pusat telah menjangkau perbelanjaan sebanyak RM15 juta.

Apabila sesuatu pemajuan dikemukakan, pihak pemaju dan diberi nasihat berkaitan dengan Garis Panduan ini dan kehendak-kehendak warisan yang perlu dipatuhi. Dengan garis panduan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada Ogos tahun lalu,

Bandaraya George Town kini telah disenaraikan sebagai kawasan Warisan Dunia dan pemaju adalah dikehendaki mematuhi Garis

Panduan tersebut. Pemaju termasuk daripada REDHA dari semasa ke semasa akan di beri penjelasan dan taklimat mengenai kehendak-kehendak warisan yang perlu dipatuhi melalui Mesyuarat SPEAD iaitu *Surveyors, Planners, Engineers, Architect, Developers*. Kerajaan Negeri juga mempunyai Pelan Pengurusan bagi bangunan-bangunan di dalam kawasan teras dan penampian di mana beberapa Jawatankuasa akan ditubuhkan bagi memantau dan melaksanakan program-program berkaitan warisan. Usaha juga akan diambil untuk memastikan segala infrastruktur diperbaiki dan dinaiktaraf, kemudahan-kemudahan awam seperti tandas awam, tempat-tempat rekreasi dan tempat perhentian bas dinaiktaraf dan ditambahbaik.

Mengikut Pelan Pengurusan, satu tabung juga akan diwujudkan di mana masalah rumah-rumah usang dan terbiar akan dibaikpulih kepada keadaan asal. Untuk makluman Dewan Yang mulia ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membina taman bandar, dewan serbaguna dan perpustakaan di kawasan Paya Terubong. Sungguhpun begitu, dalam kawasan Paya Terubong telah terdapat sebuah taman masyarakat sedia ada yang amat besar iaitu Taman Metropolitan di Relau.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak RM0.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi membina perpustakaan di kawasan Paya Terubong. Walau bagaimanapun, projek tersebut tidak dapat diteruskan kerana masalah ketiadaan tanah. Peruntukan tersebut tidak mencukupi untuk membeli rumah kedai serta kos pengubahsuaian untuk dijadikan perpustakaan. Mengikut rekod MPPP tidak ada cadangan untuk membina pasar dalam masa terdekat. Ini berhubung dengan alam sekitar, isu yang dibangkitkan oleh Pulau Tikus berhubung dengan penggunaan atau mengharamkan penggunaan plastik bag dan *polyfoam* supaya alam sekitar dipelihara. Saya rasa Dewan Undangan ini, boleh mengambil langkahlah untuk tukar cawan-cawan *polyfoam* yang digunakan untuk minuman dan tukar jadi kertas kalau boleh sebagai langkah kita tunjuk teladan. Untuk Pulau Tikus dan Dewan Yang mulia ini, memangnya terdapat, kebanyakan plastik yang digunakan masih

boleh diasingkan sekiranya menggunakan sistem *material recovery facilities* yang saya katakan tadi.

Kerajaan Persekutuan baru-baru ini mengubal undang-undang baru iaitu Akta Pengurusan Sisa dan Pembersihan Awam dan juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan akan menyelaraskan sistem pengurusan sisa-sisa pepejal dan satunya adalah isu penggunaan *plastic* dan *polyfoam* yang boleh diasingkan untuk tujuan kitar semula. Bagi cadangan penggunaan *air-cond* sebenarnya peniaga-peniaga dibangunan tertutup yang berhawa dingin sentiasa digalakkan menggunakan kipas angin yang mempunyai sistem semburan percikan air sebagai penyejukan dan memasang *air ventilation*, *air-cond* sewajarnya dipasang sewajarnya pada waktu tertentu sahaja apabila ada ramai pelanggan di dalam kedai dan menutup sistem hawadinding bila mana keadaan telah sejuk sepertimana kita buat apabila keluar dari bilik. Jadi Jabatan Alam Sekitar pada ketika ini amat menggalakkan peniaga mengganti penggunaan gas *air-cond* jenis *hydrogen coren foren carbon* FC 22 kepada gas *air-cond* jenis *hydrogen foren carbon* HFC 134A pada alat penghawa dingin yang berbentuk *environmental friendly zon* yang banyak kini digunakan dalam sistem hawa dingin di mana kandungan gas tidak lagi mengandungi *foren* sebagai pencetus kerosakan lapisan ozon.

YB. Tanjung Bungah ada membangkitkan beberapa isu alam sekitar berdasarkan struktur negeri, cadangan permohonan di kawasan tanah tinggi adalah tertakluk kepada dasar khusus tanah bukit. Ini bermakna permohonan tanah ketinggian 250 kaki ke atas atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi jenis permohonan pembangunan tanah tinggi dan mendapat kelulusan EIA. Kelulusan EIA ini tidak dirujuk untuk pandangan orang ramai. Isu tebus guna tanah di Tanjung Tokong, pada awalnya terdapat cadangan bahawa pihak JPS akan meminta E & O Properties untuk melantik juruperunding ketiga untuk memantau impak pencemaran kualiti air marin dan selut hasil daripada kerja-kerja penambakan. Berhubung dengan pembuangan selut yang tidak dibuang di laut antarabangsa lebih merupakan isu pemantauan. Jawatankuasa bagi menangani masalah ini telah pun diwujudkan pada tahun lepas yang turut melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Alam Sekitar, PTG, JPS, Jabatan Laut dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Isu seterusnya ialah mengenai had bunyi bising alam sekitar di mana sebarang pembangunan hendaklah berpandukan kepada had-had yang ditetapkan di bawah garis panduan ini.



Dan akhir sekali untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh YB. Bayan Lepas berhubung dengan kampung tradisi dan kampung warisan. Senarai kampung tradisional sebanyak 25 buah yang dikenalpasti adalah merupakan kampung-kampung tradisional yang diperakukan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Selaras dengan pengenalpastian tersebut, MPPP dalam menyediakan rangka Pelan Rancangan Tempatan telah mencadangkan tambahan Kampung Tradisional dan Kampung Warisan sepertimana yang terkandung dalam Rancangan Struktur Negeri iaitu 25 buah. Beberapa penelitian sedang dibuat untuk mengambil kira beberapa perkampungan seperti kaum Cina, India dan lain-lain untuk terus dikekalkan sebagai perkampungan warisan yang mempunyai kaunikan sendiri. Adalah dimaklumkan bahawa Rancangan Struktur Tempatan masih dalam penyediaan.

Oleh itu sebarang pandangan termasuk YB. dari Bayan Lepas, Telok Bahang masih boleh diterima dan dipertimbangkan. Mengenai mengapa konsultan dilantik dari Kuala Lumpur, perunding arkitek Juru Rancang Malaysia adalah perunding yang disah dan dibentuk oleh JPBD bagi tujuan menyediakan Pelan Rancangan Tempatan George Town dan beberapa pusat perkhidmatan pada tahun 2000 lagi sudah dilantik. Bayaran perunding adalah dikongsi secara 1/3 daripada JPBD, 1/3 daripada Kerajaan Negeri dan 1/3 daripada MPPP. Jumlah Rancangan Tempatan yang dicadangkan ialah 9 kawasan (7 kawasan George Town, 1 Kawasam Air Itam dan 1 Kawasan Paya Terubong). Walau bagaimanapun, Rancangan Tempatan tersebut telah ditangguhkan disebabkan ada pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 2001. Arahan telah dibuat untuk menyediakan satu Rancangan Struktur dan dua rancangan tempatan iaitu Bahagian Pulau dan Seberang. Memandangkan Rancangan Tempatan masih dalam peringkat penyediaan, maka sebarang cadangan dan input masih boleh diterima. Kerajaan Negeri bersedia menerima apa jua cadangan/input supaya penyediaan Rancangan Tempatan Bahagian Pulau lebih telus dan memenuhi aspirasi rakyat.

Isu yang dibangkitkan oleh YB. Bayan Lepas berhubung dengan COB, *Commissioner of Building* .....(dengan izin), sukacita dimaklumkan bahawa apabila Akta Penggunaan Harta bersama dikuatkuasakan tahun 2007 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik MPPP sebagai Pesuruhjaya Bangunan berkuatkuasa 16 Mei 2007. Bagi mentadbir dan menjalankan peruntukan Akta ini di kawasan MPPP sebuah unit urusetia Pesuruhjaya Bangunan telah ditubuhkan di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. 5 pegawai telah dipinjam daripada beberapa unit dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta untuk menganggotai unit baru ini. Pada 18 Julai 2007 pihak MPPP telah menulis kepada Ketua Setiausaha Kementerian untuk membekalkan enam jawatan bagi urusetia ini tetapi sehingga ini MPPP masih belum menerima sebarang jawapan. Itu sama dengan MPSP juga sepatutnya Kerajaan Pusat kena membiayai unit ini.

Susulan pertanyaan daripada Kementerian dimaklumkan beberapa anggota akan dihantar kepada MPPP tidak lama lagi. Mengenai taklimat yang diberikan oleh seorang kerani kanan, pihak MPPP terpaksa menghantar seorang pegawai kerani kanan kerana terdapat lebih daripada satu taklimat atau mesyuarat yang perlu dihadiri oleh pegawai kanan. Tambahan pula taklimat dan mesyuarat ditetapkan pada hari cuti awam. Walauapa pun kita boleh kata kan bahawa COB di MPPP berfungsi dengan baik berbanding dengan PBT lain di Malaysia. Saya rasa terbaik sekali mengikut prestasi. Setakat ini sebanyak 82 skim telah memperolehi Sijil Perakuan Badan Pengurusan Bersama di bahagian Pulau di Seberang daripada 158 yang perlu ditubuhkan JMB yang sudah tubuh 30 yang belum tubuh 128.

YB. Tuan Speaker, itulah jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan usul terima kasih atas ucapan T.Y.T. Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Aspirasi kerajaan baru adalah untuk melihatkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadi bandaraya antarabangsa menjadi sebuah negeri yang maju dan mampan sosial ekonominya di samping itu rakyat yang kaya bukan sekadar kebendaan sahaja tetapi kaya dari rohani pun, masyarakat yang sejahtera dan PBT-PBT bahagian pengurusan lalu lintas dan alam sekitar.

Portfolio ini amat menyokong aspirasi ini dan bersedia untuk bekerjasama untuk mencapai aspirasi seperti saya katakan tadi. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab saya rasa pegawai-pegawai di bawah portfolio ini sudah pun buat catitan dan akan bawa isu-isu ini untuk pertimbangan lanjutan di peringkat mesyuarat MMK dan di peringkat PBT yang berkenaan.

**YB. Tuan Speaker:**

Terima kasih ahli Kawasan Padang Kota. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Perai.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya mengambil kesempatan petang ini memberi ucapan penggulungan perbahasan ucapan TYT. dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pertama selepas Pilihanraya Umum Keduabelas yang bersejarah ini.

YB. Tuan Speaker, dalam ucapan penggulungan ini, saya akan menyentuh perkara-perkara, soalan-soalan dan juga komen-komen yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini berkaitan bidang-bidang yang berada di bawah portfolio saya secara langsung dan tidak langsung.

Akan tetapi sebelum ini, saya akan mulakan ucapan saya dengan membincangkan satu perkara yang memang merupakan isu hangat di mesyuarat Dewan kali ini iaitu keadaan politik negara secara amnya dan juga keadaan politik Negeri Pulau Pinang secara khususnya. Saya bermula dengan topik ini kerana saya yakin bahawa fahaman tentang gambaran besar keadaan politik boleh memudahkan kita memahami situasi politik, visi, misi serta hala tuju kerajaan baru Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang.

Fenomena tsunami politik. Dengan ini izinkan saya mulakan topik pertama saya iaitu fenomena tsunami politik negara.

YB. Tuan Speker, saya ingin menegaskan bahawa konsep dan penggunaan istilah tsunami politik bukanlah rekaan ataupun ciptaan Kerajaan Pakatan Rakyat mahupun Kerajaan Barisan Nasional. Sebenarnya istilah itu dicetuskan oleh pihak media untuk menunjukkan kehebatan situasi politik Malaysia selepas Pilihan Raya Umum Ke 12 yang telah berlangsung pada 8 Mac 2008.

Apabila kita menggunakan istilah tsunami, istilah ini tidak membawa makna kehancuran, kemusnahan ataupun sesuatu malapetaka yang buruk, seperti yang telah disebutkan oleh YB. Penaga. Maksud sebenar tsunami adalah 'tsu' bermaksud pelabuhan dan 'nami' bermaksud ombak dalam bahasa Jepun. Ombak pelabuhan itulah erti asal tsunami.

Maka istilah politik tsunami digunakan sebagai satu konsep untuk menunjukkan bahawa keadaan politik Negara Malaysia telah mengalami suatu perubahan yang bukan sahaja dapat dikatakan dahsyat tetapi suatu perubahan yang progresif dan dinamik di sini saya rujuk kepada YB. Batu Uban.

Komen YB. Batu Uban. Sistem perwakilan YB. Tuan Speaker, YB. Batu Uban, YB. Datok Keramat dan YB. Seri Delima telah menimbulkan beberapa komen mengenai sistem perwakilan Kerajaan Pakatan yang baru dalam mesyuarat Dewan kali ini.

Saya akan memberi ulasan kepada komen-komen tersebut sekarang dalam topik kedua saya iaitu Sistem Perwakilan *The Nature Of Representation, Political Representation.....*(dengan izin). Perubahan politik selepas Pilihanraya Mac 1008 bukan sahaja menukar kerajaan tetapi telah mengubah corak dan organisasi politik di lima buah negeri.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Laluan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

YB. Tuan Speaker, yang mana satu Ketua Menteri yang inikah yang itu. Cakap pasal sepatutnya tunggu pada portfolio Yang Berhormat. Cerita itu saya sudah tahu dah. Kalau hendak pindah bolehlah.

**YB. Tuan Speaker:**

Mungkin mukadimah.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya rayu kita tidak perlu sentuh perkara umumlah yang berkaitan. Bukan kita mahu tukar tempat.

Sejak 50 tahun yang lalu, organisasi politik Kerajaan Barisan Nasional di negeri-negeri tersebut adalah berdasarkan kepada politik etnik kaum memandangkan Barisan Nasional merupakan gabungan politik yang mengandungi beberapa parti politik berasaskan kaum. Manakala Kerajaan Pakatan Rakyat yang merupakan gabungan parti DAP, PKR dan PAS adalah berasaskan kepada konsep kepelbagaian. Akan tetapi konsep kepelbagaian ini adalah tidak begitu lengkap ataupun *perfect* ....(dengan izin), Kerajaan Pakatan Rakyat perlu sensitif kepada kumpulan-kumpulan etnik terutamanya kepada mereka yang kurang bernasib baik dan kepada mereka yang telah dipinggirkan melalui dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional sejak 50 tahun yang lalu. Dasar-dasar yang sama yang telah menyebabkan kebangkitan pergerakan Hindraf.

Kita perlu sedar bahawa konsep atau fahaman multiracial tidak boleh diwujudkan serta-merta. Bagi mencapai konsep tersebut, kita memerlukan masa untuk membentuk dasar-dasar yang adil dan saksama. Saya berpendapat perbandingan dengan kerajaan Barisan Nasional, kerajaan Pakatan Rakyat mempunyai potensi yang cemerlang untuk memberi satu penyelesaian kepada masalah etnik dan polarisasi etnik dan polarisasi agama negara ini.

Di antara populisme atau simbolisme, seterusnya saya beralih ke topik keempat saya iaitu populisme ataupun simbolisme. YB. Penaga selaku Ketua Pembangkang telah berhujah bahawa kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang telah melancarkan suatu kempen populisme. YB. Penaga juga telah menyatakan program pemberian beras percuma, pembatalan saman penjaja dan kenderaan, pemberian cermin mata kepada murid-murid Sekolah Tamil baru-baru ini adalah contoh jelas populisme.

Saya ingin menjelaskan bahawa pemberian-pemberian tersebut adalah bukan suatu jalan untuk menawan hati rakyat melalui jalan *shortcut*. Di sini kita tidak dapat menafikan bahawa pemberian cermin mata percuma merupakan satu usaha yang telah bermula semasa kerajaan lama Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengambil keputusan untuk meneruskan program pemberian cermin mata kerana kita dengan ikhlasnya berasa bahawa pemberian ini memanfaatkan pelajar-pelajar miskin.

Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mengamalkan ideologi politik peronisme ataupun ideologi populisme. Pemberian-pemberian tersebut bukanlah contoh populisme tetapi boleh diklasifikasikan sebagai usaha-usaha simbolisme. Walaupun pemberian-pemberian ini tidak akan mengatasi kesusahan rakyat miskin dengan serta-merta tetapi usaha-usaha ini menunjukkan antara lain bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat adalah berjiwa rakyat, jujur dan ikhlas.

Saya juga yakin bahawa pada masa akan datang, kerajaan Pakatan Rakyat akan melaksanakan lebih banyak lagi program untuk membantu rakyat miskin di Pulau Pinang dan saya berharap pihak pembangkang akan menyokong usaha-usaha ini memandangkan rakyat jelata merupakan satu-satunya pihak yang akan bermanfaat melaluinya.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Nampaknya YB. Perai cuba memberikan satu perbandingan dan menunjukkan satu kelebihan kepada pihak Pakatan Rakyat bahawa Pakatan Rakyat adalah lebih adil, lebih membantu kepada semua kaum dan sebagainya.

Apakah YB. Perai menafikan bahawa Barisan Nasional sebelum ini yang juga adalah merupakan parti pemerintah pada masa itu yang juga sebenarnya telah memberikan segala bentuk bantuan yang adil kepada semua kaum. Perkara ini kita boleh lihat melalui fakta-fakta daripada jabatan-jabatan yang terlibat. Soalan saya atau penjelasan yang saya inginkan, adakah YB. Perai tidak bersetuju atau menafikan bahawa kerajaan Barisan Nasional juga adalah merupakan sebuah parti yang memberikan penumpuan secara sama rata untuk memberikan keadilan kepada rakyat.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Permatang Berangan, saya tidak menafikan bahawa Barisan Nasional ini selama 50 tahun ini tidak buat apa-apa. Apa yang saya ingin jelaskan di sini ialah perbandingan secara relatif, jika dibandingkan, kita pun berada di ofis di sini iaitu baru 4 bulan lebih, tetapi soal ini bukan soal individu. Saya rasa ada banyak Ahli-ahli Barisan Nasional ini jujur, saya tidak nafikan, apa yang ingin saya jelaskan di sini ialah gabungan parti politik Barisan Nasional ini terperangkap dalam kaum. Ini saya rasa ianya bukan sahaja berlaku di Malaysia sahaja, tetapi di mana-mana juga. Dalam tempoh 50 tahun ianya bukan soal individu tidak jujur, bukan soal malas atau pemimpin tidak baik tetapi struktur politiknya yang sebenarnya tidak membenarkan parti Barisan Nasional untuk berkembang. Maka, saya tidak nafikan, memang ada, tetapi secara relatif, secara sejarah dan secara progresifnya, penyusunan dan organisasi politik serta fahaman politik, saya rasa Pakatan Rakyat memang mempunyai kelebihan daripada Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan sedikit lagi. Saya rasa secara relatifnya juga jika kita bandingkan antara 4 bulan dengan 600 bulan usaha yang dilakukan, saya rasa perbandingan yang dibuat oleh YB. Perai adalah satu perbandingan yang tidak wajar atau tidak munasabah. Pakatan Rakyat baru jadi pemerintah 4 bulan dan belum dapat membuktikan lagi apa-apa yang dilaksanakan untuk masyarakat melainkan yang kita dengar sejak beberapa hari persidangan Dewan kita, kebanyakan adalah program-program yang diteruskan

daripada apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Jadi selama 600 bulan, 600 bulan *is equivalent to*, ....(dengan izin), 50 tahun. Jadi sepanjang 50 tahun kita membawa negara kita dengan kemajuan yang sebegini rupa dengan usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan sebagainya, pada hari ini YB. Kawasan Perai mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak berkesan. Jadi adakah Kerajaan Pakatan Rakyat yang baru 4 bulan sudah menunjukkan keberkesanan, the effectiveness dalam pemerintahan mereka. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Belum lagi. Saya ingin menjawab YB. Permatang Berangan dahulu, satu persatu ya. Soalan yang baik. Di sini bukan berapa lama parti itu wujud, soalan pokok adalah kualiti dan cara perwakilan. Ini saya sudah bentangkan di beberapa seminar, sistem perwakilan yang telah ada dalam Barisan Nasional dan sistem perwakilan yang ada dalam Pakatan Rakyat. Memang kita baru 4 bulan, tidak dinafikan, mungkin dalam 4 tahun lagi rakyat akan beri kita satu ujian yang besar, mungkin kita akan kalah atau menang, mungkin kita akan memerintah 50 tahun, siapa tahu? Apa yang ingin saya sampaikan di sini ialah kualiti perwakilan ini sangat berbeza dan permintaan rakyat di zaman sekarang adalah secocok dengan idealisma, falsafah gabungan Parti Pakatan Rakyat. Silakan YB. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih. Rekod Barisan Nasional sudah 50 tahun sejak merdeka hingga sekarang, tahun ini 2008 sudah 51 tahun. Rekod ada, we have stood the time, ....(dengan izin). Barisan Pakatan ini baru 4 bulan, sudah bergaduh. YB. Permatang Pasir bersetujukah dengan perkara ini.



**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd Hamdan bin Abd Rahman):**

Saya bersetuju dengan ucapan yang dibuat oleh YB. Perai. Ianya dalam bentuk universal, jangan kita berfikir dalam bentuk kepompong yang kecil, kita sebagai ahli-ahli politik dan wakil-wakil rakyat yang bijak-bijak belaka, jangan masuk ke dalam lubang yang kecil.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Penjelasan, ....(dengan izin), YB. Tuan Speaker. Kenapakah kita sebagai rakyat Malaysia yang telah pun merdeka hampir 50 tahun terpaksa dibelenggu dengan sistem pemerintah British yang *divide and rule* sehingga tsunami politik berlaku. Jadi ini adalah pemilihan rakyat, untuk rakyat, demi rakyat bagi membela nasib semua bangsa dan agama di Malaysia.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta penjelasan, sedikit sahaja. Saya tengok di sini kata bahawa kita ikut pemerintahan British, habis sekarang ini kerajaan Pakatan Rakyat bukan ambilan daripada British juga. Saya rasa sama juga, prosedur Dewan Undangan Negeri semua sama. Saya rasa isu British atau tidak, tidak timbul. Kita telah mengacuankan perjalanan pentadbiran kita sendiri dan demokrasi berparlimen cara kita sendiri, sebab itu Pakatan Rakyat boleh menang. Jadi saya *rasa it is not related* ....(dengan izin), dengan apa yang dimaksudkan sebagai British atau tidak British.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Penjelasan, ....(dengan izin), *it is very related* sebab apa yang kita terbawa-bawa itu kita tidak mahu mengakui hakikat tersebut. Barisan Nasional telah mengamalkan cara pemerintahan British iaitu *divide and rule*, memisahkan golongan India, Melayu dan Cina dan tidak membawa kita sekelompok, sebagai satu insaniah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Penjelasan, YB. Perai, sedikit sahaja. Saya rasa YB. Batu Uban mungkin tidak baca sejarah dan situasi politik di Malaysia. Kita ada Barisan Nasional, di dalamnya ada parti-parti komponen yang mewakili lebih kurang 14 etnik yang ada di Malaysia. Kita kumpulkan masing-masing etnik di bawah masing-masing parti tetapi semuanya bersatu hati di bawah Barisan Nasional. Barisan Nasional mendengar semua masalah yang berlaku bagi setiap etnik yang ada dalam Negara Malaysia, hatta orang Iban, Kadazan. Ianya bukan sahaja etnik yang besar-besar, yang kecil-kecil di Sarawak, asal ada parti atau wakil yang duduk dalam komponen, kita mengendalikan kesemua keperluan rakyat tersebut. Jadi saya rasa tidak ada isu yang mengatakan bahawa kita *divide and rule*, malah kita telah mencantumkan kesemua etnik ini dan telah memberi satu *treatment*, ....(dengan izin), secara sama rata. Terima kasih.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya faham dan bersimpati. Ahli-ahli ini mesti setia dengan Barisan Nasional, itu tidak menghairankan saya. *You* mesti setia, kalau tidak *you* mesti duduk di sini. Itu saya faham, tidak perlu minta maaf. Kita mahu berfikir bahawa ini bukan hal individu dan bukan hal peribadi. Boleh kita fikir parti perwakilan Barisan Nasional ini berasaskan kaum ini relevan untuk Malaysia sahaja. Memang saya katakan di Dewan ini tetapi hujah ini mungkin muncul dari kalangan UMNO sendiri, dari kalangan MIC, MCA atau Gerakan sendiri.

Ini bukan permusuhan individu, tidak. Ini adalah struktur politik, kita bayangkan, misalnya, Parti Kongres India yang membawa kemerdekaan kepada India memang sudah lemah, bayangkan di Indonesia dan Taiwan, parti pemerintah yang membawa kemerdekaan sudah hancur semata-mata pemerintahannya lebih kurang 50 tahun juga di mana parti yang memerintah dan parti yang membawa kemerdekaan memang menghadapi unsur-unsur cabaran. Saya ingat begitu juga di Malaysia, setelah 50 tahun muncul parti lain, parti alternatif dan pemikiran lain yang akan menguasai politik. Walaupun saya dalam parti Pakatan Rakyat, ini adalah suatu yang perlu kita hadapi.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan Tuan Speaker, terima kasih. Saya ikut perkembangan hujah-hujah Yang Berhormat daripada Perai tadi. Saya terfikir ini kuliah politik, bercakap pasal Indonesia, sana, sini. Saya menghormati Yang Berhormat daripada Perai mempunyai latarbelakang akademik. Seolah-olah ini Dewan Undangan Negeri bukan dewan ataupun dewan kuliah ataupun *lecturer theatre* .... (dengan izin), Jadi yang kita nak dengar di sini, sekarang kerajaan dah bagi mandat kepada Parti Rakyat, buat kerja untuk rakyat. Kita bukan nak dengar teori itu, teori ini, apa *you* nak buat, dan buat, kemudian esok ni pilihan raya jadi rakyat akan menilai kembali, itu yang penting. Toksah dok cerita 50 tahunlah, itulah, inilah. Kita dah tak larat dengar dah pasal kuliah politik ni. Waktu sekarang ialah kerja, dan tak payahlah kita akan buat itu, kita akan buat ini. Balik buat kerja, kemudian setahun lagi kita bahas pulak apa yang di buat itu berhasil atau tidak. Lepas empat tahun, mungkin, lima tahun kita hadapi pilihan raya sekali lagi, biar rakyat tentukan. Kalau Yang Berhormat kata Yang Berhormat betul, kami kata, kami betul, biar rakyat jadi hakim lima tahun lagi. Balik buat kerjalah, teori-teori ni simpanlah (gangguan).

**Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/ Palanisamy):**

Ahli Yang Berhormat lupa soalan. Ini bukanlah kuliah universiti. Kalau itulah yang disampaikan mengandungi dalam penyampaian saya. Itu bukan tujuan. Tujuan ini menjelaskan soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat dari parti pembangkang. Saya sebenarnya tunggu untuk bincang isu-isu yang lebih konkrit. Bukan saya datang sini bagi kuliah tahun pertama, tidak. Tapi, kadang-kadang kuliah penting juga supaya untuk menjelaskan beberapa perkara. Ya, Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya minta laluan. Saya nak tanya Penagalah, adakah Yang Berhormat Penaga mencadangkan pada Perai supaya balik ke universiti.

**YB. Tuan Speaker:**

Biar saya komen, biar saya komen. Ahli Yang Berhormat. Biar saya komen. Yang Berhormat Perai, sila duduk. Dua-dua sama. Kalau di sebelah sini kita ada Yang Berhormat Permatang Berangan, hebat, terlatih, yang special, boleh bercakap 8 jam bolehlah. Sebelah sini kita ada profesor kadang-kadang terbawa-bawa macam kuliah politik. Jadi, sama-sama, seorang sebelah sini baling sebelah sini, seorang lagi baling sebelah sini. Jadi, tak habis kita teruskan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Yang di-Pertua Speaker. Kita akan beralih kepada isu gaji minimum. Pada masa kegawatan ekonomi dan akibat kenaikan harga petrol dan makanan, isu gaji minimum adalah hangat dipertikaikan ataupun diperdebatkan. Isu ini mendapat perhatian Yang Berhormat Bagan Dalam. Negara kita telah mengamalkan satu polisi gaji minimum, tidak mengamalkan disebabkan beberapa faktor. Salah satu faktor tersebut ialah polisi tersebut bertentangan dengan usaha kerajaan untuk menarik pelabur asing. Dalam hubungan dan bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, penempatan gaji minimum adalah bidang kerja Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri cuma memberi nasihat dan panduan tetapi kuasa penuh terletak pada tangan Kerajaan Persekutuan. Debat mengenai gaji minimum ini sudah berlarutan 30 tahun, 40 tahun. Tapi, tidak ada dasar gaji minimum di negara ini. Itu memang satu yang diketahui oleh umum. Persoalan dan perbahasan tentang gaji minimum, yang mandatori, telah lama bermula sejak tahun-tahun 60-an hingga ke masa kini. Walaupun, undang-undang tentang gaji minimum tidak diwujudkan, perkara ini tidak melarang, para pekerja melalui Kesatuan Pekerja untuk menetapkan gaji yang memuaskan melalui persetujuan *collective agreement* ....(dengan izin), (gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya rasa Yang Berhormat Perai ni dah *confused* tau. Ini *state assembly*, bercakap pasal dasar faderal, saya ingat Yang Berhormat Faderal juga seorang Ahli Parlimen boleh bentang itu dalam Parlimen. Buat apa

nak cakap di sini, kami bukan boleh jawab. Di Parlimen, benda itu ...(gangguan) bagi saya cakap dulu. Duduklah. Jadi, kalau Yang Berhormat boleh bentangkan ini di Parlimen saya rasa boleh dapat respond yang memuaskan. Itu saja. Jadi, janganlah benda bukan yang ada kaitan yang tidak boleh diputuskan di sini kita nak cakap. Terima kasih.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Itu bukan tujuan ini. Walau bagaimanapun, you tidak boleh melupakan hubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Isu ini ditimbulkan masa perbahasan. Isu gaji minimum. Mungkin, mereka faham isu ini boleh digubal di sini ataupun tidak. Oleh kerana itu, saya terpaksa menyentuh Kerajaan Persekutuan, bukan saya suka menyentuh Kerajaan Persekutuan dalam hal ini. Ini akan dibawa sana atau tak bawa ke sana, itu perkara yang akan ditimbang nanti. Tapi, untuk jawab pada YB. Penaga, isu itu adalah berkaitan sebab itu bangkit di sini. Bukan saya tak suka, saya suka, itu perkara lain. Ini ditimbulkan masa perbahasan, YB. Fahamkan, itu sahaja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tuan Speaker, entah petang ini saya pun nak bercakap juga, tadi diam. Soalnya kalau bercakap pun keputusan tak boleh dibuat di sini itu saja yang saya katakan kerana Yang Berhormat mempunyai keistimewaan sebagai seorang Ahli Parlimen boleh dibahaskan di situ. Kalau bercakap 10 jam pun di sini, kita tak mempunyai kuasa yang boleh menggubal, mempengaruhi itu. Pendek, ringkas dan boleh selesai.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya dapat mesej daripada YB. Penaga. Ini *in the passing* lah ....(dengan izin), sentuh perkara Kerajaan Persekutuan dan bukan tujuan kita ini buat keputusan di sini, tidak. Cuma merujuk kepada satu perkara mungkin bukan kawalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya teruskan, pekerja melalui Kesatuan Sekerja untuk menetapkan gaji yang memuaskan melalui persetujuan *collective agreement* ....(dengan izin), dengan pihak majikan seperti gaji minimum di sektor perladangan. Memandangkan lebih kurang 10% pekerja melibatkan diri dalam Kesatuan Sekerja.

Persetujuan bersama atau *collective agreement* ....(dengan izin), bukanlah merupakan penyelesaian kepada masalah gaji di kalangan pekerja. Golongan pekerja di negara ini memang memerlukan skim gaji minimum, yang akan mencerminkan produktivi dan usaha mereka dan saya tidak faham mengapa Kerajaan Persekutuan enggan memperkenalkan gaji minimum. Pekerja tanpa izin terlebih dahulu, ini bukan saya bincang ini sebab untuk kita buat keputusan. Jikalau isu gaji minimum merupakan satu masalah kepada golongan pekerja, isu pekerja tanpa izin yang dapat diberikan di dalam perbahasan di dalam dewan ini, pulak menjadi isu menekankan lagi kesusahan golongan pekerja terutama golongan berpendapatan rendah. Tuan Speaker, kalau saya tak silap, peratusan pekerja asing adalah sehingga 20 hingga ke 25% dari jumlah golongan pekerja di Malaysia. Dan kebanyakan mereka adalah pekerja tanpa izin atau *undocumented worker* ....(dengan izin). Seperti isu gaji minimum, isu pekerja tanpa izin juga berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan secara khususnya di bawah bidang kuasa agensi-agensinya kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, Jabatan Polis dan Kementerian Sumber Manusia.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri hanya boleh memberi nasihat dan panduan supaya meningkatkan ataupun mengurangkan jumlah pekerja asing. Perkara yang lebih rumit di sini adalah merupakan pekerja tanpa izin yang datang beramai-ramai ke Malaysia untuk mencari rezeki di sektor pembuatan, sektor perkhidmatan dan lain-lain lagi. Walaupun Malaysia mempunyai undang-undang yang begitu ketat sekali, untuk mengawal pekerja tanpa izin tetapi permintaan untuk buruh yang murah meningkatkan kedatangan pekerja tanpa izin. Di sini timbul persoalan keberkesanan pelaksanaan undang-undang, untuk mengawal pekerja tanpa izin ini. Sekiranya pelaksanaan ini kurang memuaskan usaha harus dipertingkatkan lagi. Kawalan yang ketat terhadap kemasukan pekerja tanpa izin bukan saja dapat dilaksanakan dari segi undang-undang, tetapi dengan cara pertumbuhan ekonomi di negara Malaysia dan Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan. Pertumbuhan ekonomi yang dirancang berasaskan kemahiran, pengetahuan serta penggunaan ICT mempunyai potensi untuk mengurangkan pekerja-pekerja yang kurang mahir terutama pekerja asing.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, minta laluan. Mengenai pekerja tanpa izin hari tu ada saya bangkitkan di sini. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Perai bersetuju atau tidak. Saya sedar bahawa ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Federal yang saya sebut hari itu, pekerja-pekerja tanpa izin yang banyak yang ada di Negeri Pulau Pinang ini agar pihak Imigresen yang berada di sini, membuat *spot check* di premis-premis, kilang-kilang yang tak berdaftar dan sebagainya supaya mengambil tindakan. Apakah pandangan Yang Berhormat, adakah bersetuju, pihak Imigresen di Pulau Pinang ini membuat *spot check* ke merata-rata tempat terutama mereka yang datang tanpa izin.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Penaga. Saya setuju tapi saya akan tambah. Bukan saja Jabatan Imigresen, Jabatan Sumber Manusia, jabatan-jabatan lain perlulah ambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan pekerja tanpa izin. Jadi, badan-badan inilah badan-badan Kerajaan Persekutuan, mungkin kita boleh berunding dengan badan-badan ini, bermesyuarat dengan mereka untuk menyampaikan betapa seriusnya masalah. Terima kasih.

Saya akan sentuh tentang pekerja Nikko. Satu lagi isu melibatkan golongan pekerja yang paling dibimbangi oleh semua pihak pada masa kini ialah masalah pemberhentian kerja beramai-ramai dan penutupan kilang atau premis perniagaan.

YB. Tuan Speaker, pada 3 Jun 2008 lebih kurang 1,000 pekerja kilang elektronik Nikko di kawasan Perindustrian Perai telah diberhentikan kerja serta merta tanpa sebarang notis awal. Semenjak itu kilang tersebut tidak lagi beroperasi. Saya difahamkan syarikat tersebut tidak melaksanakan prosedur-prosedur yang patut dijalankan sebelum pemberhentian pekerja boleh berlaku. Satu lagi pekerja yang menyedihkan hati ialah pekerja tersebut belum lagi dibayar gaji untuk beberapa bulan yang lepas. Kebanyakan pekerja yang diberhentikan tersebut adalah merupakan pekerja *operator* kilang tersebut dan mereka terdiri daripada 400 orang pekerja dari kawasan Parit Buntar, 300 orang dari Kulim, Kedah dan 300 orang dari sekitar Pulau Pinang.

Sehingga kini lebih kurang 125 pekerja telah berjaya untuk mendapat kerja baru di kilang-kilang lain. Jabatan Sumber Manusia telah memfailkan kes pembuangan pekerja di Mahkamah di Pulau Pinang bagi mendapatkan pampasan berjumlah RM7 juta untuk 800 pekerja kilang tersebut. Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada MTUC bahagian Pulau Pinang kerana membantu 825 orang pekerja tersebut untuk memfailkan kes di bawah Seksyen 69 Akta Pekerja 1955 menuntut pampasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. YB. Tuan Speaker, setujukah kawasan Perai menunjukkan keikhlasan, sikap penyayang yang ada pada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberikan wang ihsan kepada mereka sebanyak RM200.00 selama enam bulan setiap bulan sementara mereka dapat menyelesaikan masalah mereka di Nikko.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Perkara bagaimana kita kena buat itu untuk pekerja kilang elektronik Nikko dan mungkin pekerja-pekerja lain ataupun segmen syarikat lain ini masih ditimbang oleh Kerajaan Negeri bukan kita melupakan kepada masalah yang dialami oleh segmen masyarakat yang saya rasa yang terpinggir dalam negara kita. Ini bukan satu yang kita tidak fikirkan, kita masih memikirkan maka apa tindakan yang kita ambil belum dipastikan lagi. Terima kasih.

Saya sambung. Di dalam satu sidang akhbar Menteri Sumber Manusia telah menyatakan bahawa pekerja-pekerja yang telah diberhentikan boleh mendapatkan ganti rugi daripada Syarikat Nikko dalam masa dua bulan. Akan tetapi maklumat terperinci mengenai kedudukan kewangan kilang Nikko menunjukkan bahawa syarikat tempatan ini mempunyai hutang sebanyak RM36 juta.



Dengan keadaan sedemikian, tidaklah jelas bahawa bagaimanakah Syarikat Nikko mampu membayar pampasan sebanyak RM7juta kepada pekerja-pekerjanya. Ketua pembangkang YB. ADUN Penaga membangkitkan isu Nikko seolah-olah Kerajaan Negeri tidak mengambil berat kes pembuangan, boleh betulkan kemudian kalau *you* tidak setuju. Kes pembuangan pekerja-pekerja Syarikat Nikko ini.

YB. Tuan Speaker, saya ingin mengimbas kembali sedikit sejarah Negeri Pulau Pinang dari aspek pemberhentian pekerja. Pada tahun 2000, Applied Magnetics Sdn. Bhd. Di Bayan Lepas telah memberhentikan sekitar 1,000 orang pekerja. Pada tahun 2005 pula, pasaraya Super KOMTAR telah memberhentikan beberapa ratus pekerja. Ini diikuti oleh pemberhentian lebih 1,000 orang pekerja oleh kilang Tongkah Electronics di Bukit Mertajam. Pada tahun 2006 pula, *Delphi Manufacturing Solutions* telah memberhentikan 200 hingga 300 orang pekerja. Dan setahu saya, Kerajaan Barisan Nasional di Pulau Pinang pada masa-masa tersebut gagal untuk mendapatkan faedah ataupun pampasan untuk pekerja-pekerja yang diberhentikan tersebut yang kebanyakannya adalah daripada golongan berpendapatan rendah.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan YB. Tuan Speaker. Yang saya sebutkan itu ialah masa pekerja-pekerja Nikko, masa pekerja-pekerja kilang Nikko itu dibuang Yang Berhormat tidak ada di sini. Yang Berhormat katanya dalam temuramah TV, Yang Berhormat ada di London. Yang saya persoalkan itu, adakah pergi dengan wang sendiri, wang parti atau wang kerajaan. Pergi dengan siapa, buat apa kalau kiranya pergi itu wang sendiri tidak perlu jawab. Itu yang saya tekankan. Sekarang sila jawab.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Seperti yang sedia kita maklum, bidang kuasa untuk menyelesaikan masalah-masalah pekerja berada dibawah Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi persekutuan yang berkaitan. Di sini, Kerajaan Negeri boleh membantu dari segi penyebaran maklumat, memohon bantuan daripada agensi-agensi yang berkaitan berusaha untuk memujuk kilang-kilang dan industri lain untuk menawarkan pekerjaan alternatif dan lain-lain lagi.

Lawatan saya ke United Kingdom masa pemberhentian ini berlaku. YB. Penaga semasa insiden pemberhentian pekerja-pekerja Nikko, saya berada di London untuk menghadiri satu seminar yang dianjurkan oleh *Club de Madrid* mulai 30 Jun 2008 hingga 1 Julai 2008. Kelab ini yang dianggotai oleh bekas pemimpin-pemimpin dunia telah mengundang saya selaku salah seorang pemimpin Negeri Pulau Pinang untuk membentangkan satu kertas kerja mengenai...(dengan izin), *Checking the Policy and Practices Portfolio against Political Reality*. Bersama dengan saya dalam panel seminar ini ialah Timbalan Mayor Bandar Rootterdam, Menteri *Integrasi Sosial Negara Latvia* dan *Mayor Bandar Derry, Northan Ireland*.

Memandangkan perbincangan saya akan menyentuh isu-isu *Social Cohesion* dan persoalan Integrasi Nasional di Malaysia dan Pulau Pinang maka saya telah memohon kepada EXCO MMK supaya meluluskan penyertaan saya di seminar ini dan juga memohon Kerajaan Negeri membayar kos penerbangan saya di kelas ekonomi. Kedua-dua permohonan saya tersebut telah diluluskan oleh EXCO Negeri Pulau Pinang dan *Local Hospitality* di London telah ditangguhkan oleh pihak penganjur. Kalau Yang Berhormat perlu maklumat lanjut saya rela sampaikan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kalau itu pergi atas urusan Kerajaan Negeri *no problem*. Dah EXCO sudah lulus. Kalau pergi dengan wang kerajaan kenapa. Ini sudah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bersebab tidak ada masalah. Terima kasih. Cuma pergi dengan siapa. YB. Perai boleh bawa isteri bersama. Kalau pergi dengan *girlfriend* saya tidak tahulah.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Kita dari perspektif CAT, telus. Saya diikuti oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I, YB. Tuan Mohammad Fairus atas perbelanjaan dia sendiri. Itu menjawab persoalan dari YB. Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Jawapan memuaskan. Terima kasih.

## **YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya teruskan. Di sini terdapat satu perkara penting yang patut saya nyatakan. Perkara tersebut adalah saya sudah pun berlepas ke United Kingdom sebelum insiden pemberhentian kerja kilang Nikko berlaku. Walaupun begitu, saya sentiasa mendapatkan maklumat terkini berhubung perkembangan kes kilang Nikko melalui e-mail daripada Setiausaha Sulit dan Pembantu Khas saya sepanjang penginapan saya di London dari 30 Jun hingga 2 Julai 2008. Saya telah mengarahkan tiga orang Pembantu Khas saya supaya melawat dan membantu pekerja-pekerja kilang Nikko. Sebaik sahaja saya kembali ke Negeri Pulau Pinang, saya telah mengadakan satu sidang akhbar berhubung kes kilang Nikko.

Baru-baru ini beberapa Ahli Parlimen Pakatan Rakyat telah memutuskan untuk membentuk satu jawatankuasa bagi meneliti dan memantau situasi pekerja di Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Kami juga telah memutuskan bahawa jawatankuasa ini akan mengadakan rundingan dengan Menteri Sumber manusia tentang bagaimanakah menghadapi krisis di kalangan pekerja-pekerja akibat penutupan kilang dan pemberhentian pekerja beramai-ramai.

YB. Tuan Speaker, isu pendidikan termasuk isu pemberian cermin mata telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Perkara yang menjadi persoalan penting di sini ialah apakah status hubungan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam aspek pendidikan. Walaupun bidang pendidikan berada di bawah kuasa Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri memang mempunyai tanggungjawabnya tersendiri dalam bidang pendidikan negeri seperti dari segi pemberimilikan tanah kepada sekolah-sekolah khususnya sekolah .....(*gangguan*) bantuan modal, pemberian biasiswa dan pinjaman, menyediakan suatu suasana yang baik untuk pembangunan sekolah-sekolah dan menggalakkan apa yang dikenali sebagai *educational tourism*.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

YB. Tuan Speaker berkenaan dengan isu membantu sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah bantuan modal. Ada saya kemukakan baru ini berkenaan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Aizad iaitu sekeping tanah di atas tanah Lot 1877 Seksyen 2 Timur Laut, Jalan Air Terjun Pulau Pinang setakat manakah Ahli Kawasan Perai membantu supaya kelulusan yang telah diberi pada dasarnya oleh EXCO kemudian ada sedikit penolakan dari Kerajaan Tempatan MPPP maka setakat manakah yang telah dapat dibantu. Sekolah ini yang telah berumur 60 tahun pun, Sekolah Tamil ini dapat mereka beroperasi di tempat yang lebih selesa. Terima kasih.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Seberang Jaya. *Front page* dalam akhbar Tamil pada hari ini. *Handsome* juga. Sekolah Tamil Aizad ini memang saya telah ditemuduga tadi, kita belum pasti sama ada kerajaan yang lama telah memberi tanah kepada sekolah Aizad dan kemudian apakah status tanah sekarang. Baru-baru ini saya telah ada perbincangan dengan PIBG memang dia *building committee* dengan beberapa orang yang berkaitan dengan Sekolah Aizad.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pohon penjelasan. Setahu saya pihak EXCO Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah tersebut pada 13 Februari 2005. Terima kasih.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Bukankah ini satu keputusan EXCO.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Keputusan EXCO.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Baru-baru ini, ini satu yang perlu dijawab oleh YAB. Ketua Menteri bukan saya. Kerajaan Negeri bersedia memberi atau menyediakan tanah. Kalau ini telah diputuskan, maka kita bersedia cuma apa yang kita nanti-nantikan ialah adakah sekolah itu ada tabung atau wang untuk membina bangunan sekolah seperti yang telah disampaikan oleh Presiden M.I.C. Samy Vellu. Tetapi apa yang kita tunggu ialah surat daripada Kementerian Pelajaran. Kalau Kementerian Pelajaran berhasrat untuk menubuhkan satu sekolah bangunan sekolah kita bersedia untuk menimbangkan permohonan tanah, asalkan tanah itu telah diberikan kepada sekolah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Mengikut penjelasan yang diberikan pada saya, iaitu president MIC Dato' Seri Samy Vellu, telah pun pada dasarnya bersetuju untuk meluluskan geran sebanyak RM750,000.00 pada masa dan ketika itu. Jadi kalau kedudukan tanah dapat diperjelaskan maka saya percaya bekas YB. P. K. Suppiya, akan menyusuli untuk mendapatkan bantuan-bantuan daripada Kerajaan Persekutuan, sementara YB. Ahli Kawasan Perai membantu menyelesaikan masalah-masalah berkenaan dengan hal tanah di dalam negeri ini.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Seberang Jaya, ini ada sedikit kaburan, maklumat ini datang dari mana, Samy Vellu ke? atau di Kementerian Pelajaran?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ini adalah maklumat yang diberikan pada masa dan ketika beliau menjadi menteri lagi, tetapi sekiranya hendak mengguna pakai semula, maknanya selepas isu tanah selesai, berkemungkinan bekas YB. P.K. Suppiya, boleh terus menyambung untuk mendapatkan bantuan-bantuan termasuklah, mungkin daripada Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pendidikan dan saluran tertentu.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Itu ke yang perlu jawab.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebabnya saluran-saluran yang sah, bukanlah tabung parti dan sebagainya bukan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Kita perlu dapat satu saluran rasmi daripada Kementerian Pelajaran, bukan....(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

YB. Perai, sila gunakan mic.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Presiden MIC atau mana-mana pihak secara rasmi, Ok, terima kasih. Kita teruskan, selepas Pilihan Raya Mac, 2008 hubungan dengan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tidak boleh dikatakan sebagai satu hubungan yang baik khususnya dalam bidang pendidikan.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Pusat, melalui Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang menggalakkan lawatan Ahli-ahli EXCO ke sekolah-sekolah khususnya sekolah-sekolah bantuan modal. Hal ini mungkin disebabkan wujud kekuatiran bahawa sekiranya bahawa Ahli-ahli EXCO sering melawat ke sekolah-sekolah tersebut pengaruh Ahli-ahli EXCO akan bertambah lagi. Tidak lama dahulu program pemberian cermin mata kepada pelajar-pelajar sekolah Tamil telah dihentikan oleh Kementerian Pendidikan khususnya, Timbalan Menteri Pendidikan dengan alasan program tersebut tidak boleh diadakan pada waktu sekolah.

Saya memang hairan dan kecewa dengan tindakan tersebut kerana pada tahun-tahun yang lepas program ini memang dijalankan pada waktu sekolah. Akhir sekali Kerajaan Negeri terpaksa menyalurkan pemberian cermin mata tersebut pada hari Sabtu di sekolah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Batu Kawan. Silakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

YB. daripada Perai, saya juga ingin turut membantu di sini dengan mengatakan bahawa, bukan sahaja sekadar itu, tetapi saya juga memerhatikan bahawa di tempat-tempat di mana terdapatnya gambar Ketua Menteri kita yang lalu Tan Sri Khoo Khu Koon, tempat itu memang lapang sekarang dan saya tidak tahu mengapa sekolah-sekolah berkenaan tidak mahu ingin menunjukkan atau menggantungkan gambar Ketua Menteri kita, bukan sahaja itu, baru-baru ini saya telah pergi ke Hospital Pulau Pinang dan juga Klinik rawatan gigi dan saya juga amat terperanjat dengan karenah mereka yang tidak mahu menggantungkan gambar Ketua Menteri kita. Jadi mungkin saya boleh sarankan di sini supaya tindakan diambil terhadap Ketua-ketua Jabatan tersebut, ataupun meminta mereka, mempelawa mereka supaya menunjukkan taat setia mereka kepada Ketua Menteri kita dengan sekurang-kurangnya menggantungkan gambar Ketua Menteri kita di jabatan-jabatan berkenaan. Sekian, terima kasih.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Selain itu isu pemilikan tanah untuk sekolah juga di politikkan juga oleh Kerajaan Pusat di mana Kerajaan Negeri bersedia menimbang pemberian milik tanah kepada sekolah-sekolah bantuan modal termasuk sekolah-sekolah Tamil dan lain-lain lagi. Akan tetapi tanpa kerjasama Kerajaan Persekutuan dalam bidang pendidikan, amatlah sukar bagi Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah-masalah pokok yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang terutamanya mengenai isu-isu tanah.

Sebagai contoh, apabila berlakunya kes keruntuhan bumbung di Sekolah Rendah Methodist, Nibong Tebal, pejabat saya telah menghubungi pihak sekolah, khususnya Guru Besar untuk menyalurkan bantuan tetapi Guru Besar sekolah tersebut enggan memberi laluan kepada Kerajaan Negeri untuk menyalurkan bantuan. Saya tidak pasti bahawa sama ada Jabatan Pendidikan Negeri menyedari hal ini atau tidak.

Pendidikan, *educational hub* ...(dengan izin), dalam keadaan kesangsian, Kerajaan Negeri tidak mahu terperangkap di dalam perdebatan dengan Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri perlu mengambil beberapa langkah positif untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai *educational hub*, ...(dengan izin), di rantau ini. Bagi mencapai hasrat ini Kerajaan Negeri akan sentiasa menggalakkan pelaburan asing mahupun tempatan dalam sektor pendidikan. Kebelakangan ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa rundingan dengan pihak pelabur dalam dan luar negeri untuk membangunkan dan mengembangkan sektor pendidikan. Secara khususnya, Kerajaan Negeri akan sentiasa menggalakkan penubuhan universiti-universiti, kolej-kolej dan sekolah-sekolah antarabangsa baru.

Isu lawatan ke Pulau Gedung, YB. Tuan Speaker, YB. Sungai Acheh telah membangkitkan isu pembinaan hotel atau *chalet* di Pulau Aman ataupun Pulau Gedung. Perkara ini telah berbangkit kerana lawatan rasmi yang telah saya adakan ke Pulau Gedung bersama pegawai-pegawai dari Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan untuk melakukan *ground work* ....(dengan izin), tentang permohonan seorang pemegang tanah yang telah memohon untuk menukar syarat tanah dari syarat pertanian ke syarat industri.

Dengan lawatan ini, saya telah melakukan penyiasatan untuk memberi laporan kepada Jawatankuasa Tanah sama ada status tanah tersebut boleh ditukar atau tidak. Dalam laporan saya tersebut, saya juga telah memberi keutamaan kepada pandangan yang diberikan oleh badan-badan kerajaan yang lain terutamanya dari segi implikasi projek-projek pembangunan di pulau-pulau tersebut terhadap alam sekitar. Peluang Pekerjaan, YB. Tuan Speaker, beberapa Ahli Dewan telah menimbulkan isu tentang peluang pekerjaan.



Saya tidak hairan akan hal ini kerana isu peluang pekerjaan merupakan isu yang penting pada masa kegawatan ekonomi sekarang. Peluang pekerjaan di Negeri Pulau Pinang tidak akan meningkat tanpa satu pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan progresif, Di sini peluang pekerjaan yang saya maksudkan adalah di semua peringkat, terutamanya *high end jobs*, ...(dengan izin), akan tetapi wujud beberapa masalah untuk mencapai hasrat tersebut kerana kerajaan lama telah terperangkap dalam *cheap labour system*. Oleh kerana sindrom ini, fokus Kerajaan Negeri lama adalah untuk mempelawa pelabur-pelabur dengan janji-janji dan tarikan buruh yang murah. Maka dengan itu, di mata pelabur Negeri Pulau Pinang dilihat sebagai kawasan perindustrian berasaskan buruh murah, hal ini telah membawa kepada masalah pekerja tanpa izin.

Topik saya yang akhir ialah berkenaan K-ICT, sebagai menjawab pertanyaan YB. Telok Ayer Tawar dan YB. Pantai Jerjak. Untuk makluman Yang Berhormat, mesyuarat K-ICT belum lagi diadakan sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan Negeri Pulau Pinang. Walaupun begitu, Pejabat YAB. Ketua Menteri telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak Urusetia Majlis K-ICT Negeri dan tumpuan baru bagi polisi K-ICT negeri adalah *accessibility, availability and affordability* ...(dengan izin). Sebelum saya rumuskan secara ringkas pilihan saya pada petang ini, saya mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai kerajaan. Terutama saya memberikan ucapan tahniah kepada YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, YB. Dato' Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang supaya memberi panduan dan tunjuk ajar kepada Kerajaan Negeri yang baru dan juga pegawai-pegawai yang baru.

Saya hendak sentuh sedikit tentang isu yang dibangkitkan oleh YB. Telok Bahang, tentang Aceh, mungkin itu ditujukan kepada YB. daripada Batu Maung, *sorry*. Saya secara tidak rasmi, oleh kerana persahabatan saya dengan pemimpin-pemimpin Aceh beberapa tahun. Ada beberapa rombongan ke Pulau Pinang dan saya rasa mereka mempunyai minat supaya wujudkan satu talian ekonomik dengan Pulau Pinang, tetapi ini belum menjadi rasmi lagi ya, ada saya ingat telah 4 kali telah datang supaya mencari pasaran produk mereka dan kemudian mereka ingin membuat satu rangkaian atau ekonomi network antara Aceh dan Pulau Pinang. Itu saya hendak berikan sedikit sahaja. Terima kasih.

Rumusan, YB. Tuan Speaker, selepas 50 tahun, situasi politik Malaysia telah mengalami suatu perubahan yang dahsyat. Hal inilah yang telah menimbulkan isu tsunami politik. Corak dan organisasi politik telah berubah sedikit sekarang, berbanding dengan kerajaan Barisan Nasional, kelima-lima negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat sedang bereksperimen dengan amalan perwakilan politik berasaskan kepelbagaian kaum dan kelas. Amalan politik Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang tidak boleh ditakrifkan sebagai politik populisme. Dalam fahaman saya, amalan politik Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang boleh disifatkan sebagai simbolisma. Persoalan tentang gaji minimum adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh memberi panduan dan nasihat. Isu pekerja tanpa izin merupakan satu masalah yang serius memandangkan ia menafikan peluang-peluang pekerjaan kepada orang tempatan. Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa bidang ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan bukannya Kerajaan Negeri. Kes Kilang Nikko, kenaikan harga barang dan makanan akibat kenaikan harga petrol mungkin telah menjadi pencetus kepada kes pemberhentian lebih 1,000 orang pekerja kilang Nikko. Kuasa untuk menangani masalah pemberhentian pekerja secara beramai-ramai berada di tanah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk berkerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai wilayah *educational hub*...(dengan izin).

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sedar bahawa tanpa kerjasama yang baik dengan Kerajaan Pusat, agak sukar bagi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kekurangan tanah bagi pembinaan bangunan sekolah terutamanya di sekolah-sekolah bantuan modal. Peluang pekerjaan untuk rakyat Pulau Pinang tidak boleh dipertingkatkan dengan serta merta. Kerajaan Negeri memerlukan satu plan perancangan ekonomi yang kukuh untuk menangani masalah yang besar ini. Selain daripada rancangan plan yang teratur, Kerajaan Negeri perlu memberi satu penekanan terhadap pelaburan-pelaburan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

YB. Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang merupakan satu kerajaan yang jujur, ikhlas dan bertanggungjawab berteraskan prinsip CAT. Walaupun Kerajaan Pakatan baru belum lagi mempunyai pengalaman seperti Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan baru ini mempunyai motivasi, keazaman dan keyakinan yang tinggi untuk menjaga dan memajukan kepentingan rakyat. Kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang adalah kejayaan separuh sahaja. Kejatuhan Kerajaan Pusat di tangan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam beberapa bulan lagi akan membawa kepada kejayaan penuh. Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Seterusnya YB. Penanti, penggulungan dari YB. Penanti.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Tuan Speaker saya memohon sokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Seterusnya YB. Penanti.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih yang Berhormat Tuan Speaker, Bismillah hirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullah hiwabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang terhormat, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun atas ucapan perasmian yang menyentuh semua aspek dalam agenda pembangunan dan kemajuan Negeri Pulau Pinang. Jelas ucapan Tuan Yang Terutama Tun telah menghuraikan secara komprehensif landasan-landasan yang akan memacu Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah kemakmuran dan kecemerlangan insya-Allah.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Tun, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan saranan-saranan untuk pembangunan negeri ini. Saranan-saranan ini tentunya boleh menjadi panduan kepada semua pihak untuk mempertingkatkan lagi usaha bagi mencari keberkesanan dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang telah diamanahkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, antara isu yang dibahaskan di Dewan Yang mulia ini, ialah kedudukan ekonomi Bumiputera. Saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan agenda ekonomi Malaysia yang bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang pesat, berdaya saing, bersih dari amalan rasuah dan salah guna kuasa di samping melaksanakan tindakan ...(dengan izin), *affirmative* untuk membela golongan miskin dan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum, agama atau pun batasan bangsa tetapi ini tidaklah bermakna Kerajaan Negeri mengabaikan nasib Bumiputera terutamanya para usahawan dan peniaga untuk usaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera MPPB yang berdaya saing akan diteruskan melalui strategi-strategi berikut , Pertama, pelaksanaan melalui Majlis Pembangunan Usahawan dan Majlis Pembangunan Koperasi yang akan memantau segala pelaksanaan program pembangunan usahawan dan koperasi secara khusus. Selain itu Majlis ini juga akan mempertingkatkan penyertaan kaum Bumiputera dan lain-lain kaum dalam bidang keusahawanan dan pembuatan serta membincangkan isu dan masalah semasa yang mempunyai hubungkait atau implikasi terhadap pembangunan keusahawanan.

Kedua untuk melahirkan usahawan menengah Bumiputera yang berjaya, berkualiti, berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing. Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera MPPB akan diperkukuhkan dengan pemantapan dan pengembangan asas keusahawanan serta pewujudan rangkaian usahawan berdaya maju dan berdaya saing di kalangan Bumiputera. Program pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada usahawan

kecil dan sederhana khususnya usahawan baru dan khususnya usahawan baru dan bakal usahawan yang mempunyai modal dan berminat untuk menjalankan perniagaan secara kecil kecilan. Usahawan kecil yang berhasrat untuk memindahkan operasi perniagaan dari rumah dan bengkel ke kilang IKS, graduan Universiti yang berpotensi dan berminat untuk menjalankan perniagaan terutama dalam bidang ICT dan *francaise* dan usahawan sedia ada yang berpotensi dan berminat untuk meningkatkan perniagaan. Dalam hal ini ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan, Yang Berhormat Penanti, boleh saya tahu berapa kalikah Majlis Usahawan dan Majlis Pembangunan Koperasi bermesyuarat?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pulau Betong. Setakat ini mesyuarat telah dilaksanakan sebanyak tiga kali dan mengkhusus tumpuan kepada apa yang telah saya nyatakan sebentar tadi dan agenda perbincangan yang seterusnya akan juga meneliti perkara-perkara yang lebih bersifat spesifik. Dalam hal ini sektor swasta digesa untuk memainkan peranan aktif dalam pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera dengan memperkenalkan program-program utama atau sokongan kepada program sektor awam. Justeru jaringan tiga hala iaitu sektor swasta, sektor awam dan usahawan Bumiputera dapat diwujudkan ke arah merealisasikan program pembangunan usahawan.

Pada masa yang sama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau PDC sebagai agensi tunggal Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas pembangunan usahawan akan turut terlibat dalam penyediaan premis perniagaan seperti ruang niaga, gerai untuk peniaga kecil, unit-unit kilang siap bina IKS secara jualan, sewaan dan skim sewa beli untuk membolehkan usahawan Bumiputera mengambil peluang perniagaan yang berpotensi. Di kawasan Perindustrian Bayan Lepas, terdapat satu projek khas mengandungi 22 unit IKS yang disewa khusus kepada IKS Bumiputera.

Bagi projek-projek lain yang dibangunkan oleh PDC, sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah unit juga dikhaskan kepada Bumiputera secara sewaan, jualan dan skim sewa beli dengan potongan harga jualan dan sewaan sebanyak 5%. PDC telah memberikan potongan harga jualan dan sewaan istimewa untuk IKS Bukit Minyak dan Bukit Tengah sebanyak 12% harga jualan dan 47% harga sewaan kepada IKS Bumiputera. PDC juga akan mewujudkan peluang perniagaan melalui peruntukan kerja kontrak, pembinaan bangunan, infrastruktur, pembekalan, pengedaran dan perkhidmatan. Selain itu promosi produk usahawan melalui program bersama seperti penganjuran Ekspo Usahawan Bumiputera ....(dengan izin), *showcase* usahawan dan pameran perdagangan akan dipergiatkan. Bagi meningkatkan kemahiran keusahawan di kalangan para pelajar, maka pelaksanaan program pembudayaan dan latihan keusahawanan akan dipupuk di sekolah-sekolah agar budaya keusahawanan ini dapat dipupuk sedari awal lagi.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu Akaun Amanah Tabung Usahawan Bumiputera Negeri Pulau Pinang dengan dana permulaan berjumlah RM200,000.00. Kita sedar jika dilihat dari segi jumlah tabungan ini, ianya kecil untuk maksud demikian, namun tujuan utama penubuhan tabung ini adalah untuk berusaha membantu menyelesaikan usaha pembasmian miskin tegar. Keutamaan diberi kepada penglibatan usahawan-usahawan daripada kelompok tegar produktif. Tabung ini bertujuan untuk membantu memberikan bantuan *start up* ....(dengan izin), tadi seperti modal permulaan, perolehan mesin dan peralatan dan kos pengendalian program, projek atau aktiviti yang melibatkan pembangunan usahawan. Ketua Isi Rumah atau (KIR) yang miskin tegar produktif yang ingin keluar dari kepompong kemiskinan dan menceburi bidang keusahawanan juga amat diberikan galakan untuk memohon melalui bantuan tabungan ini. KIR yang berjaya akan kemudiannya dilantik untuk menjadi mentor kepada golongan miskin produktif yang lain sebagai mentee. Kita percaya pendekatan apabila kita berjaya menghasilkan kejayaan membasmi miskin tegar yang berjaya itu harus dilantik sebagai mentor untuk memberi ransangan kepada rakan-rakan mereka yang masih lagi berada di dalam kepompong kemiskinan agar keluar dengan usaha sendiri, tidak hanya bergantung kepada bantuan berterusan.

Jawatankuasa pengurusan ini bertanggungjawab untuk memastikan dana kewangan yang diperolehi daripada pelbagai sumber diuruskan dengan cekap dan efektif bagi memenuhi matlamat penubuhan akaun amanah ini. Ia juga untuk memastikan bahawa sumbangan kewangan ini digunakan untuk membantu usahawan-usahawan kecil dalam merangka membasmi miskin tegar di bumi bertuah ini. Ia juga akan menimbangkan permohonan bantuan dan memantau serta menyelia urusan kewangan agar ia dilaksanakan dengan lancar dan menepati kehendak dan peraturan kewangan tentunya.

YB. Tuan Speaker, kemiskinan masih lagi menjadi masalah yang membelenggu sebahagian daripada masyarakat kita. Berdasarkan kajian kemiskinan Negeri Pulau Pinang yang telah dilaksanakan oleh Universiti Sains Malaysia pada akhir tahun 2007, statistik kemiskinan bagi seluruh Negeri Pulau Pinang menunjukkan terdapat sejumlah 734 Ketua Isi Rumah atau KIR yang miskin di seluruh Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, jumlah KIR miskin adalah seramai 199 orang dan jumlah KIR miskin tegar adalah seramai 535 orang. Pada bulan Mac 2008, statistik kemiskinan bagi seluruh Negeri Pulau Pinang telah menurun kepada 534 yang merangkumi 167 KIR miskin dan 367 KIR miskin tegar. Daripada 367 KIR miskin tegar ini, jumlah yang produktif adalah seramai 120. Walau bagaimanapun berdasarkan bancian semula yang dilaksanakan oleh UPEN atau Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan kerjasama pejabat-pejabat daerah pada bulan Jun 2008, jumlah KIR miskin tegar produktif telah menurun kepada 116 KIR sahaja. Penurunan ini adalah disebabkan dua faktor iaitu yang pertama kenaikan usia KIR yang melebihi taraf produktif iaitu melebihi 65 tahun dan secara tidak langsung KIR ini tergolong dalam kategori tidak produktif lagi.

Dan yang kedua pertambahan pendapatan isi rumah ekoran dari ahli isi rumah yang telah bekerja. Tidak ada gunanya menjadi sebuah negeri yang maju sekiranya masih terdapat sebilangan anggota masyarakat yang masih dibelenggu kemiskinan. Pemenang Anugerah Nobel Amarcheur San dalam bukunya .... (dengan izin), "*Development As Freedom*" melihat bahawa kemiskinan bukan sekadar memiliki pendapatan yang rendah tetapi juga sebagai penghalang kepada keupayaan seseorang untuk maju dan mengecapi erti kebebasan yang sebenar.

Kemiskinan menghalang akses kepada pendidikan yang berkualiti. Peluang ekonomi, khidmat kesihatan dan penyertaan politik yang bermakna. Halangan-halangan ini akhirnya menyebabkan golongan miskin terperangkap dalam putaran ganas kemiskinan. Oleh itu, sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai kemiskinan tegar sifar pada akhir tahun 2008, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Negeri Pulau Pinang diaktifkan semula untuk merekayasa ekonomi golongan miskin dengan cara membina keupayaan mereka untuk maju dan bersaing, insya-Allah. Berbagai skim keusahawanan telah disediakan untuk membantu golongan miskin kerana Kerajaan Negeri sedar bahawa penerapan ciri keusahawanan adalah usaha terbaik untuk membina keupayaan mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan seterusnya memajukan diri dan keluarga. Sehubungan itu di peringkat daerah Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah telah dibentuk untuk mengenalpasti rakyat termiskin di peringkat akar umbi. Rakyat miskin yang telah dikenal pasti ini akan diberi bantuan seperti bantuan modal dan peralatan untuk membolehkan keluarga miskin tersebut menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan pendapatan keluarga dan seterusnya terkeluar insya-Allah daripada kepompong kemiskinan dan mampu akhirnya berdikari.

Selain itu, skim *apperantice* untuk anak-anak keluarga miskin turut disediakan. Skim ini diwujudkan bagi membantu belia atau beliawanis terutama anak-anak penerima bantuan kebajikan yang tercicir persekolahannya mendapat latihan kemahiran dan seterusnya berpeluang untuk berdikari dan memulakan perniagaan sendiri berdasarkan kemahiran yang telah dipelajari. Golongan ini akan ditempatkan di pejabat, kilang dan bidang-bidang tertentu untuk mendapat dan meningkatkan kemahiran. Elaun turut diberi untuk menampung perbelanjaan harian dan pengangkutan. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi turut memainkan peranan untuk menggalakkan rakyat miskin berniaga. Salah satunya ialah program "SOP" yang akan dilancarkan dalam masa terdekat. Lokasi yang telah dipilih ialah Jalan Tun Syed Sheh Barakbah yang merupakan kawasan tumpuan orang ramai terutamanya pelancong. Objektif utama "SOP" ialah pertama menyediakan kawasan tapak penjajaan di kawasan prima yang strategik dengan kadar sewaan yang minimum.



Kedua memberi peluang serta membantu golongan penjaja kecil untuk berniaga di kawasan strategik dengan kadar sewa mampu. Ketiga merancang kegiatan ekonomi setempat dan mewujudkan produk pelancongan baru Pulau Pinang dan yang keempat memperkukuhkan penjenamaan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama domestik dan antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, kita sedia maklum bahawa bilangan kakitangan dan kenderaan dan ruang pejabat Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pulau Pinang adalah tidak mencukupi di samping ketiadaan lokap. Ingin saya maklumkan di sini bahawa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mula membuat pengisian jawatan anggota penguatkuasa di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang mulai awal tahun ini di bawah penstrukturan baru jabatan seperti berikut; bilangan jawatan 60, bilangan yang telah diisi sehingga sekarang 43, jumlah kekosongan masih lagi terdapat 17. Pada masa ini juga bahagian penguatkuasaan memiliki 4 buah kenderaan iaitu sebuah van rusa yang dibeli pada tahun 2002, dua buah pajero yang dibeli masing-masing pada 1992 dan 1996 serta sebuah Ford Everest yang diperolehi pada tahun 2007. Jabatan Agama Islam telah memohon di bawah bajet 2009 sebanyak 5 buah kenderaan untuk bahagian penguatkuasaan terutamanya untuk keperluan di daerah-daerah yang pada masa ini bergantung kepada kenderaan yang sedia ada seperti di atas. Saya secara peribadi telah berbincang beberapa kali dengan pihak berkenaan dan tentunya dalam soal ....(dengan izin), ...(*Al Amru bilmakruf walnahi anil munkar*), kita perlu mempertingkatkan upaya di samping menambah bilangan kakitangan penguatkuasa juga kenderaan. Secara peribadi semasa berkesempatan memperuntukkan sedikit masa untuk melihat di beberapa kawasan Pulau Pinang, kita masih lagi risau dengan suasana sekitar yang masih lagi terdapat masalah sosial terutama di kalangan Melayu dan Islam yang mana boleh kita usahakan melalui peruntukan pertambahan ini. Sementara menunggu kelulusan bagi perolehan kenderaan baru tersebut, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan kenderaan dari jabatan lain yang masih boleh digunakan untuk dipinjamkan kepada Jabatan Agama Islam insya-Allah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Minta penjelasan Yang Berhormat Penanti.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Sila.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Apa yang dimaksudkan secara peribadi. Bukankah Yang Berhormat sebagai Timbalan Ketua Menteri yang pertama bekerja bagi Kerajaan Negeri bukan secara peribadi sepatutnya.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih kerana bertanya, saya menjelaskan. Tentunya pertemuan rasmi itu sentiasa diadakan dengan maksud saya menyatakan usaha peribadi itu maknanya saya menganggap tugas soal memperkuatkan Jabatan Agama ini tugas rasmi tetapi juga bagi saya, saya telah menyatakan kepada Ustaz Jaafar yang mengetuai jabatan ini saya boleh dihubungi pada bila-bila masa atas tujuan itu, pencegahan maksiat dan amal makruf ini kerana saya yakin bahawa agenda ini agenda kita bersama terutama kita yang beragama Islam tanggungjawab ini bukan tanggungjawab rasmi-rasmian semata-mata tetapi tanggungjawab peribadi yang juga harus diambil kira untuk membantu dan mengusahakan perbincangan secara lebih baik dan dinamik tentunya peringatan atau pun saranan tadi itu saya faham maksudnya dan saya tidak keliru dalam menyatakan peribadi bukan bermaksud saya menyatakan tugas rasmi itu dipersoal atau apa-apa yang sewaktu dengannya.

Izinkan saya meneruskan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan ruang pejabat untuk anggota Jabatan Agama Islam ke Bangunan UMNO di Jalan Macalister, bagaimanapun di sebabkan kos pengubahsuaian ruang pejabat yang dicadangkan oleh Jabatan Kerja Raya adalah tinggi berjumlah RM398,000 maka cadangan ini tidak dapat diteruskan disebabkan kekurangan peruntukan dan amalan berjimat cermat Kerajaan Negeri pada masa ini. Jabatan Agama Islam telah memohon ruang pejabat di tempat lain iaitu di Bangunan Dewan Perniagaan Melayu di Jalan Larut yang lebih menjimatkan yang ianya sedang di pertimbangkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Manakala lokap akan dipertimbangkan tetapi ianya tertakluk kepada aspek perundangan seperti syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Penjara dan lain-lain. Dalam rangka untuk mengangkat martabat rakyat program masyarakat Madhani yang akan di adakan di setiap daerah bagi memupuk semangat kesukarelaan dan aktivisme sosial di samping menggalakkan hubungan yang harmoni di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Negeri Pulau Pinang selaras dengan amalan demokrasi Kerajaan Negeri berharap agar program ini memberi peluang kepada rakyat akar umbi untuk terlibat secara langsung dalam proses pembangunan masyarakat di samping menjadi mekanisma penyampai maklumat dua hala antara rakyat akar umbi dan Kerajaan Negeri. Konvensyen Masyarakat Madhani adalah satu program besar yang bertujuan memberi pendedahan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat di Negeri Pulau Pinang dalam usaha menjayakan program masyarakat Madhani dalam konvensyen ini pemimpin-pemimpin masyarakat dan aktivis-aktivis pertubuhan bukan kerajaan akan diundang untuk berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri bagi menjana ideal merancang usaha bersama untuk mencapai pembangunan masyarakat secara menyeluruh. Program pasukan keselamatan bersama rakyat akan dianjurkan untuk memberi maklumat dan kefahaman kepada rakyat tentang fungsi serta kepentingan agensi-agensi keselamatan pertahanan serta keselamatan awam masyarakat akan diberi pendedahan tentang gejala sosial dan tanggungjawab masyarakat setempat dalam menangani jenayah di persekitaran dan tindakan perlu diambil jika berlaku sebarang kecemasan.

YB. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk memastikan amalan demokrasi di negeri ini terus subur. Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang termaju di Malaysia dan mempunyai golongan kelas menengah yang besar dalam mana-mana masyarakat demokrasi golongan kelas menengah memainkan peranan penting untuk memastikan wujudnya sistem demokrasi yang stabil mereka juga menjadi penggerak utama institusi masyarakat Madhani yang menjadi penghubung antara kerajaan dan rakyat kita patut berasa bangga kerana di Negeri Pulau Pinang ini terdapat beberapa institusi masyarakat Madhani yang terkemuka ini termasuklah pertubuhan-pertubuhan seperti Aliran Kesedaran Negara, ALIRAN, Persatuan Pengguna Pulau Pinang atau CAP, Sahabat Alam Malaysia,

SAM....(dengan izin), dan Citizen International ....(dengan izin), CI yang telah berjaya memahat nama mereka di persada antarabangsa. Pertubuhan-pertubuhan ini telah lama memainkan peranan yang amat penting dalam memupuk nilai-nilai demokrasi dan perkasaan masyarakat Madhani di Negara ini. Barang kali dengan peranan ini yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan ini dalam merubah landskap politik Malaysia kearah yang lebih demokratik amat wajar sekali sekiranya Pulau Pinang diiktiraf sebagai serambi masyarakat Madhani. Kerajaan Negeri juga sedar bahawa golongan kelas menengah dan institusi masyarakat Madhani bukan sahaja berperanan mewujudkan politik demokrasi yang sihat tetapi juga memupuk persefahaman dan perasaan saling hormat menghormati antara komuniti kaum dan agama yang berdedar malah institusi ini yang telah sekian lama menjadi agen pemasyarakat nilai dan budaya politik demokrasi batas-batas kaum agama diharap dapat memainkan peranan mendidik masyarakat tentang kepentingan nilai-nilai demokrasi dan perpaduan kaum.

YB. Tuan Speaker, isu kawasan tadahan air dengan Kerajaan Kedah, pada 15 Julai 2008 saya telah mengetuai satu kunjungan hormat ke atas YAB. Menteri Besar Kedah dan disertai agensi Kerajaan Negeri seperti UPEN, JPS, PBAPP dan Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar bagi membincangkan hal ini dan perbincangan ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyuarakan kebimbangan terhadap cadangan tersebut terutama dari segi impak negatif yang akan diterima masyarakat serta mencari penyelesaian terbaik kepada kedua-dua negeri. Sememangnya kita bersetuju dengan pandangan yang menyatakan bahawa cadangan tersebut akan menyebabkan masalah banjir terutama di kawasan hilir Sungai Muda seperti di Selatan Kedah, dan Seberang Perai Utara. Ini kerana apabila kesan mendapan yang berlaku ini akan mencetekkan sungai dan mengakibatkan kapasiti pengairan yang sedikit sedangkan jumlah air yang mengalir masih sama, malah cadangan ini juga akan mempunyai pelbagai impak yang lebih besar terutamanya sumber bekalan air mentah untuk kegunaan domestik, pertanian dan perindustrian di samping mengakibatkan gangguan sistem ekologi hutan.

Kerajaan Negeri berpandangan perjumpaan ini telah berjaya mencapai *message* yang jelas kepada Kerajaan Negeri Kedah supaya pelaksanaan cadangan ini dipertimbangkan sedalam-dalamnya dalam hal ini Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan pandangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung impak negatifnya dan memberi jaminan ianya masih diperingkat awal dan tertakluk kepada laporan EIA. Perbincangan susulan akan diadakan dan Kerajaan Negeri Kedah berhubung isu ini dari masa ke semasa.

YB. Tuan Speaker, berkenaan persoalan yang ditanyakan kepada saya tentang persembahan muzik Islam. Saya yakin dan percaya saudara saya YB. Pulau Betong yang bertanya tentunya telah memahami maksudnya tetapi izinkan saya jelaskan secara ringkas. Konsep muzik Islam boleh dirujuk dengan fatwa Maalsir ....(dengan izin), yang telah diberikan oleh Al Fadhil -Yusuf Khadawi yang menyebut bahawa dalam Islam muzik itu dibenarkan selagi mana ianya tidak membawa manusia lalai daripada mengingati Allah dalam konteks manusia dan konsep muzik Islam tentunya tumpu kepada segala unsur yang boleh mendekatkan mereka yang mendengar itu kepada Allah Subhanawataal.

YB. Tuan Speaker, dengan ini saya memohon menyokong usul Tuan Yang Terutama Tun, Wabilahi Taufaik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatulallahi Wabarakatu.

**YB. Tuan Speaker:**

Perbincangan dan penggulungan telah pun tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi adalah usul bahawa kami, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di mesyuarat yang kedua penggal yang pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang kedua belas pada 21 Julai 2008 di persetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya."

**YB. Tuan Speaker:**

Semua ya, sebulat suara, usul dipersetujui.

**Setiausaha:**

Usul daripada YAB. Ketua Menteri.

**YAB. Ketua Menteri:**

YB. Tuan Speaker, dalam keadaan kewangan yang tidak menentu ekoran daripada kegawatan ekonomi, saya bangun mencadangkan usul kerajaan, bahawa Dewan ini menyedari akan pertumbuhan ekonomi negeri yang bergantung kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan, terutama sekali pelancongan dan sumber manusia begitu terjejas dengan kenaikan harga minyak mendadak di antara 41% hingga 63 %, 26% untuk kadar tarif elektrik dan 129% hingga 187% untuk gas semula jadi oleh Kerajaan Persekutuan mempunyai impak negatif besar kepada peniaga dan menghakis dengan serius kuasa pembelian dan mutu kehidupan rakyat marhaen. Menerima pakai wawasan negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya antarabangsa yang menjadi pilihan destinasi para pelancong, pelabur dan penduduk tempatan yang dapat sama-sama menikmati kehidupan yang mampan merestui perlaksanaan sistem pentadbiran CAT iaitu *competency, accountability and transparency* untuk mencapai matlamat wawasan negeri serta diterapkan dengan nilai rohani yang boleh memulihkan kepercayaan ke atas kerajaan berjiwa rakyat, harapan ke atas masa depan kepada generasi muda dan masyarakat penyayang yang memberikan tempat kepada semua rakyat.

Mengakui usaha Kerajaan Negeri baru dalam keadaan ekonomi yang begitu terhimpit menarik pelaburan asing sebanyak RM1.4 billion dan menunaikan tanggungjawab sosial serta menunjukkan keprihatinan kepada rakyat susah yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. Melahirkan rasa kesal ke atas keputusan tidak wajar Kerajaan Persekutuan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan semasa menambahkan peruntukan pembangunan sebanyak RM30

bilion kepada RM230 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan telah mengurangkan peruntukan pembangunan Pulau Pinang yang *people centric* sebanyak RM4.7 bilion seperti *monorail*, POOR, dan pembesaran Empangan Air Mengkuang bahawa Dewan Yang mulia ini mendukung hasrat dan komitmen rakyat Pulau Pinang sebagai pembayar cukai dan mendesak Kerajaan Persekutuan meneruskan projek-projek pembangunan tersebut atau menggantikannya dengan pemberian wang tunai RM4.7 bilion demi meneruskan pembangunan ekonomi negeri dan seterusnya menyeru seluruh rakyat Pulau Pinang bersatu padu dan memiliki keyakinan berdikari untuk mengharungi sebarang cabaran yang boleh membawa kejayaan seperti George Town di nobatkan sebagai Bandaraya Warisan UNESCO atas sumbangan semua pihak termasuk NGO, bekas Kerajaan Negeri, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan dan yang penting sekali rakyat Pulau Pinang terus memelihara, mempertahankan sifat budaya dan sejarah kita.

**YB. Tuan Speaker:**

Ada sokongan

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Tuan Speaker, saya memohon menyokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Ada Ahli Yang Berhormat yang ingin teruskan ucapan.

**YAB. Ketua Menteri:**

YB. Tuan Speaker, kekuatan pembangunan ekonomi Pulau Pinang serta lokasinya yang strategik di utara Semenanjung Malaysia telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negeri-negeri Wilayah Utara serta tunjang utama kepada pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau ....(dengan izin), NCER. Pulau Pinang sememangnya terkenal dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang telah menjadi tunjang kepada pertumbuhan ekonomi negeri semenjak era 80-an lagi ini dapat dilihat menerusi petunjuk ekonomi KDNK Negeri yang sentiasa

mencatatkan peratus pertumbuhan yang tinggi bagi kedua-dua sektor ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada awal bulan Jun 2008 Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan kenaikan harga petrol yang mendadak diantara 41 peratus hingga 63 peratus. Ini disusuli pula dengan kenaikan takrif elektrik sebanyak 26% dan gas semula jadi antara 129% – 187%. Di sini kita boleh lihat, ini bukan sahaja memberikan kesan dari segi kos perkhidmatan, tetapi juga melibatkan projek-projek kerajaan yang sedang dalam pelaksanaan serta sektor ekonomi lain, terutamanya perkhidmatan dan pembuatan. Keadaan yang sedemikian telah menyebabkan Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah penjimatan, dan kawalan perbelanjaan yang ketat bagi memastikan peruntukan yang sedia ada mencukupi untuk penampung berbelanja yang dirancang.

YB. Tuan Speaker, kenaikan harga minyak ini sebenarnya mempunyai kesan rantaian *domino effect* ...(dengan izin), kepada harga dan bekalan barangan dan perkhidmatan. Ini terbukti apabila kadar inflasi negara pada bulan Jun 2008 melonjak kepada 7.7% dan sekaligus mencatatkan rekod tertinggi sejak 27 yang lalu. Justeru itu kita sangat menyedari tindakan sebegini mempunyai impak negatif besar kepada peniaga dan menghakis dengan serius kuasa beli dan mutu kehidupan rakyat marhaen. Dalam kita membincangkan mengenai kenaikan harga minyak, adalah penting juga bagi kita mengambil langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Harus diingat masih ramai rakyat Pulau Pinang yang merupakan berpendapatan rendah seperti petani, nelayan, buruh, pekerja kilang, penjaja dan lain-lain yang terdiri daripada pelbagai kaum baik Melayu, India dan Cina. Golongan berpendapatan rendah ini telah menerima perhatian dan galakan daripada Kerajaan Negeri baik dalam bentuk pemberian beras percuma mahupun wang ehsan sebanyak berbentuk RM100 kepada setiap keluarga susah untuk mengatasi cabaran hidup keluarga mereka.

Akan tetapi, Kerajaan Negeri sememang sedar, bahawa ini memang tidak mencukupi dan kerajaan negeri perlu menjalankan projek-projek awam dan sosial demi kebajikan dan kebahagiaan rakyat. Oleh itu Kerajaan Negeri terpaksa mencari wang lebih-lebih lagi dalam keadaan kewangan terdesak dengan Belanjawan Defisit 2008 yang dibentangkan oleh kerajaan lama tahun lepas sebanyak RM 34 juta.



Untuk mencari dana, adakah kerajaan negeri terpaksa menggunakan wang rizab yang hanya RM373.59 juta setakat 31 Disember 2007? Saya rasa ini tidak harus dilakukan kerana kerajaan negeri harus peruntukkan bagi “contingency” ...(dengan izin) iaitu untuk perbelanjaan-perbelanjaan di luar jangkaan seperti rasuah dan kemungkaran.

Semalam dalam ucapan penggulungan saya di Dewan yang mulia ini, saya telah mendedahkan hanya dua skandal penyelewengan tanah yang mengakibatkan Kerajaan Negeri berkemungkinan kehilangan lebih RM124 juta. Yang amat dibimbangkan oleh Kerajaan Negeri, kemungkinan skandal penyelewengan tanah lain turut berlaku semasa pentadbiran kerajaan lama yang boleh mengakibatkan kehilangan wang yang lebih besar.

Hanya dua kes skandal tanah pun melibatkan RM124 juta ataupun 1/3 daripada rizab Kerajaan Negeri. Bayangkan, sekiranya ada kes skandal tanah yang lain macam mana pula? Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Telok Bahang kerana mengakui kesilapan kerajaan lama dan bersedia bertanggungjawab akan kesilapan yang dilakukan semasa beliau menjadi Ahli EXCO untuk portfolio tanah dulu. Saya juga berharap beliau akan memujuk rakan yang lain untuk membantu membongkarkan skandal tanah ini. Ini disebabkan Kerajaan Negeri perlunya menghadapi “contingent liabilities” bernilai RM124 juta ini, telah teruk menjejaskan kedudukan kewangan kerajaan negeri dan dengan demikian hasil cukai yang dibayar oleh rakyat Pulau Pinang perlu dikembalikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjaminkan pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang yang mapan.

YB. Tuan Speaker, Jambatan Pulau Pinang Kedua adalah di antara projek-projek Kerajaan Persekutuan yang dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Ia adalah di antara tiga hadiah Tahun Baru Cina 2006 yang diumumkan oleh beliau bersama dengan projek Monorel dan juga PORR. Satu lagi projek yang harus diberikan perhatian adalah pembesaran Empangan Air Mengkuang yang akan menjejaskan sumber dan bekalan air kepada rakyat Pulau Pinang, sesuatu yang begitu kritikal dalam kehidupan kita.

YB. Tuan Speaker, pembinaan projek-projek yang dijanjikan ini akan meningkatkan pembangunan seluruh negeri selain memudahkan perhubungan di antara Pulau dan Tanah Besar selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Pulau Pinang sebagai hub logistik di bawah NCER (Northern Corridor Economic Regence) ...(dengan izin) (Koridor Ekonomi Wilayah Utara). Nampaknya Kerajaan Persekutuan telah menerima cadangan YB. Ketua Pembangkang, YB. Penaga agar membatalkan projek-projek tersebut yang telah pun memberi implikasi negatif ke atas beberapa bakal pelabur. Adalah tidak baik Kerajaan Persekutuan bersikap buruk siku dengan menangguk dan mengambil balik projek ini yang bertentangan dengan janji-janji yang diberikan saya oleh YAB. Perdana Menteri dan YBN. Menteri Kewangan II. Ini sekali gus tidak memenuhi etika kepimpinan cakap serupa bikin.

Dalam aspek ini, kami menyambut baik pengumuman Kerajaan Persekutuan baru-baru ini yang meluluskan balik peruntukan RM40 juta bagi Projek Menaiktaraf Keretapi Bukit Bendera di samping memberikan RM2.5 juta bagi menjalankan pembaikan segera untuk kabel yang terputus, dan RM100 juta bagi tambahan 100 buah bas Rapid Penang. Tetapi ini memang jauh daripada RM4.7 billion yang telah diangkat daripada Negeri Pulau Pinang.

Bagi memastikan agar Pulau Pinang mengekalkan momentum pertumbuhan yang positif, agenda pembangunan negeri perlulah direncana sebaik mungkin. Dalam konteks ini, kita bertekad untuk menerima pakai wawasan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa yang menjadi pilihan destinasi pelancong, pelabur dan penduduk tempatan yang dapat sama-sama menikmati kehidupan yang mapan. Pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia UNESCO misalnya adalah merupakan langkah ke arah wawasan ini dan ia akan memberi banyak manfaat kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara umumnya.

YB. Tuan Speaker, kita menjangkakan kedatangan lebih ramai pelancong berkunjung ke negeri ini disamping menarik minat para pengkaji tempatan dan antarabangsa untuk membuat kajian terperinci mengenai warisan budaya negeri ini. Ianya sudah tentu akan dapat meningkatkan sosio-ekonomi rakyat Pulau Pinang melalui penjanaaan peluang-peluang ekonomi yang ada. Kerajaan Negeri akan memastikan aspirasi dan harapan UNESCO ini dipenuhi dan seterusnya akan mengekalkan warisan budaya ini. Kita berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat memberikan sokongan dan kerjasama dalam memastikan status ini dikekalkan. Untuk itu, kita menyokong ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri supaya Kerajaan Persekutuan dapat menyalurkan peruntukan kewangan dan menunaikan janji pinjaman mudah sebanyak RM200 juta sebagai tambahan kepada geran "dana benih" (*seed money*) ...(dengan izin), sebanyak RM 13 juta bagi membantu Kerajaan Negeri menjalankan usaha mengekalkan George Town sebagai sebuah tapak warisan dunia.

Wang peruntukan adalah penting kerana kerja pemeliharaan warisan memakan perbelanjaan yang besar. Adalah penting komitmen Kerajaan Persekutuan agar Jawatankuasa Pemandu Warisan Negeri dapat menjalankan tugasannya dengan teratur supaya kita dapat mengekalkan status Tapak Warisan Dunia UNESCO bila ia diperiksa dalam masa 3 tahun lagi. Atas sumbangan semua pihak termasuk NGO, kerajaan negeri dahulu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan yang paling penting rakyat negeri ini wajar diberi pujian.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan dasar yang mesra pelabur dan mengambil langkah-langkah yang aktif dalam menarik pelaburan tempatan dan asing demi mencipta peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Atas pertimbangan ini juga, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menerima pakai dan melaksanakan NCER yang dijangka dapat membantu rakyat negeri dalam pelbagai bidang ekonomi.

YB Speaker, satu perkara yang ingin saya tekankan dan perlu diberikan perhatian yang serius oleh Dewan yang mulia ini ialah suasana politik, undang-undang dan pentadbiran negara yang telah memberikan kesan langsung kepada para pelabur asing dalam membuat pelaburan di Pulau Pinang dan negara ini amnya.

Walau dalam suasana ekonomi yang begitu terhimpit, Kerajaan Negeri telah berjaya menarik pelaburan asing sebanyak RM1.4 bilion dan masih mampu menunaikan tanggungjawab sosial serta menunjukkan keprihatinan kepada rakyat susah yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan.

YB Tuan Speaker, dalam Kerajaan Negeri sebenarnya merasa kesal ke atas keputusan tidak wajar Kerajaan Persekutuan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, semasa menambahkan peruntukan pembangunan sebanyak 15%, daripada RM200 billion kepada RM230 bilion iaitu kenaikan sebanyak RM30 bilion, tetapi peruntukan untuk Negeri Pulau Pinang tidak ditambah sebaliknya telah dikurangkan dengan begitu besar sekali, di mana projek-projek yang bersifat '*people-centric*' seperti monorel, PORR, dan pembesaran Empangan Mengkuang yang dianggarkan sebanyak RM4.7 bilion di cantas sama sekali.

Sememangnya, pemotongan projek peruntukan pembangunan sebanyak RM 4.7 bilion ini adalah pengurangan 80% daripada RM6,152 juta atau 3.1% daripada keseluruhan peruntukan asal RMK-9 sebanyak RM200 bilion. Daripada RM6,152 juta telah dikurangkan kepada hanya RM1,452 juta dan kalau dibandingkan baki yang tinggal RM1,452 juta, berbanding kepada kepada peruntukan RMK-9 yang baru iaitu RM230 bilion ini. Ia hanya merupakan 0.6% daripada jumlah peruntukan pembangunan RMK-9 yang baru. Daripada yang asal RMK-9 3.1% sekarang untuk Negeri Pulau Pinang, hanya tinggal 0.6% iaitu pengurangan sebanyak 80%. Ini adalah sungguh tidak adil kepada rakyat Pulau Pinang bila peruntukan ditambah 15%, tak ditambah pula, dikurangkan. Sehubungan itu, dalam Dewan yang mendukung hasrat dan komitmen keseluruhan rakyat Negeri Pulau Pinang sebagai pembayar cukai. Saya menggesa Kerajaan Persekutuan agar meneruskan projek-projek pembangunan tersebut atau menggantikannya dengan pemberian wang tunai RM4.7 billion ringgit kepada Kerajaan Negeri demi meneruskan pembangunan ekonomi negeri dan seterusnya menyeru seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang bersatu padu dan memiliki keyakinan berdikari untuk mengharungi sebarang cabaran yang boleh membawa kejayaan.

Sebagai kesimpulan Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sememangnya ingin menjalinkan hubungan yang harmoni dan baik dengan Kerajaan Persekutuan dalam semua aspek di mana ini merupakan usaha kita yang ikhlas untuk menjana pembangunan ekonomi yang kuat dan dinamik demi kebaikan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang. Demi pembangunan ekonomi negeri, marilah kita bersama-sama berganding bahu tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik agar rakyat dapat menerima manfaat hasil urus tadbir kerajaan yang telus.

Adalah diharapkan semua ADUN termasuk juga ahli-ahli dari pembangkang bersedia mempertahankan hak rakyat Negeri Pulau Pinang dengan bersatu hati bagi menuntut keadilan daripada Kerajaan Persekutuan agar Negeri Pulau Pinang diberikan layanan yang adil dan saksama tanpa diabaikan dengan menyokong usul ini. Adalah memang patut bahawa rakyat Pulau Pinang diberikan pulangan untuk hasil cukai yang dibayar. Sesungguhnya Kerajaan Negeri yang baru ini merupakan kerajaan rakyat dan adalah menjadi hasrat kita untuk saling membantu untuk merealisasikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri dinamik. Untuk itu, kita seharusnya buat pembaharuan yang radikal dan tampil dengan dasar-dasar yang lebih inovatif atau melaksanakan perubahan-perubahan bagi membolehkan prinsip CAT serta pemerintahan yang bersih dapat dilaksanakan. Dengan itu YB. Tuan Speaker, saya mohon mencadang.

**YB. Tuan Speaker :**

Seterusnya..ada ucapan penyokong.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dengan ini menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang menjana pertumbuhan ekonomi yang berasaskan perkembangan sektor pembuatan dan perkhidmatan. Terutamanya industri pelancongan dan sumber manusia. Kenaikan harga minyak yang mendadak serta iklim ekonomi dunia yang tidak menentu tentu sekali memberi implikasi yang amat besar terhadap kedua-dua sektor ini yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi Pulau Pinang.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, keputusan Kerajaan Pusat menaikkan harga minyak, gas semula jadi dan kadar elektrik pastinya memberi kesan yang amat negatif kepada para peniaga dan pekerja bawahan. Selain kenaikan kadar inflasi dalam suasana ekonomi yang mengecut, para pekerja juga menghadapi risiko kehilangan pekerjaan. MTUC umpamanya baru-baru ini menganggarkan seramai 50 ribu pekerja bakal kehilangan pekerjaan apabila para majikan bertindak membuang pekerja serta mengalih pengeluaran ke negara lain untuk mengelak daripada menanggung kerugian akibat daripada kenaikan harga minyak. Hal ini tentu sekali menghakis kuasa beli rakyat selain mewujudkan pelbagai masalah sosial yang akhirnya membawa kepada kemerosotan kualiti hidup rakyat. Sejak berlakunya peralihan kepemimpinan politik di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah melakukan usaha-usaha untuk memastikan pembangunan ekonomi negeri terus berkembang untuk memberi manfaat berterusan kepada rakyat. Ini termasuklah usaha Kerajaan Negeri di bawah kepemimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menarik pelabur asing berjumlah RM1.4 billion.

Kerajaan Negeri juga komited dalam menunaikan tanggungjawab sosial serta menunjukkan iktizam yang tinggi dalam agenda membela rakyat bawahan terutamanya mereka yang berada di dalam kelompok berpendapatan rendah dan miskin. Kerajaan Negeri percaya bahawa pembangunan yang seimbang dan peningkatan kualiti hidup rakyat yang berterusan hanya dapat lahir apabila ekonomi terus berkembang pesat. Oleh itu, keputusan Kerajaan Pusat mengurangkan peruntukan pembangunan untuk Negeri Pulau Pinang dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-9 amatlah tidak wajar, sedangkan peruntukan pembangunan keseluruhan ditambah sebanyak RM30 billion kepada RM230 billion. Keputusan membatalkan beberapa projek infrastruktur penting bernilai RM47 billion menghalang ....(dengan izin), kesan *treacle down* dalam ekonomi domestik yang pasti memberi impak yang amat negatif kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Justeru, saya menyokong penuh usul Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menuntut Kerajaan Pusat agar meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan tersebut atau menggantikannya dengan pemberian wang tunai RM4.7 billion yang merupakan wang rakyat dan pembayar cukai demi

meneruskan pembangunan ekonomi negeri. Kerajaan Negeri juga amat berbangga dengan pengiktirafan UNESCO terhadap Bandaraya Pulau Pinang dengan menobatkannya sebagai Bandaraya Warisan Dunia. Pengiktirafan ini pastinya memberi kesan positif kepada pertumbuhan industri pelancongan tempatan bila mana Pulau Pinang akan terus terpahat dalam peta dunia sebagai salah satu destinasi pelancongan terkemuka. Oleh itu, saya menyokong penuh usul Yang Amat Berhormat Ketua Menteri agar usaha-usaha memulihara senibina warisan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang diteruskan sebagai tanda penghayatan terhadap sejarah dan kebudayaan yang kita warisi tanpa mengorbankan kepentingan pembangunan negeri.

Selain daripada itu, usaha Kerajaan Negeri membudayakan sistem pentadbiran berdasarkan prinsip CAT perlu didukung. Apatah lagi pendekatan ini turut menjadikan nilai rohani sebagai asas penting pentadbiran Kerajaan Negeri. Ini terbukti dengan pendekatan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mencontohi kepimpinan Khalifah Ummar Abdul Aziz seorang pemimpin unggul Islam, di zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyah yang terkenal dengan sifat adil, amanah, prihatin terhadap nasib rakyat bawahan serta mengelakkan pembaziran dan rasuah dalam pemerintahan. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha telah dijalankan untuk menghapuskan amalan rasuah dan salah guna kuasa dalam pentadbiran Kerajaan Negeri terutamanya dalam pemberian tender-tender kerajaan. Dengan terhapusnya rasuah, salah guna kuasa, kita yakin bahawa bukan sahaja ketirisan dalam pengangihan kekayaan akan dapat di atasi, malah kepercayaan rakyat serta pelabur terhadap integriti Kerajaan Negeri juga akan meningkat. Ini tentu sekali mewujudkan iklim pelaburan yang mesra pelabur, dan melonjakkan pelaburan ekonomi negeri.

Komitmen Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam memerangi rasuah, memacu pertumbuhan ekonomi negeri dan membela nasib golongan bawahan, menunjukkan kesungguhan politik ....(dengan izin), *political view* Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sebuah pemerintahan yang adil, sejahtera dan demokratik yang akhirnya akan memberi manfaat kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Kesimpulannya, gagasan besar yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan memberikan faedah yang berterusan kepada seluruh rakyat

Negeri Pulau Pinang dalam mengecapi kehidupan yang adil, sejahtera dan demokratik. Kita yakin bahawa pendekatan ini akan mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat, merealisasikan pembangunan yang seimbang, menggalakkan amalan demokrasi, mewujudkan tadbir urus yang baik, ....(dengan izin), *good government* dan membela kebajikan rakyat terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dengan ini mohon menyokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian? Sila...Permatang Pasir..

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bangun. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi untuk turut membahaskan usul bagi menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sepertimana yang telah pun dibentangkan oleh beliau sebentar tadi dalam Dewan yang mulia ini bagi memohon Kerajaan Pusat agar dapat meneruskan projek-projek pembangunan yang merupakan pemusatan kepada rakyat atau pun *people centric* ....(dengan izin), terutamanya seperti Projek Monorail, Projek PORR dan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang.

Y.B. Tuan Speaker, Pulau Pinang mempunyai penduduk seramai 1.5 juta yang mewakili 5.6% daripada seluruh penduduk negara ini, dan merupakan antara negeri yang membayar cukai yang paling tinggi di dalam negara kita ini, sama ada dalam bentuk cukai individu atau pun cukai di kalangan para korporat. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh memohon balik wang itu sebagai geran daripada Kerajaan Pusat untuk negeri kita Pulau Pinang ini lebih-lebih lagi untuk pembangunan penting bagi rakyat negeri ini. Kita hendakkan peruntukan ini bukan untuk di poketkan dalam poket kita, ataupun bukan untuk kita beli, mata belalang, atau bukan untuk kita berfoya-foya melancong sana, melancong sini bersama anak dan isteri, tetapi adalah untuk kepentingan rakyat dan masyarakat kita, untuk kepentingan negeri kita, serta



untuk meneruskan *survival* kehidupan rakyat kita kearah negeri yang berkonsepkan kepada *The CAT Government* ....(dengan izin), kita minta itu adalah hak kita. Hak rakyat Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan harus sedar bahawa Yang Berhormat Tuan Speaker, bahawasanya kesesakan kenderaan yang melalui negeri kita amat meningkat sekarang, sudah melebihi 1 juta sebagai mana yang dinyatakan oleh YB. Bagan Jermal di dalam perbincangan hari kedua persidangan kita tempoh hari. Jika kita tidak mempunyai alternatif di dalam menguruskan perjalanan serta laluan untuk kenderaan-kenderaan kita dalam bandar umpamanya, maka kita akan khuatiri ianya akan menjadi limpahan kenderaan yang akhirnya akan menjadi *jammed* dalam bandar kita. Jika ini berlaku, maka dikhuatiri ianya akan menjejaskan reputasi pergerakan dan perjalanan rakyat kita untuk menghadapi penghidupan harian dengan lebih selesa di dalam sebuah negeri yang sedang menghadapi cabaran ekonomi, cabaran politik dalam dunia baru yang lebih terbuka sekarang ini.

Di samping ianya juga sedang berhempas pulas untuk menarik sebanyak mungkin pelabur ke dalam negeri ini dalam masa yang terdekat dan di dalam jangka masa panjang. Apatah lagi dengan adanya pengisytiharan bersejarah oleh UNESCO bagi meletakkan Pulau Pinang sebagai Bandar Heritage Dunia. Maka ianya akan menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara ini insya-Allah dan dengan itu ia amat memerlukan pada kemudahan-kemudahan pengangkutan awam serta kemudahan laluan yang sempurna di dalam bandar kita ini. Dalam hal ini, maka Projek Monorail, Projek PORR, tidak dapat tidak akan menjadi antara infrastruktur asas rakyat yang seharusnya diberi perhatian yang utama. Satu lagi projek yang seharusnya diberi keutamaan ialah pembesaran Empangan Mengkuang, iaitu bagi membekalkan air yang berkualiti kepada penduduk, memandangkan kepada projek yang asalnya akan menelan belanja RM950 juta yang akan dijangka naik kepada RM1.3 billion itu, ianya tidak perlu ditangguhkan perlaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan ke Rancangan Malaysia ke-10 kerana sumber air adalah keperluan asasi rakyat yang sangat perlu disegerakan. Pembesarannya akan membantu Pulau Pinang bagi memenuhi keperluan air dari semasa ke semasa...(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat. Ada peraturan.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, selaras dengan peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 29 Julai 2008 dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang.

**YB. Tuan Speaker:**

Ada sokongan?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6(a)(i) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 29 Julai 2008 dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan "Ya". Yang tidak bersetuju, katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya."

**YB. Tuan Speaker:**

Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui. Teruskan Yang Berhormat Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):**

YB. Tuan Speaker, pembesaran Empangan Mengkuang ini adalah satu (1) keperluan kerana sumber air meningkat dari masa ke semasa dan anggaran penggunaan air di Pulau Pinang bagi tahun ini dianggarkan lebih kurang di dalam lingkungan 250 billion liter di mana setiap orang di Pulau Pinang menggunakan air purata 270 liter sehari. Jadi dengan ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah penting untuk Kerajaan Pusat janganlah mereka menangguhkan lagi peruntukan yang hendak disalurkan sebagai dijanjikan semasa pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dahulu. Jadi dengan ini, saya harap supaya semua ahli-ahli Dewan ini dapat memberi sokongan yang bulat kepada usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, saya turut menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tadi. Sekian, terima kasih. (gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Seterusnya. Silakan Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Saya ada juga ingin mengucapkan terima kasih dapat memberi ucapan menyokong ucapan pada YAB. Ketua Menteri berkenaan usul beliau. Saya ingin di sini cuma menyentuh satu isu yang dibangkit beliau pada akhir ucapan tadi, iaitu satu isu yang penting yang mana YAB. telah menyatakan bahawa YAB. mengharapkan agar pihak pembangkang juga dapat menyokong usul yang telah dibentangkan beliau tadi. *Now*, untuk menunjukkan keikhlasan pihak pembangkang, maka saya dengan sesungguhnya mengharapkan agar mereka akan menyokong usul tersebut, kerana dengan menyokong usul tersebut ini akan menunjukkan mereka juga prihatin pada masalah yang disebabkan oleh Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri, di dalam tidak meneruskan dengan projek-projek dan menangguhkan projek-projek dan sebagainya.

Tetapi YB. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan saya mempunyai keraguan sama ada pihak pembangkang akan menyokong usul tersebut, ini adalah memandangkan saya sendiri telah membuat satu notis untuk meminda usul yang telah dibangkitkan ataupun dibentangkan oleh YB. Ahli Sungai Dua awal tadi di mana notis, usul beliau tersebut berbunyi sedemikian, sekiranya saya boleh baca YB. iaitu bahawa dewan ini mendesak Kerajaan Negeri supaya segera...(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

YB. usul itu dah ditarik balik, kita tak boleh sentuh dan kita tak boleh bincang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Ya, ini berkenaan, ucapan berkenaan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat, minta pembangkang menyokong usul beliau, saya ragu tindakan ini dibuat kerana tindakan mereka dalam menarik balik usul yang telah dibentangkan. Usul yang telah dibentangkan itu mendesak Kerajaan Negeri melaksanakan janji yang telah kononnya dibuat oleh pilihan raya lalu, saya membuat satu notis untuk pinda usul itu minta beberapa perkataan ditambah iaitu mendesak Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri melaksanakan janji tersebut, kerana ia...(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Saya minta YB. Datok Keramat terus untuk menyokong kerana telah ditarik balik dan kita tak boleh bincang lagi, bukan untuk perbahasan

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Ya sudah ditarik balik tapi ini menunjukkan Yang Berhormat saya merayu pada pihak pembangkang supaya menyokong. Jangan tunjuk keikhlasan, jangan macam tarik balik usul supaya tidak dapat dibahaskan *point* iaitu kita hendak mendesak Kerajaan Persekutuan mansuhkan tol di Sungai Nyior. Yang dibawa oleh mereka sendiri...(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Sekali lagi saya ingatkan supaya terus bawa usul menyokong, tidak menyentuh tentang usul yang telah ditarik balik itu, kita tidak boleh, dah ditarik balik dan kita tak boleh bahas, kerana usul itu dibawa oleh YB. Sungai Dua dan Sungai Dua yang akan diberikan peluang untuk membuat perbahasan tentang usul tersebut dan Sungai Dua dah tarik balik jadi kita tak boleh bincang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Saya tahu, YB. saya faham tapi saya tak mahu bincang tentang usul itu, usul itu tentang memansuhkan tol di Sungai Nyior, saya mahu bincang kelakuan, keikhlasan pihak pembangkang sama ada mereka hendak menyokong usul yang YAB. Ketua Menteri supaya mendesak Kerajaan Persekutuan meneruskan dengan projek-projek yang lain yang disebutkan dalam usul beliau bukan Sungai Nyior, sekiranya dapat difahamkan saya tak..... (gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Kalau untuk apa yang disebut oleh Ketua Menteri, teruskan, tapi tak boleh sentuh apa yang dikaitkan dengan YB. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Yang saya meragui keikhlasan sama ada pihak pembangkang akan menyokong usul yang dibuat YAB. Ketua Menteri kerana tindakan mereka di dalam menarik balik usul mereka setelah saya buat pindaan tersebut dan saya merayu di sini supaya diambil perhatian apa yang di nyatakan oleh YAB. Ketua Menteri berkenaan usul beliau. Sebagai anak Pulau Pinang, kita mesti sokong usul beliau sebagai anak Pulau Pinang semuanya sama ada pembangkang, Kerajaan Negeri, ini penting kerana sekarang banyak usaha-usaha yang akan memanfaatkan rakyat Pulau Pinang sedang di *block* oleh Kerajaan Persekutuan so kita

mesti membuat satu keputusan sebagai anak Pulau Pinang tak kira parti politik dari mana kita berasal, itu yang saya ingin nyatakan dan saya menyokong usul dengan sepenuhnya usul yang dibawa oleh YAB. Ketua Menteri. Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Ada lagi? YB. Sungai Dua dahulu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya meragui kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan YAB. Ketua Menteri tentang perangkaan sebenar yang telah diberikan Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. YAB. Ketua Menteri sepatutnya menyenaraikan semua projek-projek yang telah pun diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 sehingga kajian separuh penggal bulan Jun yang lalu. Dan yang sebenarnya apa yang disentuh oleh YAB. Ketua Menteri, RM4.7 billion ini, adalah kebanyakannya projek-projek penswastaan. Bukan peruntukan asal yang diberi kepada Kerajaan Negeri ini semua monorel, projek penswastaan, PORR, projek penswastaan, Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, hanya memperuntukkan RM693 juta sahaja peruntukan kerajaan.

Saya ingat YAB. Ketua Menteri seharusnya menyatakan angka-angka yang sebenarnya supaya rakyat faham dan tidak dikelirukan bahawa RM4.7 billion telah ditarik balik sebenarnya bukan macam itu, sebenarnya harusnya kita senaraikan balik apakah projek-projek yang telah diberi, banyak, pelebaran Jambatan Pulau Pinang, berapa juta? Berapa ratusan juta? Banyak kalau nak disenaraikan. Ini yang patut disenaraikan semasa kita nak mengubah usul ini supaya kita dapat gambaran yang sebenar. RTB berapa banyak peruntukan yang disediakan kerajaan RM1.2 billion. Projek pelebaran Sungai Pinang, projek keretapi berkembar, banyak, jadi saya ingat YAB. Ketua Menteri seharusnya memberikan perangkaan yang sebenar, jangan menyentuh tentang projek-projek penswastaan yang ditangguhkan kerana projek penswastaan ini sebenarnya sekadar RM693 juta sahaja yang ditangguhkan. Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli yang lain, KOMTAR...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

YB. Tuan Speaker, saya hairan juga, usul yang dibentangkan oleh YAB. macam tak jelas, macam sepertinya tak cukup, maka berebut-rebut daripada penyokong-penyokong kerajaan bangkit berucap dah ada penyokong, lepas itu sokong, sokong, sokong lagi, saya pun hairan juga lah, jadi saya biarlah tadi, nak berucap sangat. Ya, saya memang akui bahawa iklim ekonomi sekarang ini di Pulau Pinang ini agak tidak menentu dan juga di seluruh negara. Tapi perkara yang penting di sini, yang dibangkit di sini adalah RM4.7 billion. Tak payahlah pergi ke sana cerita pasal pelaburan, tak payah cerita pasal pelancong itu dan ini. Pokoknya RM4.7 billion yang dipohon. Untuk projek mega ada tiga. PORR atau '*Penang Outer Ring Road*', monorel dan satu lagi adalah pembesaran Empangan Mengkuang. Jadi apa yang saudara katakan tadi ialah benarkah projek Monorel itu, *costing* yang telah dijanjikan ialah sebanyak 2 billion dan juga PORR itu sebanyak RM1.5 billion. Sebenarnya projek-projek ini adalah projek penswastaan. Penswastaan bukan ertinya 100% mesti diberi oleh Kerajaan Negeri. Mungkin Kerajaan Pusat akan beri RM200 hingga RM300 juta bagi satu projek untuk membuat kerja-kerja pengambilan tanah, membuat kerja-kerja ukur, membuat kerja-kerja *consultancy* dan lain-lainnya. Yang itu pihak swasta yang dirikan. Seperti macam Pulau Pinang, yang ambil tol, dia kutip dan sebagainya. Begitu juga dengan monorel. Kalau Kerajaan Pusat bagi monorel, sebanyak RM2 billion, ertinya semua orang boleh naik *free*, adakah itu maksudnya? Saya ingat dalam perangkaan ini harus dibetulkan dahulu. Ya, perangkaan ini, yang cerita kepada rakyat RM4.7 billion, RM4.7 billion yang kita ceritakan adakah betul? Ini yang persoalannya, yang betul, betul kita boleh sokong, tapi sebabnya tak betul ini yang agak kita yang agak keliru, tak payahlah YB. Datok Keramat kata, kita tak yakinlah, itulah ini, ya usul kita, usul yang dia buat tadi, yang YB. Jasmin buat pun tadi dia tumpang sahaja. Buatlah usul sendiri keaslian mesti ada. Kita nak tumpang sahaja, kemudian nak 'bom bang bom bang'. Dan lagi ialah Kerajaan *Federal* mengatakan bahawa projek ini ditangguhkan sementara, bukan ertinya dia potong terus, itu tidak bermaksud macam bagi *outright grant* RM4.7 billion.

Itu yang mesti diperjelaskan lain daripada *privatization* atau pun penswastaan dengan *outright grant* dan Mengkuang Dam itu pula *soft loan* yang tak kena dengan *interest atau free of interest ....* (dengan izin), itu yang kita patut minta, bukan kita mengkaburi rakyat kita cerita RM4.7 billion, RM4.7 billion macam mana kami nak sokong?. Keadaan *figure* itu sendiri, perangkaan itu sendiri harus diperbetulkan, jangan terus mendesak letakkan dalam mulut kami suruh kami sokong, itu tak betul. Ya kami pun rasional, jangan menganggap kata kami ini tidak tahu langsung boleh suruh macam itu, *no*. dalam Dewan ini kita berbahas bagi pandangan dan sebagainya. Sekarang ini saya beri pandangan saya, okay, dan dalam ucapan saya hari itu pun, faktor yang kedua ialah kedua, ialah saya kata minta *master plan* tentang pengangkutan ini direka, diusahakan oleh golongan profesional then kita cakap. Jangan buat seperti *ad-hoc* saya tak mahu lanjut dah saya dah bercakap panjang dah hari itu. Mengenai dengan pembayar cukai, saya tidak tahu mungkin apa yang disebutkan oleh YB. Permatang Pasir itu yang mengatakan bahawa Pulau Pinang pembayar cukai yang paling tinggi di negara ini, saya tak tahu yang itu.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):**

Saya tak kata Pulau Pinang yang paling tinggi, tapi salah sebuah negeri yang paling tinggi, adalah negeri-negeri lain dalam senarai itu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Okay, tak mengapa, kita semak verbatim esok, ok kita terima. Pembayar cukai, semua orang pembayar cukai tapi persoalan pengangkutan yang disebut ini ada sebahagian rakyat Pulau Pinang yang pembayar cukai tak setuju. Selagi sistem pengangkutan, master plan, komprehensif itu tidak diselesaikan.

Ada sebahagiannya ada sampai 20 NGO, itu benda-benda itu kita ambil kira, kita pertimbangkan, kalau sampai satu ketika benda-benda esok bawa benda lain, kita boleh bicara lagi. Terima kasih YB. Tuan Speaker.



**YB. Tuan Speaker:**

Seterusnya, Yang Berhormat Komtar.

**Ahli Kawasan Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik):**

Terima kasih atas peluang yang diberikan oleh YB. Tuan Speaker bagi saya turut menyertai perbahasan ke atas usul yang dikemukakan oleh YAB. Ketua Menteri. Ini memang merupakan satu usul yang penting yang memerlukan sokongan sebulat suara oleh Dewan yang mulia ini termasuk juga sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pasir tadi.

Kita telah diberikan mandat oleh rakyat Negeri Pulau Pinang untuk memainkan peranan kita sebagai wakil rakyat kita tanpa mengambil kira latar belakang parti politik yang kita wakili. Kita perlu mempertahankan segala kepentingan Negeri Pulau Pinang sehinggalah ke akhir hayat kita. Janganlah kita membelakangkan kehendak rakyat Negeri Pulau Pinang. Janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional menafikan atau menarik balik mana-mana usul yang berkepentingan rakyat demi tujuan untuk membantah sahaja. Ini bukanlah sikap bertanggungjawab yang ada pada seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Tindakan Ahli Yang Berhormat Sungai Dua untuk menarik balik usulnya yang begitu penting maknanya amat menghampakan kita semua. Adakah ini bermaksud bahawa pemansuhan tol di Sungai Nyior tidak penting lagi. Mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tidak berani untuk berhadapan dengan segala dosa yang telah mereka lakukan sebelum ini. Jikalau Barisan Nasional ingin menawan balik hati rakyat .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Haji Mohd Hamdan bin Abd. Rahman):**

YB. Tuan Speaker, minta izin, yang ini isu usul lain. YB. Tuan Speaker telah beri nasihat sudah tadi, usul ini tidak dibincangkan lagi.

**Ahli Kawasan Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik):**

Saya tidak bincang itu, saya bahas usul yang dikemukakan oleh YAB. Ketua Menteri. Jikalau Barisan Nasional ingin menawan balik hati rakyat Negeri Pulau Pinang, janganlah kita membelakangkan kehendak rakyat negeri yang terkandung dalam usul yang mulia ini. Jikalau ini merupakan projek-projek penswastaaan yang tidak melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Sungai Dua. Mengapa kerajaan tidak meneruskan tetapi menangguhkan projek-projek tersebut, sokonglah, teruskanlah dan kembalikan wang kita. Sokonglah usul ini pada prinsip usul ini dan janganlah kita hanya tertumpu untuk mempertikaikan angka-angka yang terkandung dalam usul ini. Bagi saya angka-angka yang terkandung ini bukanlah unsur yang terpenting tetapi pada prinsipnya saya meminta ahli-ahli daripada barisan pembangkang turut menyokong usul ini.<sup>3</sup>

Ahli Yang Berhormat Telok Bahang mendakwa bahawa Barisan Nasional selalu buat yang terbaik untuk rakyat seperti pada pagi ini. Adakah keputusan Kerajaan Persekutuan untuk menangguhkan projek-projek pembangunan yang penting untuk rakyat Negeri Pulau Pinang merupakan angkara Barisan Nasional yang selalu buat terbaik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Penangguhan projek-projek tersebut telah meletakkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam keadaan yang serba salah atau tidak menentu di mana projek-projek tersebut langsung tidak dapat dijalankan atau dipinda konsepnya atas sebab Kerajaan Persekutuan tidak melepaskan projek tersebut untuk dikendalikan atau diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Bagi saya ini merupakan satu taktik Kerajaan Persekutuan untuk mencetuskan rasa kesal di kalangan pengundi-pengundi Negeri Pulau Pinang yang telah menyokong parti-parti pemerintah sekarang dalam pilihan raya yang diadakan 8 Mac 2008. Walau bagaimanapun, saya amat yakin bahawa rakyat Negeri Pulau Pinang tidak akan mudah diperdayakan oleh taktik yang kotor ini.

Rakyat Negeri Pulau Pinang merupakan golongan pengundi yang gagah berani, berpandangan jauh dan lantang untuk menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap Barisan Nasional. Mereka juga rajin belajar, bekerja atau berniaga serta menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai. Tambah lagi dengan perkembangan ekonomi yang pesat di Negeri Pulau Pinang khasnya dengan kedudukan Negeri Pulau Pinang yang kembali berperanan sebagai lokomotif ekonomi serantau. Saya pasti bahawa sumbangan rakyat Negeri Pulau Pinang terhadap ekonomi negara tidak kurang daripada negeri-negeri yang lain. Walaupun kita sekarang ini diletakkan di bawah sebuah pentadbiran yang baru, namun kesetiaan dan ketaatan rakyat Negeri Pulau Pinang terhadap negara kita memang tidak dapat dipertikaikan.

Kerajaan Persekutuan seharusnya menghormati hak demokrasi dan kebebasan rakyat Negeri Pulau Pinang seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan bertindak adil serta prihatin terhadap keperluan dan permintaan rakyat kita. Kita telah menggariskan 3C iaitu *crime* bagi kadar jenayah, *congestion* bagi kesesakan lalu lintas dan *cleanliness* sebagai hala tuju untuk menggerakkan Negeri Pulau Pinang ke arah sebagai sebuah bandaraya yang bertaraf antarabangsa. Untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas, projek-projek pembangunan seperti monorel dan sebagainya adalah diperlukan. Monorel merupakan satu-satunya alat pengangkutan yang berkos jauh lebih rendah serta lebih cepat dan pantas dalam mengangkut penumpang-penumpang ke destinasi-destinasi tertentu dalam masa yang tersingkat. Ini merupakan impian rakyat Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 10 tahun yang lepas. Jikalau kita perlu menunggu 10 tahun lagi atau 20 tahun lagi untuk merealisasikan projek tersebut, rakyat jelata Pulau Pinang pastinya akan mengalami kesengsaraan hidup ekoran daripada kesesakan lalu lintas yang semakin serius.

Bagi Kerajaan Persekutuan, RM4.7 bilion bukanlah satu angka yang besar tetapi bagi kita angka ini amatlah berbeza bagi sebuah negeri yang kekurangan sumber ekonomi yang lain selain daripada terus bergantung kepada industri pembuatan, industri pelancongan dan industri perkhidmatan. Jikalau ...(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat Komtar cuba hadkan kepada 2 minit lagi.

**Ahli Kawasan Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik):**

Jadi saya amat berharap usul yang mulia ini dapat disokong oleh rakyat jelata Negeri Pulau Pinang yang berfikiran waras. Sokongan kita terhadap usul ini tidak boleh diertikan sebagai bahawa kita adalah sebagai pengemis politik yang asyik mengemis peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan. Malah ini merupakan hak-hak kita sebagai rakyat Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan peruntukan pembangunan yang sewajarnya. Selagi hayat kita dikandung badan, selagi kita merupakan Warganegara Malaysia, selagi kita pembayar cukai yang bertanggungjawab, janganlah kita dianak tirikan oleh Kerajaan Persekutuan. Sebagai anak watan Negeri Pulau Pinang, saya dengan hati yang penuh ikhlas menyokong penuh usul ini. Sekian, terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Terima kasih Yang Berhormat Komtar. Seterusnya Yang Berhormat Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Tidak lebih daripada 5 minit.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Sedikit sangat. Kita 21 KADUN dan 21 ADUN, bolehlah. Satu kampung boleh tambah sedikit.

**YB. Tuan Speaker:**

Tidak mengapalah 5 minit, kalau tidak susahlah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

YB. Tuan Speaker, sebenarnya YB. Tuan Speaker, projek Jambatan Kedua, monorel dan PORR ini memang dahulu telah dirancang dan saya adalah salah seorang yang menyokong kuat ketiga-tiga projek ini kerana saya tahu ini keperluan rakyat Negeri Pulau Pinang dan memang Kerajaan Pusat sudah okay dan projek Jambatan Kedua telah pun diluluskan. Sebenarnya berjalan tetapi lambat sedikit, monorel dan sebagainya. Itu yang disebut oleh Yang Berhormat Penaga, itu adalah projek-projek penswastaan, Mengkuang, kerajaan telah beri sambung balik Rancangan Malaysia Ke-9, RM40 juta. Memang kita sokong dan saya yakin kebetulan bukan kerana Kerajaan Pusat hendak buat aniaya kepada Kerajaan Negeri tidak. Ianya kerana kebetulan keadaan hari ini gawat dan perbelanjaan begitu banyak khasnya untuk subsidi yang mencecah sehingga RM50 bilion. Dahulunya dalam RM20 bilion tetapi sekarang telah menjadi RM50 bilion dan memang peruntukan untuk pembangunan terpaksa dikurangkan. Ini apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat maka tidak timbul masalah Kerajaan Pusat menganiayai Kerajaan Negeri ataupun rakyat Negeri Pulau Pinang. Itu tidak dan saya yakin itu tidak kerana kebetulan kalaulah Kerajaan Barisan Nasional juga terus memerintah, begitu juga akan berlaku. Bukan kerana Kerajaan Pakatan maka ini berlaku, tidak.

Saya lihat rezab Kerajaan Negeri seperti yang disebut oleh YAB. Ketua Menteri ialah RM300 milion dan memanglah tidak boleh hendak pakai banyak kerana hendak kena simpan sekurang-kurangnya dua tahun perbelanjaan emolument. Dua tahun lebih kurang dalam RM140 juta tetapi saya juga tahu, ini angka yang saya tahu dahulu Kerajaan Negeri juga terhutang dengan Kerajaan Pusat RM800 juta dan tertunggak lebih kurang RM90 juta. Ini semua saya tahu angka-angka yang saya tahu dahulu dan memang kita terpaksa berhati-hati dalam hal kita hendak berbelanja. Tetapi apa yang saya hendak pertikaikan ialah about turn yang dibuat oleh pihak Pakatan, pihak DAP khasnya. Dahulu tidak mahulah projek-projek ini semua membazir tetapi sekarang semua boleh, sekarang semua mahu. Ini pun saya pun peliklah dahulu YAB. Ketua Menteri dahulu duduk Melaka dan sekarang Pulau Pinang, sudah pusing.

Satu lagi yang disebut oleh YAB. Ketua Menteri ialah skandal tanah, dua skandal tanah yang kosnya RM140 juta. Ini mana datangnya *figure* ini saya pun tidak tahu. Hilmi *make* RM14 juta belanda. RM14 million dekat mana datang. Saya sudah katakan bahawa Kerajaan Negeri, ini kes dalam mahkamah, okaylah dan Kerajaan Negeri boleh argue yang sepatutnya tidak sampai bayar banyak itu RM140 juta ini, banyak sangat. Mungkin, tidak tahulah kalau Kerajaan Negeri buat orientation dalam mahkamah, mungkin kos yang dikenakan tidak banyak, mungkin sedikit sahaja. Saya ada sebut banyak kali lesen pengeluaran batu di atas kuari itu sebenarnya adalah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri tiap-tiap tahun. Kalau Kerajaan Negeri tidak mahu beri, tidak payah, tidak sambung dan bermakna pihak syarikat tidak boleh dikeluarkan batu. Pergilah buat orientation yang lebih baik. Ini tugas Kerajaan Negeri sekarang. Kerajaan Negeri dahulu ini sebenarnya telah dibuat. Kerajaan Negeri dahulu telah berusaha dan kes ini sebenarnya bukan dibawa oleh kerajaan sekarang, oleh kerajaan dahulu Kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya harap dibuat pembetulan fakta. Saya harap RM140 juta pun diterangkan apa dia. Saya tidak tahu dan ini menjejaskan nama saya tetapi tidak mengapa pagi tadi saya telah terangkan kepada press hari ini. Tetapi betul Kerajaan Negeri bukan bersendirian dalam hal mentadbir negeri. Kita juga sebagai Kerajaan Negeri, bukan kitalah, sebelah sana. Saya selalu lupa, minta maaf, lama sangat.

**YB. Tuan Speaker:**

Hendak menyesuaikan diri ya susah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Kerajaan Negeri tidak bersendirian, Kerajaan Negeri juga dapat hasil bantuan daripada Kerajaan Pusat, banyak. Ini pun maklumat daripada dahulu. Kerajaan Negeri dapat pemberian pertambahan hasil, pemberian keseimbangan, pemberian kiraan kepala, pemberian penjagaan jalan, pemberian tahap pembangunan, pemberian perbelanjaan mengurus. Ini semua dapat lebih kurang RM100 juta setahun dapat dan mungkin oleh kerana Kerajaan Negeri tidak bayar cukai maka mereka potong sedikit, potong meja. Ya, ini berlaku. Saya tahu ini berlaku. Jadi kalau kita bersikap rasional kita kena berbuat-buat baiklah. Tidak payalah buat usul ini, memang kerajaan .....(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Penjelasan, tadi Yang Berhormat cakap bahawa Kerajaan Negeri, tidak bayar hutang, ya betul. Kerajaan Negeri tidak bayar hutang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ini bukan tidak bayar hutang. Hutang Kerajaan Negeri lebih kurang RM800 juta tetapi ada tertunggak RM90 juta. Bayaran tahunan mungkin ada tertunggak.

**YAB. Ketua Menteri:**

Tetapi Yang Berhormat cakap bahawa Kerajaan Negeri tidak bayar hutang. So, saya hendak tahu mengapa tidak bayar kerana masa itu masa Yang terhormat, Kerajaan Barisan Nasional pun serupa. Ini Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, dua-dua pun Barisan Nasional mengapa masa itu tidak bayar dan kita pula kena tanggung pula.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Ya, sudah jadi kerajaan kena bertanggungjawablah. *It's carry on*, ini tidak boleh. Oh ini kerajaan dahulu ..... (gangguan). Hendak jadi kerajaan kena ambil semua. Bayarlah, usaha bayar. Oh, mahu ambil yang baik sahaja dan yang tidak baik, tidak mahu ambil. Ambil semualah.

Tuan Yang DiPertua, sebab itu telah banyak kali saya katakan, kita Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya harap Kerajaan Negeri hari ini berusaha cari jalan untuk merapatkan hubungan kita dengan Kerajaan Pusat supaya kita dapat segala dan yang sebutkan tadi RM100 million ini adalah militari yang Kerajaan Pusat beri. Yang ini tanggungjawab Kerajaan Pusat dia kena beri dan yang lain-lain ada tambahan. Saya hendak ingatkan juga bahawa kita sini adalah sikap cara kerajaan hari ini adalah kerajaan *federal, federalisation* maknanya cukai daripada semua negeri-negeri dibawa ke *federal* ke tabung *consulate fund* ini dan diagih-agihkan kepada negeri yang lebih perlu daripada negeri-negeri yang lebih maju.

Contoh Sabah, dia perlukan bantuan banyak. Kemiskinannya 23% berbanding kita 0.3%. jadi perlulah bantuan banyak kepada Sabah. Jadi ini, *from side federal* jadi kita kena faham. Bukan makna kalau cukai yang diambil daripada negeri itu mestinya semua datang balik kepada negeri itu. Kalau begitu tidak adillah kepada negeri yang lain yang di bawah *federal* ini. Jadi itulah yang saya hendak tekankan Tuan Yang DiPertua ini.

Kita di pihak pembangkang ini, kita memang kita tidak begitu sahaja, maksud saya kita hendak, kita mahu, kita sokong projek-projek itu tetapi kalau kita lihat sebenarnya kalau kita kaji balik hendak buat penswastaan memang tidak boleh, tidak berdaya maju. Monorel RM1.2 milion, kita punya daidershipnya berapa, berapa *conventation* daripada kereta pergi ke monorel dan apa lagi PORR. Kalau kita buat penswastaan, berapa hendak caj tol. Ini juga boleh membebankan rakyat sebab itu mahu tidak mahu, kita harap Kerajaan Pusat akan membantu kita. Mungkin sekarang tidak, ditangguh. *Penang Bridge* ditangguh jadi yang ini tidak dijalan. Kita harap in future pada masa akan datang Kerajaan Pusat bila keadaan kewangan lebih baik maka meraka akan membantu kita. Ini harapan kita dan sebab itu, kita perlulah walaupun Kerajaan Pakatan perlu bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Sekian, terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

YB. Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tadi YB. dari Penaga katakan *build up* PORR dan juga monorel itu adalah projek-projek swasta tetapi kenapa diumumkan oleh Perdana Menteri pula kalau dia swasta? Jadi, sebabnya projek-projek ini adalah dibina, diuruskan oleh JLC *Jambling Company*. Ini sebabnya kenapa kita perlu bantuan daripada Kerajaan Pusat.



YB. Tuan Speaker, pada pertengahan tahun 1960 an Negara Britain mengalami satu kegawatan ekonomi yang cukup teruk. Harga barang naik mendadak pada masa yang sama ekonomi tidak berkembang. Salah seorang ahli Parlimen yang bernama Yan Meng Koit menamakan gejala tersebut sebagai *stuck flations* ...(dengan izin). *stuck flati* bermaksud pertubuhan yang terencat dan inflasi berlaku pada masa yang sama. Pada 4 Jun 2008, YAB. Perdana Menteri mengumumkan kenaikan minyak dan kos tenaga yang cukup mendadak. Kenaikan ini bukan sahaja bersamaan malah lebih teruk daripada yang berlaku di Negara Britain pada tahun 60-an. Jadi, kesan kenaikan minyak secara mendadak dan melampau ini telah menyebabkan impak yang besar kepada peniaga dan menghakis kepercayaan pengguna dan rakyat jelata. Contoh yang paling ketara mengikut laporan MIER *Malaysian Institute of Economic Research* yang dipaparkan oleh akhbar *The Star* pada 18 Julai 2008 yang bertajuk *Consumer Sentiment For To All Time Low*. Pihak pembangkang sering menyatakan hubungan yang tidak erat antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah punca utama Negeri Pulau Pinang tidak mendapat peruntukan. Sikap sesetengah pihak yang ditunjukkan oleh mereka, sikap yang cukup angkuh yang ditunjukkan oleh sesetengah mereka seolah-olah telah lupa bahawa tugas kerajaan, tugas wakil rakyat adalah untuk menjaga kepentingan rakyat. Jadi, saya ingin seru kepada pihak pembangkang supaya kita marilah sama-sama kita bermohon kepada pihak kerajaan untuk membantu penduduk Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang kerana kita sama-sama dipilih oleh penduduk dan rakyat Pulau Pinang.

Wawasan Kerajaan Negeri cukup besar, Kerajaan Negeri ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya antarabangsa *global city* yang merupakan pilihan para pelancong, pelabur dan memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Hasrat ini boleh dicapai jika semua rakyat Pulau Pinang berganding bahu mengusahakannya dengan gigih. Tanggungjawab ini bukan sahaja dipikul oleh Kerajaan Negeri sahaja tetapi juga kakitangan kerajaan dan rakyat jelata sekalian. Ia seharusnya dipikul oleh segenap lapisan warga Pulau Pinang. Dari kalangan rakyat kita perlu berusaha, berganding bahu dengan Kerajaan Negeri pada saat-saat yang genting ini. Marilah kita sama-sama mendukung hasrat Ketua Menteri dan juga Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Mutiara bersinar semula. Marilah kita bekerjasama sendiri tanpa mengira

kaum, bangsa dan fahaman politik demi kebaikan negeri yang tercinta ini. Daripada golongan kakitangan kerajaan dan pentadbir pula, kita sedang menghadapi krisis kepercayaan kepada kerajaan dan perkhidmatan awam. Ini mungkin disebabkan oleh pentadbiran lembap yang lepas. Pandangan negatif rakyat terhadap kerajaan dan perkhidmatan awam menyakitkan hati kita semua. Jadi, adalah penting kita melakukan sesuatu untuk mengembalikan kepercayaan rakyat. Mari kita sama-sama mendokong sistem pentadbiran CAT cekap, akauntabiliti dan telus di bawah kerajaan yang baru. Ini merupakan sesuatu sistem yang diterapkan dengan nilai rohani yang mampu membolehkan kepercayaan ke atas kerajaan semula. Para kakitangan kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam kesibukan seharian mungkin kita sudah lupa kenapa kita menceburi bidang perkhidmatan awam *public service* ....(dengan izin).

Mari kita imbas kembali bersama-sama tujuan kita menyertai bidang *public service* sama ada dalam perkhidmatan awam atau politik bukan untuk mencari pekerjaan yang stabil, bukan untuk kepentingan diri malah bukan untuk mencari kekayaan. Kita sedia maklum bahawa *public service* adalah suatu bidang yang cukup mencabar tetapi pulangnya tidak lumayan. Kalau kita menceburi bidang swasta kemungkinan kita akan mendapat gaji yang lebih daripada yang kita dapat sekarang. Jadi, kenapa kita menceburi *public service*? Kenapa kita menceburi perkhidmatan awam? Saya rasa kebanyakan kita ingin membuat sesuatu *make difference* untuk negeri dan negara kita ...(dengan izin). Kita mempunyai impian yang cukup tinggi untuk negara kita. Kita ingin menjayakan negeri dan negara kita. Kita ingin menjadi salah seorang yang menjayakan impian tersebut *we want to be part of something that is greater than our selves* ...(dengan izin). Jadi, adalah penting kita balik kepada pangkal idealisme.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan. Saya Cuma hendak membuat pembetulan tadi tentang tadi YB. kata, YB. daripada Pulau Jerejak kata kenapa kalau projek PORR dengan monorel projek penswastaan kenapa Kerajaan Pusat yang umumkan? Ini sebenarnya projek ini telah diluluskan oleh EPU. Semua projek-projek pengswastaan yang besar-besar ini diluluskan oleh EPU sebab itu Kerajaan Pusat mengumumkan walaupun projek itu projek pengswastaan.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Sim Tze Tzin):**

Terima kasih. Jadi adalah penting kita balik kepada pangkal idealisme yang mungkin sudah terpendam antara kita.

**YB. Tuan Speaker:**

YB. Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin):**

Cuma satu ungkapan lagi. Marilah kita sama-sama membangunkan semula semangat idealisme tersebut. Mari kita sama-sama mengemblengkan tenaga untuk memajukan negara kita, negeri kita bersama-sama. Dengan ini saya memohon menyokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Ya, seterusnya Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

YB. Tuan Speaker, saya akan ringkaskan hujah saya atau perbahasan saya menyokong usul YAB. ketua Menteri. Saya tertarik sekali dengan perbahasan yang diberikan oleh YB. daripada Penaga dan juga Telok Bahang. Memang saya kena akui bahawa mereka adalah...(dengan izin), *experience politician* yang boleh bercakap begitu begini, pergi sana, pergi sini, pergi sana ubah suai tapi sepanjang prosiding di Dewan Undangan Negeri beliau langsung tidak menafikan hakikat bahawa beliau yang menyeru Kerajaan Persekutuan membatalkan projek-projek ini. Saya juga ingin tanya sebelum beliau menjadi Ahli UMNO atau Ahli Barisan Nasional. Adakah beliau lupa kewajipan beliau kepada penduduk-penduduk di kawasan beliau sendiri? Bukankah penduduk-penduduk di kawasan Penaga akan juga menerima manfaat daripada projek-projek ini? Bukankah ahli-ahli daripada ke semua penduduk-penduduk di semua kawasan di mana terdapatnya pemimpin-pemimpin dan ADUN-ADUN Barisan Nasional juga akan menerima manfaat? Tapi.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin in Mohamed):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sebentar, saya tidak bagi masa, duduk. Saya tidak bagi laluan. Saya ingin juga menyatakan di sini, biar perkara ini tersiar di surat khabar kita dapat tengok, kita dapat lihat betapa ikhlasnya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang ingin menyeru Kerajaan Persekutuan supaya membalas dendam kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang kerana memilih kerajaan pakatan rakyat. Biar rakyat Pulau Pinang jelata juga lihat betapa sempitnya minda pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini yang dilantik oleh mereka untuk mewakili mereka supaya dengan harapan pilihan raya akan datang itu, kita berharap bahawa pada masa yang akan datang.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan.....(gangguan). Saya tidak mahu guna *point of order*, saya kata menyempitkan fikiran saya tidak mahu, saya minta *want of order*. Okay, tetapi mengatakan bahawa Telok Bahang dan saya begitu begini, kita daripada awal dulu ucapannya ialah *you* sediakan *master plan* pengangkutan. Kemudian ini saya kata *figure*....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):**

Apa-apa pun kena baca dulu apa-apa *order* yang bahas.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya minta laluan. Saya tidak *interested* hendak bercakap dengan *you*.....(gangguan). 4.7 saya kata benda pengswastan yang kerajaan ambil kira masuk sebab itu macam mana hendak sokong. Okay? Itu saja. Bukan kata kalau rakyat tidak boleh, saya telah lima kali bertanding untuk ingatan. Okay.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tapi ...(dengan izin) YB. Tuan Speaker, saya rasa lima kali bertanding pun niatnya kena ikhlas. Saya di sini ingin menyatakan bahawa dalam membahar perkara-perkara di sini YB. Tuan Speaker, kita tidak perlu menuju kepada butir-butir terperinci mengenai perkara-perkara terperinci tetapi usul itu jelas menunjukkan niat kerajaan pakatan rakyat untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Di sini.....(gangguan). Tidak, Saya tidak bagi, duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya rasa ahli-ahli pembangkang ini cuba hendak mengalihkan isu mengatakan tiada butir-butir, tidak butir-butir di situ dan sebab itu mereka tidak boleh menyokong dan sebagainya ini adalah satu perkataan ini ialah perkara yang saya gunakan sekali lagi sandiwara.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tidak bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Minta laluan. Bagilah. *Please?*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

*Sorry* saya tidak bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

*Please?* Saya minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya tidak bagi. Minta maaf YB. Tuan Speaker, saya tidak bagi. Minta maaf. *Point of order* saya beri.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Apa ini saya sikit saja.....(gangguan) Takan tidak boleh.... (gangguan).

**YB. Timbalan Speaker:**

Ya bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Sebenarnya begini Tuan Speaker, ahli daripada Seri Delima saya difahamkan profesion seorang lawyer. Jadi, biasalah kalau di mahkamah kita berdebat berhujah semua mesti ada fakta. Fakta itu mesti kena tepat, dibuktikan begitu juga dengan kami di sini barisan pembangkang. Hendak menyokong satu usul pun, kita tidak akan sokong membuta tuli kita adalah Ahli-ahli Dewan yang rasional.

Kita perlu kepada satu pembuktian, perlu kepada perangkaan yang sebenar yang logik yang boleh diterima oleh semua pihak, baru kita boleh terima. Jangan pertikai kita ikhlas atau tidak ikhlas. Kita hendak tapi ahli daripada Penaga menyatakan minta kebenaran tentang *figure* perangkaannya yang sebenar. Jadi biar benda itu betul, usul ini usul yang cukup penting semua orang akui usul ini penting. Kalau usul ini penting maka hujah-hujahnya juga mesti kemas. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

YB. Tuan Speaker ...(dengan izin,) saya percaya bahawa semua alasan yang diberikan oleh ahli-ahli pembangkang ialah cuma ingin berdolok-dalih tanpa menuju kepada isunya. Hakikatnya adalah pemimpin parti pembangkang di sini ialah YB. daripada Penaga dan beliau telah pun menyatakan bahawa telah saya katakan menyeru Kerajaan Persekutuan supaya membatalkan projek-projek ini dan jelas sekali kalau beliau adalah seorang pembangkang di Dewan yang mulia ini, beliau juga tidak menafikan bahawa beliau ada membuat pernyataan tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain memang ada di bawah *his control* dan tidak boleh memberikan fikiran atau pandangan mereka secara *independence*. Jadi, saya sekali.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

*Point of order.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Dengan izin.

**YB. Tuan Speaker:**

Okay, sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Peraturan.....(gangguan). Saya juga hendak gunakan juga ini.....(gangguan). Mengikut perkara 46 (13) (c) menggunakan perkataan yang menyakitkan hati berdolak-dalih sandiwara. Apa lagi?.....(gangguan). Kita ini semua di bawah kontrol ketua pembangkang. Tarik balik, saya *demand* tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tuan Speaker, saya tidak akan menarik balik perkataan tersebut kerana perkataan tersebut tidak begitu teruk seperti perkataan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Tuan Speaker.....(gangguan). Tuan Speaker, sila buat *ruling*.

**YB. Tuan Speaker:**

YB. sila duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

YB. Tuan Speaker,...(dengan izin).

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat, peraturan telah dibacakan. Itu saya telah ingatkan beberapa kali, bila satu pihak mula dengan tomahan dan sindiran yang satu lagi akan membuat perkara yang sama. Jadi saya telah katakan bila ini berlaku hormat-menghormati sudah tidak ada. Bila Dewan ini perasaan hormat-menghormati sudah tidak ada kontrol masing-masing cuba hendak memperkecilkan antara satu sama lain sebab itu saya tidak benarkan, saya katakan jangan terus menggunakan peraturan. Peraturan ini cukup serius, bila dibangunkan dengan peraturan cukup serius. Ia macam mahkamah juga, Jadi elakkan, elakkan untuk membawa peraturan.



Bila peraturan di bawa penghukuman kena ada, ketetapan kena di buat. Jadi untuk ini saya hanya minta Seri Delima teruskan dan berhentikan, jangan ulang lagi dan untuk yang lain juga, yang lain juga jangan dimulakan tohmahan dan sindiran. Kadang-kadang kita kena biar, kadang-kadang ada juga orang kata di Pulau Pinang peril-memperli, sikit-sikit terimalah, terimalah tetapi jangan sensitif sangat, kita semua jangan terlalu sensitif. Silakan, teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

YB. Tuan Speaker, perkataan itu bukan sensitif, jangan cicivi.

**YB. Tuan Speaker:**

Saya beri masa Seri Delima 2 minit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih. YB. Tuan Speaker, jadi saya sebulat suara menyokong, menyokong usul yang dibawa oleh YAB. Ketua Menteri kerana saya percaya seperti pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat yang lain yang berada di Dewan yang mulia ini, usul ini adalah demi kesejahteraan semua rakyat Pulau Pinang yang akan mencapai nikmat dengan usul ini. Saya mohon menyokong YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Berhormat saya rasa saya dah beri banyak kesempatan untuk semua orang berbahas dan kita akan mendapatkan keputusan Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul .... .. (gangguan)

**YAB. Ketua Menteri:**

YB. Tuan Speaker : Gulung-gulung.

**YB. Tuan Speaker:**

Okay, saya sekarang menjemput YAB. Ketua Menteri untuk menggulung.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih YAB. Tuan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua YB. yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi tentang usul yang di bawa oleh kerajaan tentang satu perkara yang sangat penting yang melibatkan masa depan dan juga pembangunan Negeri Pulau Pinang. Saya sekali lagi ingin memulakan ucapan gulung saya dengan meminta semua ahli-ahli pembangkang bahawa kita boleh lihat perkara ini dari sudut kekitaan, sungguhpun kita mungkin ada fahaman politik yang berbeza tapi macam mana pun kita mewakili rakyat Pulau Pinang. Dan di sini perlu saya tegaskan bahawa ini adalah prioriti yang keutamaan kepada kita sebagai wakil rakyat. Dan di sini saya ingin berikan satu gambaran sebagai wakil rakyat kita adalah serupa penaung kepada kawasan kita, baik sebagai bapa mahupun emak kepada pengundi-pengundi yang memilih kita bagi mewakili dan mempertahankan hak mereka. *Now*, sekiranya pengundi-pengundi yang kita anggap anak telah dianaktirikan ataupun menerima layanan yang tidak baik adakah kita akan diri ke tepi sahaja.

Oleh itu kalau kita lihat dalam sudut ini, sekiranya pengundi ataupun rakyat Pulau Pinang yang merupakan amanah kita semua telah diberikan layanan yang kurang adil. Saya rasa adalah tanggungjawab, tugas dan juga amanah kita sebagai wakil rakyat untuk mempertahankan dan juga membela nasib mereka. Janganlah membuat pertikaian sama ada pakaian yang dipakai oleh anak-anak kita adalah pakaian yang dibeli oleh kita atau bukannya. Yang penting ialah ini adalah anak kita. Dan dalam aspek ini kalau kita lihat tentang hujah-hujah tadi bahawa projek-projek yang disebut adalah projek penswastaaan. PFI tidak melibatkan peruntukkan, saya rasa ini adalah sesuatu yang pihak Kerajaan Negeri hendak mendapat kepastian kerana sebelum ini, bila kita mendapat taklimat daripada pihak MRCB tentang Monorail, sebelum pengumuman ini dibuat.

Sebaik sahaja kerajaan baru dibentuk, MRCB telah meminta untuk memberikan taklimat tentang beberapa projek yang dijalankan olehnya dan diantaranya yang dibincangkan ialah projek Monorail. Dan taklimat itu, YB. Tuan Speaker, MRCB telah menyatakan bahawa kos perbelanjaan Monorail akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Ini bukanlah satu projek penswastaaan disebut dari mulut sendiri oleh Pengurus Besar MRCB. Dan sekiranya ini tidak benar, mengapa pula pada tahun 2006, perayaan tahun baru Cina, YAB. Perdana Menteri sendiri apabila datang ke rumah terbuka di Pulau Pinang menyatakan beliau ada tiga hadiah untuk berikan kepada rakyat Pulau Pinang. Kalau hadiah, taksiran hadiah ialah beri dengan hati yang ikhlas yang dengan hati yang penuh ikhlas tanpa syarat. Itu barulah makna hadiah bukanlah dengan bersyarat bahawa ini adalah projek penswastaaan di mana kerajaan tidak perlu keluarkan satu sen pun. Saya rasa itu tidak benar, so dalam aspek ini sila ..... (gangguan)

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Eh, tadi pun dalam ucapan saya, saya katakan sungguhpun ini projek penswastaaan, Kerajaan Pusat mungkin akan bagi sampai 2, 3 ratus juta, untuk kerja-kerja bukan berertinya satu sen pun tak bagi kerja pengambilan tanah itu dan ini, dan semua projek penswastaaan adalah mesti dapat *endorsement* daripada EPU sebab itulah YAB. Perdana Menteri mengumumkan itu. Yang mengenai taklimat yang diberitahu mungkin taklimat itu saya tak tau lah mungkin dibagi taklimat dia sendiri tidak jelas ka, dia beri taklimat kepada YAB. Ya, mungkin lebih jelas lagi sila hubungi pihak EPU dan sebagainya, kerana pihak MRCB mungkin dia sendiri pun tidak begitu jelas dalam hal ini. Terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih YB. Kalau pun tak percaya bahawa MRCB mungkin tak berapa faham, tentang kedudukan pembiayaan projek ini, bila saya jumpa sendiri dengan YAB. Perdana Menteri sebanyak 3 kali dan juga YB. Menteri Kewangan, kedua-dua mereka sendiri menyatakan bahawa projek ini tetap akan jalan dengan pembiayaan wang Kerajaan Persekutuan dan saya tidak tahu seperti yang YB. Penaga sekarang, ia hanya sebilangan kecil

sahaja 200, 300 juta ringgit untuk projek Monorail sebagai satu contoh, disahkan oleh Pengurus Besar, MD itu MRCB dan juga YAB. Perdana Menteri dan juga YB. Menteri Kewangan Kedua, disahkan oleh mereka dan mereka tidak sebut tentang hanya untuk kos pengambilan tanah. *Now*, sekiranya hanya untuk kos pengambilan tanah, saya rasa YB. Penaga pun tahu kos Monorail bukan setakat RM200, RM300 juta adalah sekadar RM2 billion sekurang-kurangnya. Pengambilan tanah mungkin RM200, RM300 juta tapi kalau hanya mampu untuk kos pengambilan tanah RM200, RM300 juta, kita pun sudah tanya tentang *private fund managers* tanpa sokongan daripada atau tanpa ada satu dana wang untuk menjalankan projek Monorail, agak sukar kerana mereka mahu jaminan. Projek Monorail ini perlukan wang pembangunan yang besar dan hanya boleh diberikan menerusi pihak kerajaan. So dalam aspek ini projek ini dibiayai penuh oleh Kerajaan Persekutuan bukan secara penswastaan seperti yang disebutkan oleh YB. Penaga. Kalau sebut penswastaan, mungkin dari segi selepas itu, kita cakap dari segi *CAP Ex* senang *Capital Expenditure*, *Operating Expenditure*, *CAP Ex* akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. *OPEX* iaitu *Operating Expenditure* mungkin ini akan berdasarkan iaitu penswastaan seperti yang disebut oleh YB. Penaga untuk menentukan harga tambah supaya boleh memenuhi kos operasi Monorail ini. So, dalam aspek projek ini, jelas sekali YB. Tuan Speaker bahawa ia adalah projek Kerajaan Persekutuan dan bukanlah penswastaan seperti mana yang didakwa oleh pihak pembangkang. Sila YB. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Terima kasih YAB. Ketua Menteri. Projek-projek yang disebutkan ini adalah hasil daripada perjuangan oleh kepimpinan Barisan Nasional yang lalu di dalam, dulu telah pun berjuang untuk mendapatkan projek-projek ini dan pernah dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri di bawah RMKe-9 kita tanya kepada YAB. Ketua Menteri ketika itu, apakah RMKe-9, apakah projek-projek yang disenaraikan untuk Negeri Pulau Pinang. Semuanya dah disenaraikan dan antaranya yang disebut di situ adalah projek penswastaan di masukkan Monorail dan juga PORR dan juga Jambatan Kedua Pulau Pinang yang dimasuk dan saya masih

ingat sebab itu saya sebut tadi RM692 juta kerana projek penswastaan ini diperuntukkan sebanyak RM692 juta. Saya ingat lebih baik YAB. *check* balik dengan Unit Perancang Ekonomi dan sebagainya supaya mendapat gambaran yang lebih jelas.

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya telah semak dengan UPEN dan mereka hingga sekarang belum pasti apakah projek Kerajaan Persekutuan yang masih akan diteruskan di Negeri Pulau Pinang dan RM692 juta yang YB. Sungai Dua sebutkan tadi bahawa akan di, akan dicantaskan, yang diperuntukkan untuk projek penswastaan ini.....  
(gangguan)

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Yang diperuntukkan untuk projek penswastaan ini termasuk Monorail dan PORR untuk tujuan pengambilan dan juga teknikal dan sebagainya.

**YAB. Ketua Menteri:**

So, itu saya akan semak dengan UPEN sama ada itu adalah betul atau tidak kerana sehingga sekarang mereka masih belum dapat maklumat dan sungguhpun dalam kajian separuh penggal dinyatakan bahawa projek-projek ini tidak akan diteruskan tapi pihak Kerajaan Negeri masih akan berharap agar projek ini dapat diteruskan.

**YAB. Ketua Menteri:**

Bukan dibatalkan, ditangguh dan juga apakah projek yang masih diteruskan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan, sudah jam 6.00 petang sambung masa lagi.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terpulang kepada YB. Tuan Speaker:

**YB. Tuan Speaker:**

Peraturan yang Speaker dibenarkan untuk melanjutkan lagi 15 minit. Diteruskan.

**YAB. Ketua Menteri:**

Kita ada banyak usul lagi, selain daripada yang lain. Yang penting ialah YB. Tuan Speaker. Saya akan cuba segerakan kerana Yang Berhormat semua hendak habiskan. Di sini saya rasa yang penting ialah kita telah berusaha untuk merapatkan hubungan di antara Kerajaan Pusat dan Negeri. Itu sebab kita mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan YAB. Perdana Menteri, sebaik kerajaan baru ditubuhkan. Kita juga bersedia menerima pakai NCIA sunggupun terdapat beberapa perkara yang mungkin menjadi isu, tetapi kita dengan hati ikhlas sedia menerima pakai NCIA, semua dalam bentuk NCER kita masih belum melihat apakah bentuk faedah yang boleh diperolehi oleh Negeri Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi apabila kita lihat dalam projek-projek sedemian, RM4.7 billion punya projek pun telah dibatalkan.

Saya rasa tidak boleh dinafikan baik projek PORR, baik projek monorel, baik projek Empangan Air Mengkuang. Di sini sungguhpun ia dikatakan sebagai satu *soft loan* tanpa faedah, tapi ada faedah, ada faedah, tapi YB. Penaga pun tidak berapa. Betul tak ada faedah? YB. Penaga pun tidak berapa tepat di sini. Tidak mengapa, kita semua insan boleh lakukan kesalahan...(gangguan). Itulah sekarang berbelit-belit lagi. Tadi cakap tanpa faedah, sekarang YB. Sungai Dua ada faedah. YB. Sungai Dua cakaplah yang betul. Ada faedah, itulah sebab kita minta, walaupun sedemian berilah dengan cepat supaya projek ini boleh dijalankan.

Ini berkaitan dengan sumber dan bekalan air. Satu perkara yang sangat penting untuk rakyat Pulau Pinang. Masakan kita hendak menafikan bekalan air yang terjamin kepada rakyat Pulau Pinang. Itu sebab di sini saya harapkan, saya harapkan bahawa dalam usul ini adalah berdasarkan sumpah, angkat sumpah yang

kita telah buat semasa kita menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang.

Dalam angkat sumpah ini jelas dinyatakan bahawa kita mesti mempertahankan perlembagaan negeri dan juga hak rakyat Pulau Pinang. Saya berharap bahawa semua ADUN pembangkang bolehlah berbuat demikian dan kita lihat daripada pelbagai projek yang telah dikurangkan, baik dalam espek program menaik taraf infrastruktur perindustrian di Pulau Pinang dan juga di pihak Pulau dan juga di bahagian tanah besar telah dikurangkan daripada RM128 juta kepada kira-kira RM60 juta. Ini dibuat pada tahun yang lepas, lebih awal lagi, tapi saya tidak melihat sebarang usaha untuk mendapat balik jumlah yang telah diperuntukan dan kita pun pada masa itu sedia untuk menyokong usaha untuk mengembalikan wang yang telah dikurangkan.

Dalam sudut ini saya berharap bahawa apa peruntukan yang diberi, kalau ikut perlembagaan mesti diberi, seperti YB. Berhormat Telok Bahang sebutkan tadi, kira-kira RM100 juta. Itu memang betul. Tetapi RM100 juta, apakah RM100 juta ini, kalau dibandingkan dengan kira-kira RM4.7 billion yang telah pun dinafikan. Dalam aspek ini YB. Tuan Speaker, tentang beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Dari segi angka-angka saya rasa, saya cuba dapatkannya secara tepat tetapi dalam aspek fakta, salah satu sebab utama, saya rasa sebab utama kenapa pihak pembangkang nyatakan mereka kurang yakin ke atas usul ini kerana ia tidak berdasarkan fakta. Apa yang tidak berdasarkan fakta, bila jelas sekali projek ini telah digugurkan daripada projek yang dijanjikan dan kalau ini bukanlah fakta, saya tidak tahu apakah fakta lagi yang diperlukan oleh ahli-ahli pembangkang.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Amat Berhormat, kita tekankan di sini ialah perangkaan. 4.7 billion itu, kerana saya telah jelaskan tadi, ianya dua daripadanya ialah projek penswastaan, jadi pastilah perangkaan itu, bukan fakta.

**YAB. Ketua Menteri:**

Kalau macam ini, saya tanya, kalau kita jangan sebut tentang jumlah wang. Kalau kita sebut tentang projek. Adakah YB. Penaga setuju bahawa projek tanpa angka, tanpa jumlah, projek

monorel, projek PORR, projek Empangan Mengkuang, mestilah dikembalikan dan dipulih kepada Pulau Pinang. Setuju atau tidak?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sesuatu usul yang dibuat mesti terperinci sesuatu itu. Saya tidak boleh bagi blanket macam itu kata projek itu, setuju projek itu. Jadi saya tidak tahu berapa peruntukan semua itu?

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya bukan cakap peruntukan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

lalah. (gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya hanya tanya secara dasar, secara dasar, secara fakta, mudah sahaja. Jangan pergi ke tajuk lain, mudah sahaja. Adakah setuju tiga projek ini, kita jangan sebut kos projek, jangan sebut angka? Adakah setuju tiga projek ini mestilah dikembalikan kepada Negeri Pulau Pinang?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Berapa banyak?

**YAB. Ketua Menteri:**

Setuju atau tidak, tiga projek yang telah dijanjikan sebelum ini. Adakah ia setuju dipulangkan kepada Negeri Pulau Pinang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya...(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Itu *simple question* . *Yes or No*.



**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tanya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan...(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya tanya YB. Penaga dahulu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya hendakkan perangkaan yang sebenarnya. Dalam Dewan yang mulia ini sekali hendak tiga projek ini. Saya tidak boleh hendak mengaku boleh hendak mengaku kata "Ya" ataupun "Tidak". Haruslah mestilah ada berapa jumlahnya itu. Baru saya boleh sokong ataupun menolak. Fare lah.

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya tidak sebut tentang angka.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya perlukan angka.

**YAB. Ketua Menteri:**

Untuk memudahkan YB. Penaga, faham soalan saya. Soalan penting.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya faham.

**YAB. Ketua Menteri:**

Sekarang, sekarang kita tidak mahu sebut tentang kos ketiga-tiga projek ini. Saya tanya secara prinsip. Adakah YB.

Penaga setuju bahawa ketiga-kita projek ini harus dikembalikan dan dipulihkan kepada rakyat Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya menjawabnya sekali lagi. Kalau Yang Amat Berhormat membentangkan bahawa ini sekian banyak, itu sekian banyak, projek ini sekian banyak. Kita boleh *debate*. Ini tidak ada perbincangan terus, setuju atau tidak? Tidak bolehlah macam itu.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hendak kena tanya YAB. Ketua Menteri sama ada kita hendak turuskan masa, sama ada YAB. Ketua Menteri hendak gulung atau tangguhkan sehingga esok.

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya tetap hendak gulung. Tetapi dalam aspek ini saya rasa kerana tidak tahu, kita ada cukup masa untuk habis urusan yang lain. Kerana ada ucapan penangguhan selepas ini. Tetapi sekiranya pihak pembangkang mahu saya membuat jawapan secara bertulis, saya boleh buat dan saya boleh segerakan ucapan penggulungan tanpa kita lanjutkan ke hari esok.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak ada halangan, kalau hendak sambung esok pun boleh, hendak bagi jawapan bertulis pun boleh. Hendak sambung...(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya rasa lebih baik kita buat secara betul pada hari esok, kerana ada beberapa perkara juga yang harus di luluskan. Saya takut betul masa mungkin tidak cukup. Di sini ada 15 minit atau hendak tangguh esok. Terpulang kepada YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Kita tangguh esok.

**YAB. Ketua Menteri:**

Baik.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga esok jam 9.30 pagi 30 Julai 2008.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.15 minit.***